

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 60

Rabu

2 Disember 2015

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	23)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	25)
<b>USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3):</b> ■ Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2015	(Halaman	25)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 2 Disember 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan usaha-usaha susulan dalam menjadikan sektor pengangkutan udara dan terminal lapangan terbang khususnya Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) yang telah memberikan sumbangan besar kepada pengukuhan integrasi nasional.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia. Salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengukuhkan integrasi nasional melalui pengangkutan udara dan terminal lapangan terbang khususnya Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menyedia dan menambah kekerapan penerbangan terutamanya bagi menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk menyedia dan menambah penerbangan adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan kepada *commercial liability*, dengan izin ke destinasi-destinasi tersebut. Di samping itu kerajaan sentiasa mengkaji keperluan untuk membangun infrastruktur dan kapasiti lapangan-lapangan terbang untuk menampung keselesaan dan pengendalian penumpang dari semasa ke semasa.

Bagi KKIA khususnya, kerajaan telah melaksanakan projek menaik taraf dan memanjangkan landasan di Terminal 1 KKIA dengan kos RM1.7 bilion bagi meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang sehingga 9 juta penumpang setahun. Adalah dijangkakan kapasiti tersebut mampu menampung keperluan operasi sehingga tahun 2020.

Di samping itu bagi mengukuhkan integrasi nasional di Sabah dan Sarawak, kerajaan sejak Oktober 2007 telah mewujudkan perkhidmatan, dengan izin *Rural Air Services* (RAS) bagi tujuan membantu rakyat Sabah dan Sarawak menggunakan pengangkutan udara ke setiap bandar dan kawasan di Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah membelanjakan hampir RM900 juta untuk perkhidmatan RAS ini sejak ianya dilancarkan.

Seterusnya untuk menggalakkan *connectivity*, dengan izin di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, AirAsia dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah menambah penerbangan dan frekuensi penerbangan mereka antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Mulai Oktober 2015, AirAsia telah menambah frekuensi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sibu dari 35 penerbangan kepada 41 penerbangan seminggu. Terima kasih.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) yang telah berwajah baru seperti yang disebutkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menjadi hab kepada pelancong-pelancong yang datang ke Kota Kinabalu. Saya difahamkan pada tahun 2014, seramai 6.79 juta penumpang, 1 juta adalah pelancong luar negara.

Soalan saya, penerbangan terus daripada China lebih kurang 20 penerbangan setiap minggu. Adakah kementerian ataupun saya memohon kepada kementerian juga dapat menggalakkan walaupun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menggalakkan penerbangan terus ke Lapangan Terbang KKIA ini. Soalan kedua saya berapa ramai anak tempatan yang mendapat manfaat daripada atau *Rural Air Services* (RAS) ini, dengan izin. Apakah program RAS ini yang telah mencapai hasrat integrasi nasional? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai pelancong ke Sabah. Pada keseluruhan pelancong ke Sabah memang meningkat dan penerbangan daripada negeri China juga meningkat. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan untuk meningkatkan pelancongan di Sabah. Malah untuk makluman Ahli Yang Berhormat Libaran, MAHB telah menyumbang RM10 juta kepada *Tourism Sabah* untuk memastikan pelancongan di Sabah lebih dinamik.

## ■1010

Sebagai contoh yang terbaru Southern China Airlines telah memulakan penerbangan ke KKIA semalam dan ia mempunyai frekuensi tiga kali seminggu dari Bandar Guangdong di negara China. Jadi maknanya, China Southern Airlines ini akan menambah pelancong dari negara China dengan tiga kali seminggu, Guangdong ke Kota Kinabalu.

Seterusnya mengenai berapa ramai yang mendapat manfaat daripada RAS ini, boleh dikatakan saya mengambil *percentage* daripada penggunaan KKIA sebanyak lebih kurang 70% pengguna lapangan terbang ini adalah daripada *passenger domestic* ataupun penumpang domestik. Jadi kalau daripada enam juta itu lebih kurang empat juta adalah daripada penumpang domestik.

Maknanya, penduduk tempatan telah dapat menggunakan sepenuhnya perkhidmatan RAS ini kerana perkhidmatan RAS ini telah dapat menghubungkan antara bandar-bandar seluruh negeri Sabah dan di negeri Sabah lebih kurang ada lima lapangan terbang dan termasuk dua *stall* ataupun *runaway* dan ini menjadikan keseluruhan di negeri Sabah dapat dihubungkan dengan tujuh lapangan terbang yang dapat mewujudkan integrasi nasional ke tahap yang lebih baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya bagi Yang Berhormat Putatan walaupun ia tidak lazim kerana kita akan buat secara bergilir-gilir. Akan tetapi soalan ini melibatkan isu di kawasan Putatan. Yang Berhormat Putatan, kalau selalu panjang dan lebar soalan tambahan, hari ini tolong pendekkan Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sungguh hebat. Sahabat saya dari Arau pun ada sini dengar. Dia suruh saya tanya soalan ini Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan *regional*, *Rural Air Services* di Sabah ini memang betul, kawasan lapangan terbang itu dalam kawasan saya dan ini saya menerima selalu teguran daripada penumpang-penumpang yang mana dicadangkan RAS ini tukar kepada RAS juga tetapi bukan *rural* tetapi *regional*.

Jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang ada tujuh lapangan terbang di Kota Kinabalu itu saya tidak tahu mana lapangan terbang yang masih beroperasi.

Soalan saya sebenarnya adalah mencadangkan supaya oleh sebab pelancong-pelancong ke negeri Sabah sungguh berminat untuk datang ke negeri Sabah walaupun ia ada soal keselamatan sedikit sebelah ESSCOM yang mana Ahli Parlimen Arau menjaga, membantu kami menjaga keselamatan di negeri Sabah tetapi banyak pelancong terutama sekali bukan sahaja pelancong tetapi pekerja-pekerja yang datang ke negeri Sabah itu Yang Berhormat Menteri untuk ulang-alik ke kampung mereka sendiri terutama sekali pekerja-pekerja dari Indonesia.

Jadi saya dulu kita ada perkhidmatan penerbangan dari Sabah ke Tawau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan, soalan Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ke Balik Papan dan Samarinda dan juga kepada Davao dan Sibutu di Filipina. Pelancong dari sana datang ke Sabah, sungguh berminat datang ke Sabah dan satu lagi yang dulu ada services ATR ini servis daripada Kota Kinabalu pergi ke Palawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Palawan ini adalah tempat yang *paradise* dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan jadikan kebiasaan macam ini Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini, ini soalan, ini soalan. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri bercadang, cadangan saya ini supaya 'R' *rural* itu ditukar kepada *regional*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, RAS ini tujuannya adalah untuk membantu rakyat tempatan untuk berhubung ataupun bergerak dengan mudah dalam negeri Sabah dan Sarawak. Maka, sebab itu kerajaan membelanjakan sehingga hari ini RM900 juta untuk memberi *paradise* sana subsidi, subsidi kepada pengangkutan udara untuk masyarakat Sabah dan Sarawak. Jadi, ia tidak dapat diubah kepada *regional* kerana kalau kita pergi *regional*

yang dapat manfaat nanti adalah warga negara asing. Jadi tujuan *Rural Air Services* adalah untuk dimanfaatkan rakyat Malaysia sahaja. Terima kasih.

2. **Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]** minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan setelah hampir setahun daripada tarikh bencana banjir besar melanda negeri Kelantan, setakat bulan Oktober 2015 ini, berapa buahkah rumah mangsa banjir yang telah disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, NGO serta orang perseorangan di negeri Kelantan, dan ia mewakili berapa peratuskah daripada jumlah keseluruhan rumah yang sepatutnya dibina.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, kahwin dua, saya jawab soalan nombor dua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu rahsianya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, semoga saya dapat mengalukan tetamu yang berpakaian cantik di atas sana. Saya tak tahu daripada mana Tuan Yang di-Pertua. Selamat datang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 24 November 2015, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 unit rumah kekal baru (RKB) yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan akan membina 1,123 unit. Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak 449 unit, manakala NGO sebanyak 187 unit. Sejumlah 68 unit lagi didapati tidak layak menerima bantuan RKB berdasarkan kepada siasatan oleh pihak berkuasa. Kalau Yang Berhormat jumlahkan jadi 1,827.

Sehingga kini, sebanyak 235 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama sebanyak 239 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 388 unit lagi dalam peringkat pra bina. Selain itu, 143 unit RKB lagi baru mendapat pengesahan status hak milik tanah dan pembinaan rumah-rumah ini dijangka akan siap pada bulan Januari 2016.

Sebanyak 118 unit lagi sekarang dalam siasatan untuk menentukan kelayakannya. Walau bagaimanapun, tapak untuk unit-unit siasatan ini telah pun disediakan. Peratusan jumlah pembinaan RKB setakat ini ialah sebanyak 76.76% daripada jumlah keseluruhan yang patut dibina. Kalau Yang Berhormat kira balik yang saya sebut tadi yang kedua itu, peringkat kedua, jumlahnya ialah 1,123. Jadi sama angka, tidak lari ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya mengucapkan terima kasih atas usaha yang telah dilakukan oleh semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, NGO, orang perseorangan dan juga parti-parti politik yang telah membantu untuk mengembalikan kehidupan mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Walaupun daripada jawapan telah diberikan, saya merasakan jumlah peratusan rumah kekal yang telah dibina itu sangat kecil,

235 yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan mewakili mungkin 20% sahaja daripada jumlah yang sepatutnya dibina.

Apa pun, adakah- soalan tambahan saya, adakah kerajaan bersetuju dengan kenyataan saya bahawa masalah sebenar yang melibatkan kelambatan pembinaan rumah-rumah ini ialah apabila banjir yang luar biasa ini, bencana luar biasa ini ditangani dan juga diuruskan dengan cara yang biasa sahaja. Sebab itulah kelambatan itu berlaku. Adakah kerajaan bersetuju?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya - Yang Berhormat, yang ini tak berapa setuju. Yang lain-lain kita boleh setuju, tetapi Yang Berhormat hadir majlis PKR itu saya tak setuju ya. Yang lain-lain, okey, boleh, kita boleh kerjasama.

#### ■1020

Yang Berhormat, sebenarnya usaha untuk membina rumah pasca banjir ini ditangani secara luar biasa. Kerajaan telah menubuhkan Unit Pasca Banjir yang melibatkan lebih daripada 50 orang pegawai kanan daripada Jusa A sampai ke bawah daripada peringkat teknikal, *engineering* sampai ke peringkat lain telah bekerjasama bertungkus-lumus untuk mendapatkan tanah untuk membina rumah. Yang Berhormat sedia maklum bahawa masalah besar kita ialah masalah tanah. Akan tetapi semua ini sudah berlalu menjadi sejarah di mana usaha kita bertungkus-lumus itu akhirnya telah menjadi kenyataan di mana bulan Februari ini semua siap dibina, Yang Berhormat.

Kita hendak bagi tahu, saya tengok unit ini Unit Pasca Banjir yang bekerjasama ini, saya kena tabik kepada mereka. Mereka berulang alik dan sebahagian besar pegawai kita masih berada di peringkat bawah sana untuk menyelia pembinaan rumah-rumah. Jadi kalau Yang Berhormat tengok saya bagi angka tadi, yang Kerajaan Persekutuan itu akan siap bulan Februari tidak ada masalah.

Cumanya beberapa kelambatan itu memang berlaku. Akan tetapi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, ini proses untuk hendak laksanakan ini luar biasa. Kalau negeri-negeri lain juga mungkin ada masalah, kalau proses biasa ini proses luar biasa. Kita pergi jumpa semua pihak, runding dengan Menteri Besar dan pelbagai pihak. Akan tetapi kita tahu bahawa masalah tanah ini adalah masalah yang cukup rumit.

Keduanya, ialah kesesuaian tanah Yang Berhormat, tanah memang banyak tetapi kesesuaian semuanya terlampau jauh dari penempatan, beberapa kali kita tolak beberapa kali kita terpaksa ubah tempat kerana kesesuaian sebab orang yang hendak terima rumah ini pun kadang-kadang ada juga sedikit kerentan kerana mereka hendak tempat yang tidak jauh dari tempat mereka.

Jadi kita mengucapkan terima kasih kepada semua anggota kerajaan yang telah bertungkus-lumus dan saya bagi tahu sekali lagi proses ini adalah proses luar biasa dan keduanya kita hendak maklum bahawa hasil daripada pendekatan luar biasa itu kerajaan telah menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara yang juga luar biasa sebab satu unit khusus untuk menghadapi bencana negara.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita lihat setiap tahun apabila berlaku banjir berjuta wang negara terpaksa digunakan untuk membantu rakyat. Jadi saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan semua agensi yang telah membantu baik Kelantan khususnya.

Persoalan saya di sini ialah apakah langkah jangka panjang untuk menangani isu banjir yang hampir setiap tahun kami akan berhadapan dengan banjir untuk memastikan mengurangkan kerugian yang dialami oleh rakyat dan apakah langkah pemulihan ekonomi selain daripada masalah rumah adalah masalah pemulihan ekonomi di kalangan mangsa-mangsa banjir yang kebun mereka rosak, tanaman mereka musnah, binatang mereka hanyut dan sebagainya akibat daripada banjir? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Rantau Panjang, langkah jangka panjang kita telah kenal pasti termasuk banjir di Rantau Panjang, kita telah kenal pasti. Sebab kalau kita berjalan di tebing sungai Rantau Panjang kita akan nampak di sebelah Golok sana ada ban tembok tanah untuk menghalang banjir. Kita sebelah menyebelah dengan Thailand. Cumanya pembinaan sebelah kita ini kalau kita tengok permohonan terlampau mahal. Sebelah sana kita dengar cerita murah, pakai kapal korek buat tembok. Kita agak mahal. Tetapi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat kita telah kenal pasti langkah jangka panjang.

Keduanya, berhubung dengan ekonomi, Yang Berhormat saya telah umumkan di Parlimen ini di mana Kementerian Pertanian dan juga pelbagai kementerian lagi telah pun menangani masalah ini dan saya hendak bagi tahu Kelantan adalah negeri yang paling banyak mendapat bantuan ekonomi termasuklah Amanah Ikhtiar, TEKUN, kemudahan bank dibagi dengan begitu luar biasa kepada Kelantan. Pertolongan kepada Kelantan ini Yang Berhormat saya hendak bagi tahu, adalah cukup luar biasa.

Cuma yang kita tidak dapat berkaitan dengan undi sahaja, yang lain semua Kerajaan Persekutuan bagi. Negeri yang paling banyak bagi undi kepada Kerajaan Persekutuan ialah Perlis. Kita bagi 100% undi kepada Kerajaan Persekutuan. Tetapi kita tidak dapat macam Kelantan. Kelantan ini apabila banjir berlaku kita kena pasti satu persatu Amanah Ikhtiar masuk, TEKUN masuk, Bank Pertanian, Bank Rakyat masuk.

Jadi semua pihak masuk untuk menangani masalah. Jadi itu sebab itu kita lihat semua kawasan banjir ini tiba-tiba pulih seperti sedia kala dan dalam keadaan tertentu dia melebihi lagi daripada segi ekonomi juga kerajaan bagi peruntukan yang biasa. Cuma nasihat saya ialah kepada semua pihak kerajaan negeri rakyat Malaysia saya minta supaya menjaga tangan mu, jangan tebang pokok. Sebab ini masalah besar oleh kerana kekurangan pokok, kecurian pokok-pokok menyebabkan banjir mudah berlaku.

Jadi jangka panjangnya di samping kita buat tebatan banjir, kita kena bagi perhatian kepada penanaman pokok di kawasan hutan yang telah dibuka sama ada secara rasmi ataupun tidak rasmi. Ini penting. Kalau negeri ini dipenuhi oleh pokok semula, sudah pasti kita dapat kurangkan kos untuk menghadapi banjir, terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan, Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas keprihatinan. Saya rasa banjir ini bukan sekadar di Kelantan Tuan Pengerusi juga di tempat-tempat lain juga termasuk di kawasan Parlimen Parit Sulong. Akan tetapi soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan soalan asal tadi. Soalannya adalah apakah tindakan kerajaan sekiranya pembinaan RKB yang sekarang ini belum lagi selesai, ini akan terjejas sekiranya bencana banjir ini akan berlaku sekali lagi? Memandangkan sekarang ini adalah musim hujan dan kemungkinan ianya akan berlaku. Selain daripada latihan simulasi banjir yang Yang Berhormat Menteri tadi nyatakan, apakah tindakan-tindakan lain yang boleh dikongsikan di dalam Dewan yang mulia ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Orang yang baik, lawa pula dapat soalan nombor tiga. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya banjir berlaku di Kelantan, di tempat yang sama banjir akan berlaku dan kita akan meneruskan pembinaan. Banyak tempat yang kita bina sekarang ini Yang Berhormat ialah tempat yang tinggi yang kita rasa tidak mungkin mereka kena banjir. Tempat pembinaan itu tidak kena banjir, *insya-Allah*. Akan tetapi tempat kalau mereka duduk di bawah lagi banjir akan kena. Akan tetapi kita kena ingat bahawa fenomena sekarang yang akan berlaku ini fenomena yang berlaku di seluruh dunia di mana tahun ini dan juga awal tahun hadapan dia panggil cuaca *extreme El Nino*, luar biasa.

Tahun 1997 telah berlaku kita lihat banyak kehilangan harta benda nyawa dan kerajaan seluruh dunia menghadapi ancaman cukup luar biasa kerana kekurangan air. Tahun ini juga kita menghadapi benda yang sama iaitu cuaca panas sedang melanda Lautan Pasifik dan selepas ini ia akan mendatangkan kesan. Dengan itu kita menjangkakan bahawa banjir ini tidak sebesar seperti yang berlaku pada tahun sebelumnya. Ini ialah jangkaan manusia. Allah yang menentukan.

Kita membuat persediaan bahawa seolah-olah kita sedang menghadapi banjir yang besar seperti tahun sebelumnya. Malah Unit Agensi Pengurusan Bencana Negara sekarang ini bukan diketuai oleh - ini diketuai oleh serang Menteri untuk menghadapi bencana. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat panggillah saya Menteri Pengurusan Bencana. Jangan sebut saya 'Menteri Bencana'. *[Ketawa]* Seolah-olah mendoakannya, tidak baik. Nanti kena.

Yang keduanya berhubung dengan latihan ataupun simulasi ia kita akan jalankan terus, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan jalankan terus dan saya meminta kadang-kadang minta melalui TV ini lebih mudah, saya minta semua pejabat daerah, sudah jumpa semua peringkat komuniti mengadakan simulasi dan juga peringkat negeri. Ini kena bagi perhatian yang serius. Jangan tunggu banjir datang baru kita hendak buat. Tidak boleh. Sekarang ini sudah mula buat, walaupun hujan turun inilah percubaan yang cukup cantik. Kalau kita buat simulasi semasa hujan turun.

#### ■1030

Jangan tunggu masa panas buat simulasi, dia tak dapat kesan dia itu. Buat masa hujan turun sekarang, buat simulasi. Duduk dua hari, kalau banjir terus berlaku terus berada di sana sehingga banjir tidak ada dan saya hendak minta supaya wakil-wakil rakyat Parlimen dan juga

negeri bekerjasama dengan pejabat daerah dan juga peringkat komuniti dengan agensi seperti JPAM, bomba, polis, tentera dan sebagainya bekerjasama untuk sama-sama menangani masalah banjir.

Saya hendak bagi tahu bahawa banjir, dadah, dan juga lain-lain lagi tidak mengenal parti. Mereka akan melanggar kita habis-habisan, dengan itu kita kena bekerjasama untuk menghadapi banjir malah kalau hendak tengok kesepaduan politik yang paling luar biasa dalam dunia ini ialah bila banjir. Semua orang-orang akan berada di sana dan tidak bercakap pasal politik, bercakap bila hendak makan dan sebagainya. Terima kasih.

**3. Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan melalui Akta Komunikasi dan Media 1998 serta Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 apakah usaha yang telah dirangka oleh kementerian dalam menangani masalah buli siber dan penipuan perbankan.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Silam yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tiga lagi pertanyaan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Ketereh yang bertarikh pada 2 Disember 2015 dan juga Yang Berhormat Paya Besar yang bertarikh pada 3 Disember 2015 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan isu media sosial.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara amnya semua undang-undang di Malaysia adalah diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan ataupun platform yang digunakan. Oleh itu apa yang salah di alam nyata juga adalah salah di alam maya. Aktiviti buli siber ataupun dengan izin, *cyber bullying* juga boleh menjadi kesalahan di bawah peruntukan undang-undang bertulis di Malaysia. Berhubung itu buli siber, adalah didapati bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah penggunaan internet yang tidak berhemah serta suka berkongsi kandungan yang bercorak kontroversi.

Sebagai contoh, sikap pengguna yang suka mendedahkan maklumat peribadi mereka terutamanya di laman rangkaian sosial akan memberi peluang kepada orang yang tidak bertanggungjawab untuk menyalahgunakan maklumat tersebut untuk tujuan yang negatif. Berhubung isu penipuan perbankan pula, Bank Negara Malaysia telah menujuhkan *Internet Banking Taskforce* dengan izin pada tahun 2004 di mana melalui *task force* ini, kementerian melalui pihak SKMM sentiasa bekerjasama dengan pihak Bank Negara Malaysia dan juga PDRM dalam isu penipuan perbankan.

Manakala bagi menjawab soalan Yang Berhormat Ketereh dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor, kementerian melalui SKMM sentiasa komited dalam menangani sebarang aktiviti penyalahgunaan media sosial. Pemantauan berkala sentiasa dilakukan dan sekiranya terdapat

sebarang kandungan yang bercanggah dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, tindakan penguatkuasaan sewajarnya akan diambil.

Walau apa pun, sebarang kesalahan yang dilakukan menggunakan platform internet termasuklah penyebaran fitnah di media sosial adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan lain-lain perundangan dan tidaklah hanya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sahaja. Dalam hal ini, pihak SKMM akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang terlibat dalam memberikan bantuan teknikal sekiranya perlu bagi kes-kes yang dilakukan dalam talian.

Dalam menangani isu-isu ini, selain daripada pemantauan berterusan, tindakan undang-undang di mahkamah dan kerjasama di antara agensi penguat kuasa undang-undang lain, kementerian melalui SKMM turut mengambil inisiatif mendidik para pengguna mengenai penggunaan *internet* secara positif dengan memfokuskan kepada empat isu utama bagi meningkatkan dan memantapkan kesedaran masyarakat awam mengenai tanggungjawab ketika menggunakan internet di era serba digital ini.

Antaranya:

- (i) penyebaran maklumat palsu,
- (ii) buli siber,
- (iii) tabiat *over sharing* dan;
- (iv) penipuan kewangan *internet*.

Manakala bagi menjawab soalan Yang Berhormat Paya Besar pula, berdasarkan Indeks Keselamatan Siber Global 2014 yang dikeluarkan oleh *International Telecommunications Union* (ITU) pada awal tahun ini, dalam kalangan 193 buah negara, Malaysia berada di tangga ketiga bersama-sama Australia dan juga Oman di belakang Amerika Syarikat dan Kanada.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, pihak kementerian telah menyiasat beberapa kes berhubung penyalahgunaan internet di bawah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di mana untuk tahun 2012, bilangan kes yang diterima dan disiasat adalah sejumlah 94 kes, untuk tahun 2013, sejumlah 125 untuk kes diterima dan disiasat manakala tahun 2014 sebanyak 63 bilangan kes diterima dan disiasat dan setakat Oktober 2015, bilangan kes diterima dan disiasat adalah 31. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Blogger seks, Alvin Tan yang saya percaya kita semua mengenali hamba Allah ini yang sering kali mewujudkan kontroversi perkauman dan agama sehingga hari ini masih bebas menjalankan aktiviti buruknya dan mengutuk Kerajaan Malaysia kerana beliau berada di Amerika Syarikat dan mendapat perlindungan suaka politik di negara itu. Soalan saya, apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan kerjasama di peringkat antarabangsa terhadap isu jenayah siber supaya kegiatan-kegiatan *blogger* seperti Alvin Tan ini dapat dibendung dan dikawal. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Silam, apabila kita bercakap berkaitan dengan jenayah siber, takrifannya adalah luas tetapi kita perlu melihat secara komprehensif di mana di bawah pihak kerajaan, kita telah menubuhkan satu agensi iaitu MKN iaitu Majlis Keselamatan Negara di mana antara pendekatan yang dilaksanakan ialah pelaksanaan Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP) di mana secara holistiknya pelbagai langkah telah diperkenalkan terutamanya untuk menangani isu berkaitan dengan infrastruktur maklumat kritikal negara supaya kita sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga.

Manakala mengenai isu yang ditimbulkan berkaitan dengan kes Alvin Tan, seperti yang kita sedia maklum bahawa isu ini telah diambil tindakan di bawah Kementerian Dalam Negeri di mana satu proses perbincangan telah diadakan di antara pihak KDN, PDRM dan juga pihak SKMM bagaimana cara terbaik untuk menangani isu yang dilakukan oleh pihak Alvin Tan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun kes beliau masih ditangani tetapi kes pendakwaan beliau di bawah Seksyen 41, Akta Hasutan dan juga Akta Penapisan Filem walaupun tanpa kehadiran Alvin Tan di mana rakan yang terlibat sama dalam kes beliau itu iaitu wanita tersebut masih berlaku dan ianya akan disambung pada 4 Januari tahun depan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat isu buli siber ini sangat serius dan perlu ditangani oleh pihak kementerian secara holistik dan secara berterusan. Ini kerana ketika ini, bila menyebut tentang buli siber, pernyataan-pernyataan pemimpin ataupun individu boleh diputarbelitkan dengan keadaan-keadaan info grafik yang memungkinkan satu persepsi yang dikatakan persepsi keganasan dan persepsi ini boleh menyebabkan ketidaktentuan terutama sekali di kalangan rakyat dan boleh mewujudkan satu keadaan yang boleh mengacau serta menghuru-harakan persepsi rakyat kepada setiap pernyataan individu atau pemimpin.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat manakah pihak kerajaan telah menjalankan kajian terhadap undang-undang dan kaedah pencegahan dengan membuat perbandingan negara-negara maju dan negara luar dalam menangani isu buli siber kerana pada hemat saya, ianya harus segera ditangani terutama sekali memutarbelitkan kenyataan dan boleh menyebabkan persepsi yang negatif hingga menimbulkan suasana ke arah melakukan keganasan persepsi dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kuala Selangor, sebenarnya undang-undang sedia ada seperti yang saya sentuh tadi iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia terutamanya di bawah Seksyen 233 boleh diambil tindakan terhadap pihak yang menyalahgunakan internet terutamanya yang bersifat mengancam ataupun yang jelik.

**■1040**

Ini kerana kita lihat apabila kita bercakap berkaitan siber buli, ianya bukan fizikal buli tetapi ianya adalah lebih kepada emosi. Jadi inilah persepsi yang kita cuba tangani kerana ia lebih terlibat kepada golongan remaja terutamanya di kalangan anak-anak yang bersekolah. Jadi di pihak kita sebenarnya, di pihak kementerian melalui SKMM dengan peruntukan yang sedia ada itu boleh kita takrifkan sekiranya mana-mana kandungan yang berbentuk *harassment* ataupun *offensive*, dengan izin bolehlah diambil tindakan di bawah seksyen 233.

Bagi kandungan yang melibatkan elemen-elemen lain seperti fitnah, ugutan dan sebagainya terdapat undang-undang spesifik yang saya maklumkan tadi seperti Akta Fitnah, Kanun Keseksaan, Akta Hasutan dan sebagainya. Pada setiap masa sekiranya terdapat mana-mana agensi yang memerlukan bantuan dari segi teknikal melalui SKMM, kita akan bantu.

Cuma permasalahan kita sekarang ini saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor kerana bagaimana kita hendak menangani persepsi. Sebagai contoh, kita ambil kes yang pernah berlaku iaitu di mana satu wanita yang melanggar, kereta beliau dilanggar oleh seorang warga emas. Apabila benda itu telah diviralkan di dalam YouTube jadi masyarakat telah menggunakan maklumat peribadi wanita tersebut untuk mengganggu emosi. Itu yang kita mengandaikan sebagai buli siber sedangkan apa yang berlaku itu telah berlaku di dalam kaedah Akta Jenayah yang berbeza.

Jadi di pihak kementerian seperti yang saya maklumkan kita akan meneruskan program kesedaran. Di mana cara penggunaan internet termasuklah elemen buli siber ini kita akan tekankan dan kita akan melakukan proses *engagement* dengan pihak-pihak berkaitan seperti PDRM, KDN dan sebagainya untuk mendidik para pengguna di luar sana. Terima kasih.

**4. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada program diradikalasi dan pemulihan telah dilakukan ke atas pejuang-pejuang ISIS dan Syria yang telah kembali ke tanah air serta perincinya termasuk jumlah orang yang terbabit.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajak semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk tidak lagi menggunakan istilah kumpulan IS (*Islamic State*) tetapi sebaliknya memanggil kumpulan militan ini sebagai DAISH, (al-Dawlah al-Islamiyah al-Iraq wal-Sham). *[Ketawa]* DAISH.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri pun susah hendak sebut.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]* Ini kerana kumpulan ini bukanlah sebuah negara Islam, *Islamic State* dan langsung tidak menggambarkan ciri-ciri keislaman dalam setiap tindak tanduk mereka. Jadi sebelum saya mulakan jawapan saya, saya hendak bagi sedikit makluman kepada Dewan. Setakat ini mengenai penglibatan rakyat Malaysia di luar negara di Iraq dan di Syria dalam aktiviti berkaitan dengan DAISH ini.

Jumlah ini sehingga November 2015, jadi jumlah mereka yang telah dikenal pasti terlibat dalam aktiviti keganasan di Iraq dan Syria ini jumlahnya 72 orang, lelaki 58 orang dan perempuan 14 orang. Dalam pecahan 72 orang itu, yang masih lagi berada di sana masih berjihad berjumlah 51 orang, yang sudah meninggal dunia 14 orang, yang sudah balik ke Malaysia tujuh orang. Jadi tujuh orang yang sudah balik Malaysia ini kita sudah ambil tindakan, kita sudah tangkap mereka tujuh orang ini. Ada yang telah dibawa ke mahkamah, dijatuhkan hukuman dan ada yang dalam perbicaraan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai Program *The Radicalization*, dengan izin dan kebolehan khusus bagi semua banduan dan tahanan yang terlibat dalam kegiatan ekstremis militan. Program *The Radicalization* ini dan pemulihan ini dilaksanakan secara bersama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pejabat Mufti dan juga Majlis Agama Negeri. Ia meliputi program-program pemulihan berbentuk keagamaan, kerohanian, kewarganegaraan, psikologi, hubungan kekeluargaan dan nilai-nilai murni bagi meneutralkan ancaman ideologi ekstremis yang didukung oleh kumpulan sasar terbabit.

Tuan Yang di-Pertua sehingga 18 November 2015, seramai tujuh orang rakyat Malaysia telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 SOSMA. Setelah dikesan pergi ke Syria dan Iraq kerana berjuang dan mengangkat senjata bersama Kumpulan DAISH kononnya atas nama jihad dan telah ditangkap setelah kembali ke Malaysia. Daripada jumlah tersebut seramai dua orang yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah di bawah Kanun Keseksaan 130J(1)(b) yang kesalahannya adalah menggalakkan orang untuk meninggalkan Malaysia untuk menyertai aktiviti keganasan.

Manakala baki lima orang masih dalam proses perbicaraan. Di samping itu kerajaan juga memperkuatkan lagi hubungan antarabangsa kita dan akan mengadakan *International Conference on the Radicalization and Countering Violent Extremism 2016* iaitu conference ini akan diadakan di Kuala Lumpur pada 25 Januari dan 26 Januari 2016.

Tujuannya adalah untuk memperkuatkan lagi perkongsian maklumat dan pengalaman di antara negara-negara yang akan hadir. Juga mempromosikan modul pemulihan yang digunakan oleh Malaysia untuk memulihkan mereka yang terlibat dalam aktiviti keganasan. Conference ini akan disertai oleh anggota-anggota ASEAN bersama dengan negara-negara yang lain seperti United States (US), United Kingdom, Australia, Perancis, China, Jepun, United Arab Emirates dan juga Arab Saudi. Sekian terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan. Sememangnya ancaman radikalisme daripada pihak-pihak seperti DAISH ini harus dibendung dengan kaedah yang holistik *winning the heart in mind*. Bukan sekadar ke atas individu yang terbabit tetapi juga ke atas masyarakat secara umum. Jadi soalan saya, apakah kriteria yang digunakan untuk mengukur kejayaan dalam proses *the radicalisasi* ini dan maksudnya bagaimana kerajaan mengenal pasti sama ada seseorang individu itu telah berubah? Apakah langkah-langkah pemantauan susulan untuk

memastikan mereka tidak kembali kepada fahaman *radicalism*, adakah mereka dikenakan *electronic monitoring device* umpamanya. Pohon dijawab, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih. Memang dalam soal memulihkan suspek pengganas ini kita tidak boleh pasti 100% sama ada mereka benar-benar pulih. Akan tetapi kita melihat kepada trend pemulihan tersebut. Maknanya kalau ada nampak tanda-tanda pemulihan seperti suspek itu mengaku dia bersalah, itu merupakan langkah yang pertama. Lepas itu kita lihat sama ada mereka hendak menyertai tidak modul-modul pemulihan yang kita telah kenakan kepada mereka.

Pengalaman ini juga datang daripada pengalaman menguruskan suspek di bawah ISA. Jadi kita melihat sama ada suspek ini memberi kerjasama atau tidak kepada pihak polis sekiranya diperlukan. Kita juga melihat kepada sokongan keluarga mereka sama ada mereka akan kembali rapat dalam keluarga mereka atau mereka akan menjauahkan diri. Ini kerana sokongan keluarga ini juga merupakan satu ukuran yang digunakan untuk menilai sama ada mereka masih lagi terlibat dalam aktiviti keganasan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bendera, di bawah POTA satu Program Pemulihan Bersepadu Tahanan POTA sedang dibentuk. Diharap dalam Program Pemulihan Bersepadu POTA ini, langkah-langkah ataupun ukuran-ukuran yang lebih nyata akan dapat dilaksanakan melalui program pemulihan ini. Kementerian juga bercadang untuk mengenakan pemakaian *electronic monitoring device* (AMD) ini kepada mereka yang bakal ditahan di bawah POTA. Setakat ini belum ada lagi tetapi kalau ada kita akan kenakan pemakaian AMD. Jadi kita tahu di mana mereka pergi dan kita boleh monitor program pemulihan mereka dengan lebih rapat lagi. Terima kasih.

#### ■1050

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu DAISH ini sebagaimana yang kita tahu adalah isu agama. Salah faham terhadap agama. Mereka terlalu hendak kepada *Daulah Islamiyah*. DAISH ini Iraq dengan Syam. Sudah pasti penyelesaiannya adalah penyelesaian secara agama sebagaimana yang disebut sebelum ini bahawa ada dalam tahanan ISA dahulu, kita diberitahu bahawa susahnya untuk kerajaan memulihkan mereka. Begitu juga seperti isu *Al-Arqam* dahulu. Susahnya kerajaan untuk hendak baik pulihkan pemikiran orang-orang yang salah faham terhadap agama ini.

Soalan saya adakah pihak kementerian merujuk kepada bantuan daripada pihak JAKIM? Ustaz-ustaz dan guru-guru agama yang berpengalaman untuk memulihkan mereka?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Seperti saya sebutkan tadi, memang kita mengadakan program ini bersama-sama dengan JAKIM dan pakar-pakar daripada JAKIM. Ukuran yang terbaik bagi kejayaan kerajaan mengekang aktiviti ekstremis ini ialah di Malaysia sekarang ini sudah lama tidak ada kejadian keganasan. Itu ukuran yang saya rasa yang terbaik yang boleh kami buktikan. Masalah sekarang ini sebenarnya orang yang menyertai kumpulan DAISH ini, daripada kajian yang dibuat kepada orang yang ditangkap ini, mereka sebenarnya kebanyakannya kurang didikan kepada atas agama.

Jadi kalau mereka tidak kuat dari segi agama dan mereka perlu didikan yang lebih mendalam mengenai agama, jadi itu kadang-kadang proses itu mengambil masa yang lama. Jadi sebab itu saya sebutkan tadi Program Pemulihan Bersepadu di bawah POTA ini akan dibentuk. Modulnya akan dipertingkatkan lagi supaya ia juga mengandungi modul yang boleh memulihkan orang yang kurang didikan atasas agama ini.

Kalau orang yang kuat atasas agama senang. Lebih senang untuk dipulihkan tetapi orang yang tidak ada atasas agama yang kuat ini, ini. Apakah cara yang kita boleh gunakan untuk mengelakkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti DAISH ini. Sekian, terima kasih.

**5. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejak Rang Undang-undang Gaji Minimum diperkenalkan, berapa ramai majikan yang telah diambil tindakan dan dikenakan tindakan undang-undang kerana tidak melaksanakan dasar gaji minimum tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sibuti;

*Dari desa pergi ke paya,*

*Saya sudah sedia.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Saya juga ambil kesempatan mengucapkan selamat datang kepada Persatuan Guru dan Tuai Rumah Daerah Song yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sibuti kawasan Kapit tadi kerana bosnya, Parlimen di sebelah dengan saya dan juga guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Hassan Yunos, Kluang, Johor. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman. Saya kira semua sudah tahu bahawa gaji minimum ini mula dilaksanakan oleh kerajaan pada Januari 2013. Kemudian kita kuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 Januari 2014 kerana adanya permohonan penangguhan, pengecualian dan sebagainya. Mengikut peraturan Majlis Perundingan Gaji Negara, setiap dua tahun, semakan perlu dibuat kepada gaji minimum. Kita hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih banyak kepada Perdana Menteri kerana dalam pengumuman Bajet 2016 baru-baru ini, kadar gaji minimum ini telah pun dinaikkan kepada RM1,000 di Semenanjung dan RM920 di Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan khusus Yang Berhormat Sibuti. Jumlah aktiviti penguatkuasaan gaji minimum mengikut seksyen 45, seksyen 46 dan seksyen 47 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara, Akta 732, setakat 31 Ogos 2015 adalah seperti berikut.

Jumlah pemeriksaan berkanun yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak adalah sebanyak 72,000 pemeriksaan. Semenanjung 53,512, Sabah 10,635 dan Sarawak 7,881 pemeriksaan serta 998 bersamaan 1% majikan tidak mematuhi gaji minimum dan tindakan notis pembetulan telah dikeluarkan.

Maknanya pembetulan, kita nasihat kepada mereka dahulu supaya bayar gaji minimum. Bagi tempoh yang sama, jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang difailkan adalah sebanyak 1,619 kes yang mana 445 kes bersamaan 27% telah selesai dibicarkan di mahkamah buruh manakala 1,174 kes bersamaan 73% masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Aduan yang diterima berkaitan kegagalan majikan membayar gaji minimum adalah sebanyak 1,779. Daripada jumlah itu, 1,753 aduan bersamaan 99% telah selesai disiasat dan baki 26 bersamaan 1% masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Sebanyak 267 fail pendakwaan kerana kegagalan majikan membayar gaji minimum telah dibuka. Daripada jumlah tersebut, 182 kes bersamaan 68% telah diberi izin pendakwaan oleh penasihat undang-undang yang mana 122 kes telah selesai dibicarkan.

Jumlah denda yang dikenakan oleh mahkamah kepada majikan yang disabitkan kesalahan adalah sebanyak RM362,600. Bagi kes pertikaian perusahaan melibatkan gaji minimum pula, sebanyak 56 kes telah difailkan di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia yang melibatkan 7,598 pekerja. Daripada jumlah itu, 17 kes bersamaan 30% berjaya diselesaikan secara runding damai antara majikan dan juga pekerja, 36 kes bersamaan 64% telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk keputusan dan baki tiga kes bersamaan 5% masih dalam tindakan kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita dapat apabila gaji minimum ini dimulakan di kawasan-kawasan peniaga-peniaga yang kecil ini, terdapat kenaikan harga barang apabila dengan alasannya pekerja-pekerja mereka telah naik gaji. Maka barang-barang mestilah juga untuk membalancekan dengan izin pendapatan mereka, keuntungan mereka.

Dengan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dengan kenaikan yang baru di mana kita dengar tadi akan menjadi RM1,000 di Semenanjung, RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan akan membebankan lagi masyarakat kita terutama sekali rakyat di luar bandar yang berpendapatan sederhana dan kecil yang hanya bergantung kepada nelayan, penternakan dan petani.

#### ■1100

Kenaikan barang ini adalah disebabkan gaji minimum yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Apakah tindakan kementerian Yang Berhormat untuk menyelaraskan perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sibuti yang cukup prihatin tentang masyarakat berpendapatan rendah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya gaji minimum ini dilaksanakan oleh kerajaan ialah untuk kita membantu pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

Oleh sebab itulah *Alhamdulillah* terima kasih berkat kesungguhan menteri saya, berkat sokongan dan juga keprihatinan Perdana Menteri gaji minimum dinaikkan kepada RM1,000 bagi Semenanjung dan RM920 Sabah, Sarawak dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya amat malang bagi kita kalaualah apabila gaji minimum ataupun apa juga gaji dinaikkan oleh kerajaan sama ada sektor awam atau swasta maka kesempatan diambil oleh peniaga-peniaga untuk menaikkan harga. Kadang-kadang sebahagian barang itu sebenarnya tidak pun terlibat dengan kenaikan tetapi kenapa harus kita mengambil tindakan seperti ini? Ini satu pengkhianatan, satu kezaliman yang kita lakukan kepada pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, gaji minimum sebenarnya bukanlah pendekatan mutlak menangani kenaikan kos sara hidup. Bermakna bukan kerana gaji minimum orang harus mesti menaikkan harga barang tetapi kita hendak membantu supaya pekerja kita mendapat sedikit keringanan dalam hidup mereka. ia perlu disokong oleh insentif-insentif lain oleh kerajaan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2016 oleh Perdana Menteri.

Banyak insentif yang telah diberikan oleh kerajaan yang boleh saya sebutkan di sini pemberian BR1M umpamanya, Skim eKasih yang diberikan kepada mereka yang berpendapatan RM1,000 diberikan RM1,050, BR1M atau Bantuan Rakyat 1Malaysia bagi yang berpendapatan bawah RM3,000 diberikan RM950 dahulu RM900 dinaikkan kepada RM1,000 dan begitulah seterusnya termasuklah Skim Khairat Kematian yang diteruskan hingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kenaikan gaji minimum sebenarnya juga terletak bukan hanya di tangan kementerian. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana memainkan peranan yang cukup berkesan dalam masa sekarang dalam memastikan harga barang dikawal dan tidak dinaikkan walaupun ada kenaikan berlaku kepada gaji minimum dan sebagainya termasuklah gaji-gaji bagi sektor awam. Kita berharap supaya peniaga janganlah ambil kesempatan akibat daripada kenaikan gaji minimum dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tindakan yang diambil oleh kementerian kita serius daripada segi pelaksanaan gaji minimum kita serius. Oleh sebab itulah saya sudah sebutkan awal tadi bahawa banyak tindakan pendakwaan dan pemeriksaan kita lakukan kepada pekerja-pekerja yang sekiranya gaji minimum mereka tidak dibayar dan gaji minimum yang baru ini *insya-Allah* Yang Berhormat Sibut akan dilaksanakan pada tahun hadapan bermula 1 Julai. Bagi tindakan yang lain termasuklah penguatkuasaan kenaikan harga barang maka kita serahkan juga bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Jadi saya cukup yakin dengan komitmen bersama penguatkuasaan yang kita lakukan kita dapat mengawal penyelarasian atau peluang yang diambil oleh pekerja-pekerja untuk menaikkan harga barang akibat daripada kenaikan gaji minimum ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya khusyuk dan tawaduk melihat jawapan timbalan menteri tetapi sasaran itu tidak tepat sebenarnya. Sebenarnya ialah saya hendak beritahu gaji minimum telah diperkenalkan pada tahun 2012 tetapi dikuatkuasakan pada tahun 2014. Ini fasa kedua diteruskan Akta Gaji Minimum ini. Pada hari Isnin yang lalu timbalan menteri, sekumpulan pekerja-pekerja pengawal

keselamatan telah membuat aduan mengatakan mereka tidak mendapat gaji minimum. Sudah berlalu dua tahun tempohnya.

Jadi soalan saya ialah masih ada lagi rundingan damai. Soalan saya ialah apakah langkah kementerian untuk memastikan majikannya faham, dia tahu serta dia melaksanakan gaji minimum serta keraskan lagi penguatkuasaan dilakukan dengan agresif dan efisien supaya menyelesaikan dan mengawal selia gaji minimum ini? Apakah pandangan Timbalan Menteri? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya dengan Yang Berhormat Kuala Langat ini cukup saya berminat sebab dia seorang yang cuku prihatin tentang pekerja ini. Sebenarnya kita serius Yang Berhormat, kita serius. Oleh sebab itulah kita tidak akan bertolak ansur dengan majikan-majikan yang cuba mengambil kesempatan tidak membayar gaji minimum ini.

Malahan beberapa majikan berjumpa dengan saya merayu. Saya kata apa salahnya selesaikan juga tanggungjawab dan amanah kita kerana kita telah mendapat sumbangan daripada pekerja yang telah bekerja dengan kita. Kenapakah kita tidak boleh membayar gaji kepada mereka?

Lantas apabila kita beri nasihat. Oleh sebab itulah kita adakan *road show*, kita adakan berbagai-bagai kempen bukan sahaja di Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak mengumpulkan majikan-majikan ini, memberitahu kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan sebagainya supaya mereka mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh kementerian, oleh kerajaan melalui pelaksanaan gaji minimum ini.

Pihak kementerian telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya secara bersama berkaitan dengan aduan ataupun isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini kita maklum bahawa kita telah pun berbincang dengan Kementerian Kewangan kerana beberapa pihak dan beberapa kementerian ada sedikit masalah. Bukan sahaja masalah mereka tidak mahu bayar tetapi kerana ada proses-proses yang perlu dilaksanakan untuk menangani isu ini. Saya ingat isu ini akan selesai. Minta maaf Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kesihatan menyatakan statistik penyakit barah usus di Malaysia mengikut negeri. Apakah penyebab faktor setempat (*predisposing factor*) kepada peningkatan kes tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Ini adalah soalan berkenaan dengan kanser usus atau barah usus. Tuan Yang di-Pertua, barah merupakan salah satu daripada lima penyebab utama kematian di Malaysia dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2005 hingga tahun 2014.

Menurut Health Fact 2014 penyakit barah adalah penyebab keempat kematian di hospital-hospital kerajaan iaitu sebanyak 12.12%. Secara amnya barah usus adalah barah yang menyerang usus besar iaitu kolon, rektum dan anus. Barah usus secara khususnya merupakan kanser kedua tertinggi di kalangan penduduk Malaysia selepas kanser payudara dan juga kedua tertinggi di kalangan lelaki dan juga di kalangan wanita.

Daripada laporan yang diterbitkan pada tahun 2008 oleh Registry Cancer di kalangan ahli kebangsaan sebanyak 2,263 kes didaftarkan dan ini mewakili 12.7% daripada jumlah keseluruhan kes kanser di Malaysia. Angka yang mutakhir pada tahun 2014 akan diterbitkan awal tahun depan Tuan Yang di-Pertua. Makna ia memakan masa untuk buat verifikasi.

Tuan Yang di-Pertua, faktor risiko adalah satu genetik, peningkatan umur seseorang individu, pengambilan lemak yang tinggi, pengambilan makanan yang rendah serat ataupun yang fiber kurang. Tuan Yang di-Pertua, kurang bersenam dan kes-kes merokok dan obesiti, alkohol dan juga terdapat kes-kes *polyps* yang terdapat dalam kolon. Juga satu lagi ialah tentang memakan banyak *red meat*. Banyak *red meat* ini pun juga boleh menyebabkan kanser kolon.

#### ■1110

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat, sentiasa bersenam dan mengamalkan makanan yang sihat dan seimbang. Oleh itu mengenai statistik untuk tiap-tiap negeri, ada pada saya ini adalah yang saya sebut tadi tahun 2008 punya. Tahun 2011 akan diberikan tidak lama lagi, awal tahun depan. Akan tetapi melihat *trend* dia Tuan Yang di-Pertua, yang paling tinggi kes-kes kanser kolon atau kanser usus ini ialah di Pulau Pinang, Johor, Selangor dan di Pahang yang paling tinggi. Kita lihat *trend* ini juga di Pulau Pinang, perempuan lebih ramai daripada lelaki. Di Johor, perempuan lebih ramai daripada lelaki. Di Pahang pun perempuan lebih ramai daripada lelaki. Jadi bermakna risikonya tinggi bagi perempuan.. Manakala negeri lain, lelaki lebih ramai dari perempuan Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penyebab secara umum penyakit *colorectal cancer* ini sebenarnya saya boleh dapat daripada *medical journal* ataupun *medical books*. Akan tetapi persoalan asal saya ialah untuk mengetahui kajian setempat. Soalan saya adalah kajian setempat. Maknanya kajian di Malaysia ini apa dia punca-punca utama di Malaysia yang menyebabkan peningkatan kanser kolorektal ini. Soalan tambahan saya ialah memandangkan rawatan penyakit ini sukar bagi pesakit dan juga doktor dan memerlukan kos yang tinggi serta kepakaran yang khusus, apakah tindakan yang lebih agresif kementerian untuk menyedarkan orang ramai betapa penyakit ini bahaya dan juga *trend* yang makin meningkat. Begitu juga saya ingin bertanya sama ada pakar pembedahan kolorektal di Malaysia ini mencukupi. Sekian.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita, doktor semua *believe*, yakin kepada *prevention is better than cure*. Memang itulah yang kita cuba hendak buat. Bila sudah kena penyakit itu, ialah kalau dikesan awal memang boleh diubat dan boleh pulih.

Akan tetapi dalam kebanyakan kes-kes kanser usus ini dikesan sudah terlewat. Mungkin di peringkat, kadang-kadang peringkat keempat, *fourth stage* baru dapat kesan.

Jadi dalam hal ini memang kita buat program *awareness campaign* tetapi tidak cukup meluas lagi kerana kempen melalui kempen setempat di klinik-klinik yang tertentu, di mana kita letakkan *banner*, letakkan *pamphlet* dan sebagainya dan juga *help talks*. Tidak meluas kerana kita belum ada kemampuan yang cukup untuk hendak buat *colonoscopy*. Bila ada *awareness campaign* ini orang ramai yang sedar, jadi semua hendak buat *colonoscopy*. Jadi kemampuan kita belum cukup lagi kerana pakar kita belum cukup. Jadi diambil masa sikit Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang penting ialah kita jaga pemakanan kita, cara hidup kita, banyak aktiviti, banyak makan berjaga-jaga, saya yakin kita akan dapat mengurangkan risiko penyakit ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang ini untuk membantu rakyat mengurangkan risiko dan juga kes-kes kanser. Namun daripada apa yang saya dengar tadi, kanser usus menjadi kanser yang kedua tertinggi di antara lelaki dengan perempuan di Semenanjung. Malah pada tahun 2002 kanser usus menjadi kes yang tertinggi di West Malaysia untuk lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *health is wealth. Prevention is better than cure. Much easier, much cheaper, less painful* dengan izin. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk memberi insentif kepada amalan kesihatan yang baik? Maksudnya kalau kita daftar dengan *gym*, contohnya dikecualikan daripada cukai. Ataupun kita membeli alat pemeriksaan kesihatan, kita dilepaskan daripada GST. Ataupun insentif kita membeli vitamin, *supplement* untuk kesihatan, kita tidak kena GST. Ataupun kita membeli insurans, kita tidak kena GST.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada insentif amalan kesihatan mungkin kita dapat menarik ramai orang sebab ceramah sudah banyak bagi program kesedaran. Seolah-olah macam tidak ada kesan. Orang macam *don't bother*. Contohnya kata tadi kanser usus antara sebab ialah merokok. Akan tetapi orang merokok juga. Jadi insentif. Jadi ini mungkin akan menurunkan kes kanser dalam negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai ini dia bagi *lecture* dekat saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, sama-sama doktor. *Medical doctor* dua-dua Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai dalam hal ini kerana memang bila kita melihat praktis amalan sekarang Tuan Yang di-Pertua tentang insurans kesihatan contohnya di pihak swasta, insurans kesihatan *they cover* untuk kalau masuk hospital. Akan tetapi bila orang ini sihat, tidak masuk hospital, tidak ada, macam insurans kereta *no claim bonus (NCB)*, tidak ada.

Jadi, makna *in future* mungkin Yang Berhormat Bagan Serai duduk dengan saya bincang hal ini tentang bagaimana kita hendak bagi insentif pada mereka yang sihat ataupun keluarga

yang sihat yang tidak *claim* daripada insurans. Ini satu perkara yang *I would say very positive looking forward, very positive*. Jadi kita boleh *explore* Tuan Yang di-Pertua.

**7. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah usaha yang disediakan untuk menggalakkan industri perfileman tempatan menerbitkan filem yang berunsurkan "kenegaraan" dan adakah garis panduan yang sedia ada akan dirombak semula bagi industri perfileman tempatan untuk menghasilkan filem berunsurkan "kenegaraan".

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah yang menanyakan soalan nombor tujuh. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian menyedari bahawa kos penerbitan filem kenegaraan amat penting dan juga kosnya amat tinggi dan kurang nilai komersial. Maka pihak kementerian melalui FINAS telah meluluskan Dana Filem Kenegaraan dan Warisan pada 24 Oktober 2008 dengan peruntukan sejumlah RM15 juta setahun. Dana ini amat penting dalam memelihara dan mengekalkan bahan sejarah negara kita dalam bentuk filem untuk tontonan masyarakat terutamanya generasi muda.

Tujuan utama pengeluaran filem-filem kenegaraan ialah pertamanya mendidik generasi baru mengenai warisan sejarah negara dan meningkat semangat patriotisme melalui filem-filem yang berunsurkan sejarah termasuk rekod-rekod perjuangan tokoh-tokoh, peristiwa sejarah dan seumpamanya. Kedua meningkatkan kualiti penerbitan filem-filem berdasarkan kepada topik-topik kenegaraan yang tidak mungkin dibuat oleh penerbit kerana kurang potensi komersialnya. Ketiga sebagai rekod dan warisan negara. Keempat menonjolkan kewujudan dan keupayaan industri perfileman tempatan ke mata dunia dalam penerbitan filem-filem kenegaraan dan warisan.

Antara filem-filem yang terpilih di bawah Dana Filem Kenegaraan dan Warisan adalah Tanda Putera, Hanyut, *Between Two Skies* dan filem *Kanang Anak Langkau*. Pihak kementerian akan terus memperkasakan program-program yang berteraskan semangat patriotisme termasuklah melalui program yang dilaksanakan oleh agensi yang satu lagi iaitu AMDEC di mana sentiasa memberikan galakan kepada syarikat kreatif dan multimedia tempatan untuk membangunkan kandungan bercorak tempatan yang mempunyai potensi menembusi pasaran global.

Terkini mulai tahun 2015, semua permohonan untuk filem kenegaraan boleh dipohon melalui *Pitching Center* ataupun Pusat Sehenti yang telah ditubuhkan pada April tahun ini yang bertujuan untuk memudahkan proses permohonan dana yang pelbagai secara lebih efisien dan sistematik. Terima kasih.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya juga ucapan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah untuk mengelakkan filem yang telah dihasilkan tetapi tidak dapat ditayangkan sama ada industri perfileman tempatan diwajibkan untuk menghadiri kursus atau seminar yang

mengutamakan unsur kenegaraan sebelum mereka dibenarkan untuk menerbitkan sesuatu filem. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah. Sebenarnya di dalam permohonan setiap permohonan dana, memang terdapat *standard operating prosedur* dengan izin;

- (i) Permohonan dana adalah berdasarkan merit. Permohonan yang dinilai oleh pakar-pakar bebas teknikal daripada industri berkenaan dan melalui proses urus tadbir dana ini maknanya mana-mana permohonan yang benar-benar layak dan menepati syarat sahaja akan diberi kelulusan dana. Jadi dengan adanya *pitching center* yang saya maklumkan tadi, ia dapat selain daripada cadangan untuk pemohon menghadiri kursus-kursus, sebenarnya *pitching center* ini adalah memudahkan dan menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya tinggi.

#### ■1120

- (ii) Memudahkan menjadi satu pusat sehenti dalam dana-dana kandungan kreatif;
- (iii) Ia dapat melahirkan penulis skrip dan penerbit yang bertaraf global;
- (iv) Memudahkan proses permohonan dana itu sendiri;
- (v) Menjadi FINAS sebagai pusat kecemerlangan kandungan kreatif kerana kalau kita biarkan kepada *producer* sahaja, mungkin daripada segi kualiti yang dihasilkan itu tidak memenuhi kriteria oleh FINAS. Maka dengan adanya pusat sehenti dapat menambah baik dari segi keluaran; dan
- (vi) Membangunkan kandungan kreatif yang berdaya saing sebagai sumber pendapatan negara dalam mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya ingin menanyakan tentang FINAS kerana kebanyakan dana yang diumumkan oleh kerajaan diberikan kepada FINAS dan dinyatakan tadi dalam jawapan beberapa syarat SOP yang dikenakan kepada semua syarikat yang mahu dana tersebut untuk menerbitkan filem. Akan tetapi menerusi Laporan Ketua Audit dan saya rujuk pada tahun 2012, RM9.45 juta telah dibelanjakan oleh FINAS tanpa dengan akal yang tidak teratur. Untuk lawatan, seminar, mesyuarat, mereka juga hilang aset pada tahun 2011 dan 2012 dan penyata baki simpanan oleh FINAS berjumlah RM29.08 juta tidak disertakan dengan penyata bank.

Jadi semua kontroversi ini menyelubungi FINAS. Apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan segala dana yang diberikan kepada FINAS tidak diselewengkan dan apakah

SOP yang dikenakan kepada syarikat perfileman lain juga dilaksanakan oleh FINAS. Mohon jawapan. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Antara langkah terbaru yang telah diambil oleh pihak kementerian ialah kita telah melantik Ketua Pengarah FINAS yang baru. Kita lihat secara struktur organisasi FINAS tersebut, pertamanya dengan melantik Pengerusi FINAS yang baru dan juga melantik Ketua Pengarah FINAS yang baru. Jadi kita akan melihat secara keseluruhan dari segi pengoperasian FINAS juga.

Kedua, dari segi penyelenggaraan dana. Seperti yang saya maklumkan tadi Yang Berhormat, sebelum ini kita memang ada spesifik dari segi kalau kita lihat dan menjurus kepada dana filem. Dulunya memang ada pelbagai dana di bawah FINAS. Jadi sekarang ini apabila kita telah menujuhkan satu *pitching centre* yang saya maklumkan tadi, segala-galanya telah diuruskan di bawah pusat sehenti kerana sebelum ini di bawah FINAS kita ada dana penerbitan dokumentari, dana insentif tayangan filem cereka, dana penerbitan animasi, dana filem kenegaraan, dana industri kreatif negara dan sebagainya tetapi dengan kewujudan pusat sehenti ataupun *pitching centre* seperti yang saya maklumkan, ia memudahkan lagi segala proses permohonan terutamanya mana-mana mereka yang berminat untuk memasuki dan menyertai dana kandungan kreatif ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini dengan adanya kewujudan *pitching centre* ini, sejumlah 20 buah syarikat yang telah pun menerima kesan baik daripada penubuhan *pitching centre* ini di mana kita telah membelanjakan sejumlah lebih kurang hampir RM18 juta untuk program-program yang telah disenaraikan di bawah *pitching centre*. Jadi saya bagi komitmen bahawa dengan adanya *pitching centre* ini telah memudahkan dari segi proses tadbir dana di bawah FINAS. Terima kasih.

8. **Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah efektif kerajaan ke arah memupuk perpaduan kaum di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ‘pekkak’ terhadap betapa pentingnya pergaulan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Peka. Peka, peka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Di Sabah begitulah sebutannya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Memang pekkak pun.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Orang Sabah punya bahasa.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Dia mengaku.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Kerajaan memang sedar ataupun peka terhadap betapa pentingnya pergaulan dan perhubungan baik sesama jiran untuk memupuk persefahaman, keharmonian komuniti dan kesepadan sosial, menggalakkan semangat bantu-membantu dan juga menggalakkan kerjasama bagi menjaga keselamatan dan keamanan

setempat. Oleh itu, semangat kejiranan di peringkat akar umbi merupakan asas utama bagi menjayakan keharmonian. Menyedari cabaran ini, langkah efektif yang saya rasa langkah efektif kerajaan ke arah memupuk perpaduan kaum di negara ini ialah melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara oleh semua agensi kerajaan yang berkenaan ke arah perpaduan nasional dan kesepadan rakyat Malaysia;
- (ii) mempergiatkan lagi persefahaman di kalangan penganut agama melalui Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian di antara penganut agama;
- (iii) di peringkat komuniti pula memperkasakan Rukun Tetangga melalui Program Skuad Uniti yang akan menjadi perantaraan antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat yang berperanan untuk mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat sejajar dengan penyatuan nasional;
- (iv) memperkenalkan program Sayang Komuniti. Program ini ialah mewujudkan keselesaan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan kediaman terutama di kawasan projek perumahan rakyat sebanyak 22 buah kawasan projek perumahan rakyat di seluruh negara telah dijalankan program tersebut pada tahun 2014;
- (v) menggalakkan penyertaan belia dan mengambil bahagian di dalam siri wawancara, perbincangan meja bulat, seminar dan forum bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan. Antara yang dilaksanakan ialah Program 3W iaitu warisan, watan dan wawasan yang berjumlah 243 program bagi tahun 2014;
- (vi) menyebar luas pendidikan perdamaian di kalangan ahli-ahli masyarakat sebagai *mediator of community*. Berikutnya meningkatkan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program My Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional diperkenalkan di peringkat sekolah rendah, menengah serta sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Tuan Yang di-Pertua, antara program atau aktiviti inovasi baru yang diperkenalkan secara berterusan atau *the way forward* ialah seperti berikut: melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan atau *Unity Intensive Program*. Objektif program latihan industri perpaduan dijalankan sebagai kaedah, menjalankan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menggalakkan silang budaya atau dengan izin *cross cultural* pemahaman antara agama. *Interfaith* dan penerimaan antara kaum atau *interrace*. Kemudiannya memantapkan perpaduan

negara dengan program informasi yang disampaikan melalui tema dan mesej perpaduan iaitu ‘Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaiannya’.

Berikutnya mendampingi rakan-rakan perpaduan atau *partners in unity* untuk mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan atau NGO untuk memperluaskan mesej perpaduan.

■1130

Seterusnya bagi pelaksanaan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *National Unity Consultative Council (NUCC)* atau Majlis Konsultasi Perpaduan Negara telah menyiapkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan telah dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet dan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 12 Ogos tahun ini.

Jabatan sedang mengkaji dan memperincikan tindakan-tindakan yang akan diambil supaya cadangan-cadangan yang disyorkan oleh NUCC dapat dilaksanakan secara efektif dan berkesan. Perkara-perkara tersebut akan dibincang di mesyuarat Kabinet ‘awayday’, dengan izin pada bulan Februari 2016. Secara keseluruhan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam memperkenalkan perpaduan kaum dengan mengekalkan perpaduan kaum di negara Malaysia tercinta ini.

Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira anutan dan fahaman politik seharusnya bersyukur dengan keamanan yang kita kecapai hari ini di samping dapat mengekalkan agama dan budaya. Oleh yang demikian, walaupun ada perbezaan ideologi politik, kita haruslah mengawalnya supaya tidak menjadi tegang serta menjaga hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang tidak terbina. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK (PINDAAN) 2015**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang tertera di Nombor 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 3 Disember 2015.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**

**PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA  
NEGERI SARAWAK 2015**

**10.08 pg.**

**Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mencadangkan satu usul yang berbunyi:

“ Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sarawak) 2015, (Kertas Statut ST.93 Tahun 2015), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 26 November 2015 bersama dengan Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 19 Ogos 2015 mengenai Kajian Semula Persempadan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sarawak Kali Keenam Tahun 2015, (Kertas Statut ST.92 Tahun 2015), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkucasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan.”

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang unik di mana setiap negeri di dalamnya adalah berbeza antara satu sama lain dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Begitu jugalah dengan negeri Sarawak Bumi Kenyalang yang merupakan negeri terbesar di Malaysia, keluasannya kira-kira 124,449 kilometer persegi iaitu hampir menyamai luasnya Semenanjung Malaysia.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, angka banci rasmi tahun 2010 menunjukkan bilangan penduduk Sarawak adalah seramai 2,471,140 orang manakala masyarakatnya pula berjumlah lebih 40 kumpulan etnik. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan pindaan undang-undang ke atas Fasal 2 Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak berhubung komposisi keanggotaan DUN Dewan Undangan Negeri daripada 71 kerusi kepada 82 kerusi yang telah berkuat kuasa pada 5 Disember 2014 yang lalu.

Sehubungan itu, SPR hendaklah melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan dan negeri bagi negeri Sarawak selaras dengan peruntukan Fasal 3A Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan iaitu bilangan ahli dipilih bagi Dewan Undangan Negeri sesuatu negeri diubah berikutan dengan satu undang-undang yang diperbuat oleh badan perundangan sesuatu negeri.

Walau bagaimanapun, oleh kerana lat tempoh lapan tahun bagi negeri Sarawak telah pun mencukupi maka urusan persempadanan ini adalah tertakluk kepada peruntukan Fasal 3B Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Justeru satu notis persempadanan bagi memulakan urusan kajian semula persempadanan tersebut telah dikeluarkan oleh SPR adalah di bawah peruntukan Fasal 2 Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, SPR telah pun menyiapkan Laporan Kajian Semula Persempadanan mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi Bahagian-bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi negeri Sarawak kali keenam Tahun 2015 berdasarkan prinsip dan tatacara yang terkandung di dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Laporan Kajian Semula Persempadanan tersebut telah diserahkan kepada saya pada 21 Ogos 2015 selaras dengan Seksyen 8 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dan telah diagihkan pada semua Ahli di dalam Dewan yang mulia ini sebagai kertas statut No. FT 92 Tahun 2015.

Laporan Kajian Semula Persempadanan tersebut mengandungi lima bab, iaitu Bab 1 hingga Bab 5. Bagi Bab 1 dalam Laporan Kajian Semula Persempadanan tersebut menerangkan tentang sejarah urusan, kajian semula persempadanan bagi negeri Sarawak yang terdahulu serta latar belakang kajian semula persempadanan tersebut bagi kali keenam tahun 2015.

Kajian semula persempadanan ini bukan hanya akan melibatkan pertambahan bilangan bahagian-bahagian pilihan raya sahaja, malah terdapat juga keadaan di mana bilangannya masih dikekalkan.

Dalam Bab 2 pula, laporan tersebut menerangkan mengenai peruntukan bagi urusan kajian semula persempadanan seperti mana di bawah Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

#### ■1140

Selain itu bab ini juga turut menerangkan mekanisme pelaksanaan urusan kajian semula persempadanan, daftar pemilih yang diguna pakai, semakan dan pengemaskinian daerah-daerah

mengundi di dalam negeri Sarawak serta kriteria-kriteria pemilihan nama bagi setiap bahagian pilihan raya. Oleh itu urusan kajian semula persempadanan pada kali ini telah dilaksanakan dengan mengguna pakai daftar pemilih yang diwartakan pada 30 April 2014 di mana jumlah pemilih berdaftar bagi negeri Sarawak adalah seramai 1,109,134 orang.

Hal ini kerana kajian semula persempadanan yang terakhir telah dilaksanakan pada tahun 2005 dengan mengguna pakai daftar pemilih seramai 905,722 orang yang telah diwartakan pada 4 November 2004. Ini bermakna bilangan pemilih berdaftar bagi negeri Sarawak telah meningkat sebanyak 18 peratus atau seramai 203,412 orang. Dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan, SPR juga menyemak dan mengemas kini daerah-daerah mengundi sedia ada di dalam negeri Sarawak serta mencadangkan perwujudan beberapa buah daerah mengundi baru. Bersekali dengan syor tersebut kerana terdapat pertambahan bilangan pemilih berdaftar yang baru dan keperluan untuk mewujudkan pusat mengundi baru.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 3 dalam laporan ini menyentuh tentang latar belakang, keadaan geografi dan demografi penduduk serta bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Sarawak pada masa ini.

Seterusnya, bagi Bab 4 laporan ini pula mengandungi maklumat-maklumat mengenai notis persempadanan, pameran syor representasi bantahan dan siasatan tempatan bagi kali pertama dan kali kedua yang telah dilaksanakan oleh SPR seperti mana dalam Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Notis syor-syor persempadanan yang dicadangkan bagi negeri Sarawak telah diwartakan kali pertama pada 2 Januari 2015 selaras dengan seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan SPR perlu menyiapkan kajian tersebut dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun daripada tarikh notis tersebut.

Syor-syor serta pelan persempadanan tersebut telah dipamerkan selama sebulan bermula pada 5 Januari 2015 di tempat-tempat seperti yang dinyatakan di dalam notis persempadanan serta disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu *Utusan Sarawak*, *Utusan Malaysia*, *New Sarawak Tribune*, *New Straits Times* dan *Borneo Post*. Notis yang diwartakan dan disiarkan di dalam akhbar-akhbar tersebut mengandungi:

- (i) Maklumat mengenai perwujudan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri yang baru,
- (ii) Pindaan nama bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri yang sedia ada,
- (iii) Bilangan pemilih bagi setiap bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri; dan
- (iv) Senarai tempat pameran syor kajian semula persempadanan bagi negeri Sarawak.

Selain itu, sebagai satu langkah proaktif notis syor dan rang pelan tersebut, juga telah dimuat naik ke laman web rasmi SPR bagi memudahkan maklumat-maklumat tersebut diperoleh atau diakses oleh orang ramai. Dalam hal demikian, SPR telah menerima sebanyak 64

bantahan di mana ia merupakan bilangan bantahan terbanyak bagi negeri Sarawak bagi pameran pertama berbanding dengan tahun 2005 yang hanya menerima 26 bantahan sahaja.

Daripada 64 bantahan tersebut, sebanyak 41 bantahan telah memenuhi peruntukan seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk diadakan siasatan tempatan kali pertama. Ini menunjukkan bahawa SPR bersungguh-sungguh dan komited untuk memastikan setiap bantahan yang dikemukakan dapat didengar seterusnya sampai kepada keseluruhan penduduk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat maklum balas yang diterima sepanjang siasatan tempatan kali pertama, syor kajian semula persempadanan tersebut telah disemak semula dan diwartakan kali kedua pada 30 Mac 2015. Notis syor-syor yang dicadangkan bagi bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri di dalam negeri Sarawak telah disiarkan dalam akhbar *Utusan Borneo* dan *Borneo Post*.

Pameran kali kedua syor-syor yang dicadangkan dan rang pelan tersebut telah dibuat mulai 30 Mac 2015 sehingga 29 April 2015 di 23 buah tempat di negeri Sarawak. Sebanyak 22 bantahan telah diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua dan 10 daripadanya telah memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan diterima untuk diadakan siasatan tempatan. Jadinya jumlah keseluruhannya bantahan yang diterima sepanjang tempoh kedua-dua pameran tersebut adalah sebanyak 86 bantahan dan 51 daripadanya telah diadakan siasatan tempatan. Bantahan-bantahan ini jauh lebih banyak berbanding urusan kajian semula persempadanan yang terdahulu iaitu sebanyak 36 bantahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh demikian hasil yang diperoleh daripada kedua-dua siasatan tempatan yang telah diadakan, SPR telah memutuskan di bawah Seksyen 8, Bahagian Dua, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan perincian mengenai syor-syor tersebut dimuatkan dalam Bab 4 buku laporan ini. SPR juga mengesyorkan bahawa tiada perubahan bilangan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan tetapi terdapat perubahan sempadan ke atasnya yang disebabkan oleh pembetulan sempadan bahagian pilihan raya serta pembentukan bahagian pilihan raya negeri yang baru.

Di samping itu, SPR turut mengesyorkan jumlah bahagian-bahagian pilihan raya negeri bagi negeri Sarawak ditambah sebanyak 11 bahagian yang menjadikan jumlah keseluruhan bahagian-bahagian pilihan raya negeri bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 82 bahagian dan telah diwartakan untuk dikuatkuasakan pada 5 Disember 2014. Bahagian-bahagian pilihan raya yang baru itu adalah seperti berikut, N.13 Batu Kitang, N.17 Stakan, N.18 Serembu, N.23 Bukit Semuja, N.26 Gedong, N.40 Kabong, N.57 Telian, N.63 Bukit Goram, N.66 Murum, N.70 Samalaju dan N.78 Mulu.

Sememangnya pertambahan bahagian pilihan raya negeri ini akan dapat meningkatkan tahap perkhidmatan wakil rakyat pada penduduk tempatan di negeri Sarawak khususnya penduduk yang berada di dalam kawasan bahagian pilihan raya negeri tersebut dan ia akan lebih memudahkan wakil rakyat serta penduduk untuk berinteraksi bagi membincangkan hal-hal

berkaitan dengan kebijakan penduduk serta merancakkan lagi pembangunan di kawasan bahagian pilihan raya negeri tersebut.

Di samping itu, turut disyorkan pindaan nama ke atas satu bahagian pilihan raya Persekutuan di negeri Sarawak iaitu P.198 Puncak Borneo di mana nama asal bagi bahagian pilihan raya Persekutuan tersebut adalah Mambong. Selanjutnya disyorkan juga pindaan nama ke atas empat bahagian pilihan raya negeri iaitu N.19 daripada Bengoh ke Mambong, N.34 daripada Batang Air ke Batang Ai, N.41 daripada Belawai ke Kuala Rajang dan N.68 daripada Kidurong ke Tanjung Batu.

Di dalam laporan ini juga turut diperincikan maklumat-maklumat mengenai luas bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri serta bilangan pemilih berdaftar bagi setiap daerah mengundi bahagian pilihan raya negeri dan bahagian pilihan raya Persekutuan yang disyorkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin ditegaskan ini adalah pembahagian bilangan pemilih berdaftar yang sama rata setiap bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri bagi negeri Sarawak agak sukar untuk dilaksanakan kerana terdapatnya kawasan-kawasan luar bandar yang keadaan topografi dan demografinya yang sangat berbeza antara satu sama lain. Ini secara tidak langsung telah mewujudkankekangan-kekangan daripada segi lokasi yang terpencil jarak antara lokasi-lokasi di kawasan pedalaman yang amat jauh serta jalan-jalan perhubungan serta pengangkutan yang terhad.

Hal demikian menyebabkan konsentrasi penduduk di kawasan bandar adalah jauh lebih tinggi berbanding penduduk di kawasan luar bandar. Sungguhpun demikian, SPR sedaya upaya berusaha untuk meringankan beban wakil rakyat-wakil rakyat khususnya di kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan perhubungan dan pengangkutan adalah sangat terhad.

#### ■1150

Dengan demikian adalah diharapkan agar syor-syor tersebut dapat membantu wakil-wakil rakyat menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cekap dan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan seksyen 9 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Laporan ini hendaklah dibentangkan bersama dengan draf satu perintah yang hendak dibuat di bawah seksyen 12 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubah suaian syor-syor yang terkandung di dalam laporan tersebut.

Draf Perintah Perlembagaan Persekutuan Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2015 ada di hadapan Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Statut ST93 Tahun 2015. Kerajaan telah mengkaji dengan teliti syor-syor yang dibuat dalam laporan tersebut dan tidak mencadangkan apa-apa pengubahsuaian kerana kajian semula persempadanan telah dilaksanakan sepenuhnya berlandaskan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kajian semula persempadanan ini dijangka akan memberi manfaat kepada rakyat dalam menyalurkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan

khususnya di kawasan-kawasan pendalaman demi meningkatkan taraf hidup ekonomi dan merancakkan pembangunan di negeri Sarawak.

Kalam saya, saya ingin merakamkan tahniah dan penghargaan kepada pengurus dan Ahli-ahli SPR, setiausaha, serta seluruh pegawai-pegawai dan kakitangan SPR serta agensi-agensi lain yang terlibat khususnya Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Persekutuan Sarawak, Jabatan Tanah & Survei Negeri Sarawak, Pejabat-pejabat Residen, Pejabat-pejabat Daerah serta semua pihak yang telah menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan penuh dedikasi dalam menyiapkan laporan ini untuk dibentangkan bagi kelulusan Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Jadi sebelum saya memanggil para pembahas. Ini keputusan saya. Saya mahu Menteri jawab selewat-lewat jam 3.30, bermakna dua jam. Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dengar dulu. Sebelah pembangkang saya bagi empat pembahas *option* pertama setiap parti satu pembahas. *Option* kedua kalau empat pembahas itu oleh sebab ini adalah khas untuk Sarawak, keempat-empat pembahas dari Sarawak.

Begitu juga di BN saya kasi empat pembahas. Menggulung nanti itu yang lain. Selewat-lewatnya jam 3.30 mesti kita selesai. Bermakna sejam untuk Pembangkang, sejam untuk Barisan Nasional.

Jadi pilih *option* pertama, setiap parti satu pembahas. Kalau begitu saya bagi 15 minit setiap seorang. Begitu juga sebelah kanan, 15 minit. Bukan kuantiti yang banyak membahas, saya mahu kualiti perbahasan. Mulai sekarang ini kita belajar dengan kualiti kerana tahun depan *insya-Allah* kita ada *procedure-procedure* yang lain, kita perlu praktis mulai sekarang.

*Speeches did not belong but the quality of speech must be emphasized. So opsyen mana?... [Tepuk]* Seorang satu parti. Empat daripada Pembangkang dan empat daripada BN. BN terpulang mana satu parti yang *present* sama ada daripada Sarawak semua ataupun mana. Give it the names. Sekarang ini saya mulai panggil berbahas 15 minit seorang. Perbahasan dibuka. Sila.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Kota Samarahan

**Tuan Yang di-Pertua:** Sarawak dulu, Yang Berhormat Stampin, mana Yang Berhormat Stampin. Sila, 15 minit Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya peluang untuk berbahas. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa jelas dengan adanya syor-syor SPR ini, jelas SPR adalah jentera bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional dengan tujuan untuk mengukuhkan lagi pemerintahan mereka dengan mengembalikan 2/3 kuasa mereka... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Berhormat, Ahli-ahli Berhormat. Yang Berhormat Stampin duduk Yang Berhormat. [Dewan riuh] Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kita mahu pilihan raya bersih, tidak mahu kotor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri 15 minit kepada setiap pembahas. Kalau ada bising begini macam mana kita dengar ucapan berkualiti? Jangan ganggu, sila Yang Berhormat Stampin. Sila, teruskan. Jangan ganggu Ahli Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey, diam! Biar saya bahas. Dalam mengagihkan sempadan sekarang pun. Walaupun pembangkang mendapat popular vote lebih 52%, kita hanya mendapat 40% kerusi Parlimen. Ini menunjukkan bahawa SPR gagal menjalankan tugas mereka selama ini pun. Bahkan dengan adanya syor-syor pembahagian pilihan raya pada hari ini terbukti pembahagian pilihan raya ini *from bad to worst* begitu tidak profesional SPR! SPR bakal *to form a new party and join* Barisan Nasional! Apakah tujuan sebenarnya SPR dalam keadaan Barisan Nasional begitu tidak popular adakah SPR hanya akan berpuas hati di mana hanya dengan adanya popular vote 60% hingga 70% barulah Kerajaan Barisan Nasional boleh ditukar tetapi kita bersyukur kerana rakyat tidak bodoh dan ini terbukti apabila kita mendapat sokongan majoriti daripada rakyat Malaysia... [Tepuk]

Saya hendak masuk *technically* dulu. Siapa yang makan cili, dia terasa pedas. Poin saya yang pertama – sudah makan cili ya. Poin saya pertama ketidakseimbangan dari segi jumlah pengundi. Mengikut *Federal Constitution, 13 Schedule Section 2(c) the number of electors within each constituency in a State ought to be approximately equal except that, having regard to the greater difficulty and so on, so of.*

Akan tetapi, apabila kita lihat dari segi pembahagian DUN, di mana N.48 Pelawan adalah lima kali lebih ganda daripada N.26 Gedong. Di mana N.48 Pelawan jumlah pengundi adalah 31,000 lebih iaitu dari segi EQ ataupun *Electoral Quota* ialah 132% *under representation*. Dari segi N.26 Gedong adalah negatif 53% atau *over representation*.

Dari segi kawasan Parlimen pula, apabila kita melihat kawasan Parlimen P.195 iaitu Bandar Kuching adalah 4.3 lebih banyak daripada P.207 Igan. Bandar Kuching dari segi EQ 119% *under representation* maka P.207 Igan adalah negatif 49% *over representation*. Yang tidak munasabahnya adalah saya tidak faham sebelum syor-syor yang dikemukakan ini Bandar Kuching mempunyai 50,000 lebih pengundi. Akan tetapi selepas syor-syor ini Bandar Kuching sekarang ditambah menjadi 78,000, *from bad to worst*. [Dewan riuh]

Biar saya tunjukkan kalaularah kita tengok negara seperti Kanada EQ mereka adalah dalam lingkungan 10%, New Zealand 50%, USA 0%. Sepatutnya kita perlu tanya Presiden

Obama macam mana dia buatlah. Belajar daripada Presiden Obama, USA 0%. Akan tetapi SPR paling besar 119% *from bad to worst*.

Jadi jelas menunjukkan bahawa SPR sudah jadi tidak relevan...[Tepuk] Bukan sahaja gagal menjalankan tugas mereka selama 50 tahun ini maka pada hari ini *from bad to worst* dengan syor-syor yang ditunjukkan.

#### ■1200

Kedua, bantahan. Saya hendak memberikan satu contoh daripada segi *technicality*, lagi banyak pembahasan akan membahaskan. Contoh yang kedua, biar kita tengok bantahan yang telah pun diberikan kepada SPR. Di kawasan saya, Parlimen Stampin, terdapat bantahan daripada jurucakap mereka. Saya berikan contoh, jurucakap Chai Mui Sing daripada SUPP, di kawasan saya, Parlimen Stampin. Mereka membuat bantahan bahawa bantahan adalah untuk memindahkan DN, Batu 4 dari N.13 Batu Kitang ke N.12 Kota Sentosa dalam Parlimen yang sama. SPR bersetuju. Ini memperkuatkan Batu Kitang.

Lagi satu bantahan, dua bantahan. Jurucakap, Low Kuok Chiang ada dalam bantahan ini. Ini dari mana? Dari SUPP, daripada Barisan Nasional. Bantahannya adalah untuk memindahkan semula bantahan ke atas N.11, Batu Lintang di bawah Parlimen P.195 Bandar Kuching dan N.14, Batu Kawah di bawah Parlimen P.96 Stampin. Bantahan adalah untuk memindah semula DN tersebut dari Batu Kawah balik ke Batu Lintang. Ini adalah untuk memperkuatkan DUN Batu Kawah. SPR bersetuju. Kenapakah SPR bersetuju? *It's the expiring Cabinet for the next election! [Tepuk]*

Jadi, apakah tujuan SPR? Bantahan daripada pihak kita setelah membuat kajian dalaman, SPR tidak bersetuju. Empat bantahan. Satu daripada kita atas kajian dalaman, tiga daripada Barisan Nasional. Barisan Nasional semua SPR setuju. SPR is lower relevant. Seumpamanya jentera bagi Barisan Nasional untuk memperkuatkan Kerajaan Barisan Nasional. Mempertikaikan demokrasi di Malaysia. *Point* saya yang terakhir.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Silakan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih. Saya mendengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Stampin di mana SPR nampaknya tugasnya adalah untuk meningkatkan *change of winnerability of* Barisan Nasional. Ini satu-satu tujuan untuk persempadanan ini. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), lebih baik kalau itu tujuan mereka, ada tugas mereka lebih baik kita tukar dan jangan memburukkan nama baik suruhanjaya, tukarkan sebagai Jabatan Pilihan Raya, jabatan di dalam Jabatan Perdana Menteri. Lebih baik buat macam itu. Jangan memburukkan nama baik suruhanjaya yang sepatutnya

sebuah badan yang adil, yang *independent* dan bukan sebuah jabatan bahagian Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat Stampin bersetuju dengan saya, kita tukarkan nama suruhanjaya kepada Jabatan Pilihan Raya lebih baiklah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Stampin, boleh saya sedikit juga berkaitan dengan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Stampin. Tadi Dewan yang mulia ini telah dikejutkan bagaimana persempadan kawasan kali ini begitu menakjubkan, perbezaan yang begitu ketara di antara kawasan. Bersetuju kah Yang Berhormat Stampin, di bawah sistem demokrasi kita, persempadan Dewan Undangan Negeri mesti mencerminkan sistem demokrasi, *one man, one vote, one valid*. Jika dia gagal, maka adalah tanggungjawab Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, wajib menolak secara bulat-bulat persempadan yang telah menjahanamkan sistem demokrasi kita. Bersetuju kah Yang Berhormat Stampin mengikut Perlumbagaan Persekutuan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Bandar Kuching. Jadi SPR ini sepatutnya ditukarkan kepada jabatan dan tidak sepatutnya dalam Jabatan Perdana Menteri. Tidak sepatutnya *bias*. Saya berikan contoh yang terakhir, pada minggu lepas dalam Dewan yang mulia ini, apabila kita bertanya kenapakah SPR menarik balik bagi pihak politik untuk membuat pendaftaran pengundi seperti yang telah pun dilaksanakan dengan begitu efektif sekali, *free for SPR* dengan izin.

Akan tetapi jawapan yang diberikan oleh SPR adalah selepas kajian dalaman dibuat oleh SPR, mereka mengambil keputusan untuk tidak membernarkan penolong pendaftar pemilih daripada wakil politik. Jadi oleh sebab keputusannya adalah berdasarkan kajian dalaman, saya meminta laporan daripada kajian tersebut, daripada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada memberikan jawapan dan jawapan yang saya terima daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah, saya baca ya. Ada sedikit sahaja. Saya *quote* perenggan ini sahaja.

*'Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian tersebut dijalankan untuk diguna pakai sebagai asas dan rujukan dalaman SPR sahaja dan bukan disediakan untuk edaran kepada pihak luar'.* Kajian apa ini? Di manakah buktinya bahawa pembantu penolong pengundi daripada pihak politik tidak efektif? *Where is the quantitative study* daripada SPR? Jadi ini menunjukkan bahawa SPR *got something to hide*. Jika kajian dalaman telah pun dibuat untuk menunjukkan bahawa prestasi daripada penolong pendaftar pengundi daripada pihak politik tidak efektif, tunjukkan, buktikan. Akan tetapi SPR tidak dapat melakukannya kerana mereka adalah satu kali lagi saya hendak menyatakan adalah jentera bagi Barisan Nasional. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

## 12.07 tgh.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama turut serta dalam perbahasan usul persempadan semula kawasan pilihan negeri Sarawak. Pertama sekali

saya ingin mengucapkan tahniah, syabas kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Ketua Menteri Sarawak yang telah pun mengambil keputusan yang cukup berani iaitu mengadakan usul persempadan semula bagi memastikan kebajikan, kepentingan rakyat di tangga teratas sekali. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif persempadan semula bagi Kerajaan Negeri Sarawak bagi kawasan DUN dimulakan oleh Dewan Undangan Negeri dengan pindaan Ordinan Dewan Undangan Negeri di bawah Perkara 14(2) 2005 telah bersetuju untuk menambahkan Kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 71 kepada 82. Ini telah menimbulkan gerakan kepada isu persempadan semula.

Apabila perkara ini dibawa kepada SPR dan SPR mendapat permohonan *requirement* untuk persempadan Kerajaan Negeri Sarawak, kawasan DUN menepati prasyarat, kriteria-kriteria yang ditetapkan berdasarkan fasal 3B Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Jadi, kita merasakan, rakyat negeri Sarawak ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, tahniah kepada Ketua Menteri yang telah pun menggerakkan persempadan semula ini.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, ingin saya hendak memberi sedikit latar belakang Sarawak. Yang pertama sekali kenapa persempadan semula bagi DUN kawasan negeri Sarawak pertama sekali daripada segi *geographical* dia iaitu saiz kerajaan negeri Sarawak iaitu 124,449.51 kilometer persegi yang terletak di Utara Khatulistiwa. Negeri Sarawak dipisahkan dari Semenanjung Malaysia dengan jarak 600 kilometer Laut China Selatan dan berada di Kepulauan Borneo bersempadan dengan Sabah di Timur Brunei Darussalam dan bersempadan dengan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak secara keseluruhannya dapat dibagi kepada tiga landskap geografi. Pertama, kawasan pesisir pantai yang meliputi yang meliputi tanah paya gambut delta yang sempit dan tanah liat. Kedua, kawasan bukit-bukau yang luas dalam lingkungan 300 meter dan yang ketiga tanah tinggi gunung yang melebar di sepanjang Kalimantan.

Jadi kalaularah kita lihat dari sudut *geographical* ini, jelas menunjukkan dengan kepadatan penduduk hanya 2 juta satu ruang yang luas sudah pasti kawasan pentadbirannya juga luas dan sudah sewajarnya kuasa pentadbiran, kuasa pemerintahan dibahagi-bahagi bagi memastikan keperluan kebajikan rakyat lebih adil dan lebih baik pada masa akan datang. [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, cadangan persempadan pilihan raya di Sarawak telah dipamerkan pada 5 Januari 2005 dan telah dilaksanakan dan SPR dikehendaki melaksanakan urusan ini dalam tempoh 2 tahun dan alhamdulillah tidak sampai 2 tahun SPR telah berjaya membawa ke Dewan Parlimen pada pagi ini untuk kelulusan. [Tepuk].

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun].**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bintulu berdiri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kota Samarahan. Tadi Yang Berhormat Kota Samarahan tadi ada persoal geografi kita tetapi tadi Yang Berhormat daripada Stampin dia tidak faham geografi masalah di luar kawasan. Contoh di Bandar Kuching, **Peronggang** dia ada 3 DUN, **Peronggang** dia baru 6 kilometer persegi, 'Pending' - 14 kilometer persegi, Batu Lintang - 15 kilometer persegi tetapi saya bagi satu kawasan contoh di Bintulu kawasan Cepat - 701 kilometer persegi, Tanjung Batu - 35 kilometer persegi, **Kemana** - 5,307 kilometer persegi, Samalaju kita ada 2,257 kilometer persegi. Jumlahnya 8,300 kilometer persegi.

Ini Bandar Kuching sampai habis pun 35 kilometer persegi sahaja. Kita mahu berkhidmat kepada rakyat contoh macam saya punya kawasan di Bintulu saya turun padang tiap-tiap pagi mahu pukul 2 pagi sedia mahu turun padang sampai malam pukul 8.00 malam atau pukul 9.00 malam baru boleh sampai. Pergi berapa rumah panjang sahaja. Sama juga kalau tol kalau kita ikut, kita mahu lebih efisien....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu ini *floor* Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak, tidak saya mahu bagi Yang Berhormat Kota Samarahan dia faham. [*Dewan riuh*]. Ini masalah luar kawasan fasal ini Yang Berhormat Stampin tidak faham. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bagi Yang Berhormat Kota Samarahan lihat ini masalah luar kawasan. Saya minta Yang Berhormat Kota Samarahan bagi pandangan, komen sedikit. Sekian, terima kasih.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu. Saya amat setuju sekali dengan kenyataan, pencerahan Yang Berhormat Bintulu masukkan dalam ucapan saya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [*Mencelah*] Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat Kota Samarahan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Kalau kita tengok itu dari segi keluasan kawasan itu..[*Dewan riuh*]..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat sila tenang Yang Berhormat..

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching saya ada 15 minit sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, ya satu soalan sahaja.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Selepas ini Yang Berhormat Bandar Kuching ada kesempatan untuk berbahas. [*Dewan riuh*].

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apa, apa pandangan Yang Berhormat Kota Samarahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saratok hanya ada 10 kilometer persegi tetapi bilangan pengundi Saratok hanya 1/3 daripada Pending. Pending keluasannya adalah lebih luas daripada Saratok. Saratok hanya 10 kilometer persegi sedangkan Pending ada 14 kilometer persegi....[*Dewan riuh*].

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kota Samarahan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi Pending adalah dua kali ganda lebih banyak bilangan pengundi daripada Satok.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak bagi laluan. Saya hendak habiskan 15 minit saya dengan teks saya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apakah penjelasan ataupun alasan Perdana Menteri oleh Yang Berhormat Kota Samarahan. [*Dewan riuh*].

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** [*Mencelah*] Yang Berhormat Bintulu tidak faham, Yang Berhormat Bintulu sudah faham kah sekarang.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Bintulu tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk dahulu, duduk.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain setiap pembahas cuma diberi 15 minit, jadi yang pembahas itu kalau tidak mahu kasi laluan oleh kerana masa itu singkat, jangan bagi laluan. Kalau hendak beri laluan juga yang lain itu janganlah bising oleh kerana saya sendiri tidak dengar apa-apa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Macam mana Yang Berhormat Kota Samarahan boleh menjawab. Bertimbang rasa sedikit.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [*Bangun*] Boleh saya terangkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Samarahan, dengar tadi apa yang dicakap itu sama ada Yang Berhormat Kota Samarahan bagi laluan atau tidak.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Saya tidak bagi laluan, saya hendak habiskan dalam masa 15 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila, sila teruskan. Sila.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 9 minit lagi. Sila.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu tadi pencerahan Yang Berhormat Bintulu tadi begitu tepat sekali sebab kita lihat bukan sahaja di kawasan Bintulu malah kawasan Hulu Rajang seluas negeri Pahang. Kalau tidak ditadbir, diurus dengan baik dalam *geographical* yang luas, yang dalam pelbagai bentuk

amat sukar sekali kita hendak mendampingi rakyat memenuhi keperluan rakyat dan apa yang penting memastikan pembangunan keselesaan rakyat tersebut. [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perubahan fizikal serta pertumbuhan demografi menuntut perkhidmatan wakil rakyat ataupun pemimpin yang lebih cekap lagi, yang lebih baik lagi dan yang rasionalnya setiap pemimpin, setiap wakil rakyat mempunyai visi dan juga mempunyai harapan matlamat untuk memastikan kawasan-kawasannya dalam keadaan yang baik membangun dan pasti memberi pembangunan kepada rakyat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan itu segala keperluan rakyat khasnya dari sudut pembangunan, dari sudut kemudahan atas sistem perparitan, jalan raya, bekalan air, pengangkutan awam, keperluan kebajikan, sosial, bantuan persekolahan, bantuan golongan kurang bernasib baik adalah dapat diberi perhatian yang sewajarnya oleh wakil rakyat ataupun pemimpin di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat dipertanggungjawab bukan sahaja untuk mengubah dasar malah juga untuk menjaga kepentingan rakyat di kawasan masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ramai di antara kita yang tidak tahu mengapa perlu diadakan proses persempadan semula kawasan pilihan raya. Malah ada di antara kita yang mempersoalkan proses persempadan semula ini harus dilakukan oleh SPR.

Lebih buruk lagi ada yang fitnah mengatakan bahawa proses persempadan semula ini adalah untuk memastikan Kerajaan Barisan Nasional terus kekal berkuasa. Sebenarnya fitnah itu adalah tidak masuk akal sama sekali. Ada beberapa perkara ataupun sebab yang perlu dibentangkan kenapa persempadan semula ini perlu dilaksanakan.

## ■1220

Pertama sekali, tahukah anda satu kawasan Dewan Undangan Negeri di Sarawak ada yang sebesar Pahang, seperti yang saya maklumkan tadi. Taburan penduduknya merata-rata, ada yang masih tinggal di kawasan terpencil dan menggunakan sungai sebagai pengangkutan utama dan ini dikenali sebagai kawasan terpencil luar bandar.

Kedudukan-kedudukan rumah penduduk jauh antara satu sama lain. Keadaan bukan macam di bandar yang kelihatannya seperti rumah pangsa, rumah banglo yang kita lihat bukan sahaja di Bandar Kuching, malah di bandar-bandar utama di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kawasan ini besar, jadi ia harus dikecilkan kawasan ADUN bagi memudahkan wakil rakyat berkhidmat kepada rakyat. Malah di sesetengah tempat dengan penduduknya kira-kira 6,000 orang ada wakil rakyat hendak jumpa rakyat sendiri pun setengah mati kata orang, terpaksa meredah sungai sehari dua untuk sampai ke lokasi berkenaan. Itu baru 6,000, bukan lagi 60,000 ataupun 600,000.

Selain daripada itu persempadan semula kawasan pilihan raya akan mewujudkan lebih banyak lagi kerusi Dewan Undangan Negeri dan sekali gus memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk berkhidmat menjadi pemimpin kepada rakyat ataupun masyarakat dan secara tidak langsung dapat mempercepatkan proses penyampaian maklumat, proses pembangunan bagi sesuatu kawasan. Dalam tempoh lapan hingga 10 tahun ini, sesuatu

kawasan biasanya akan banyak berubah. Selalunya akan bertambah, waima bilangan dewan, balai raya dan sebagainya dan pertambahan ini berlaku disebabkan migrasi penduduk, pembukaan penempatan baru dan sebagainya.

Malah mereka ini sanggup untuk menyediakan skrip semasa perbicaraan bantahan iaitu *local inquiry*. Mengapa kami kata demikian, sebabnya apabila dibaca skrip yang disediakan pihak pembantah, semuanya rata-ratanya di setiap tempat, kata mereka bilangan pengundi mesti dibahagikan dengan jumlah DUN dan saya rasa perkara ini tidak sesuai untuk dilaksanakan di Sarawak.

Mana boleh Shah Alam disamakan dengan Sabak Bernam, disamakan dengan Baram, kan tidak masuk akal? Di Kampung Batu 40, Sabak Bernam contohnya, semua yang tinggal di situ menggunakan satu alamat, bukan berdasarkan nombor rumah tetapi surat tetap sampai. Dalam hal ini SPR dikatakan menipu dengan tidak mengikut Perlembagaan tetapi sebenarnya mereka khususnya pihak pembangkang mahu Konsep One Man One Vote, One Value iaitu nilai pengundi di Shah Alam mesti sama dengan nilai di Kapit. Adilkah perkara ini?

**Beberapa Ahli:** Tak adil!!

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Sedangkan bilangan pengundi di Shah Alam ini ada bandar raya, separuh bandar dan juga kampung. Apa yang dibuat SPR ini bukan untuk tentukan kemenangan BN tetapi bagi memastikan pengundi dekat dengan alamat persempadanan ini. Cuma persoalannya di sini, bagaimanakah SPR akan membuat pembahagian kawasan persempadanan pilihan raya ini adalah seimbang dalam semua kawasan daripada segi jumlah pengundinya. Berapakah nisbah penduduk yang perlu diwakili oleh seorang wakil rakyat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak menekankan bahawa persempadanan semula negeri Sarawak ini selari dengan komitmen Kerajaan Negeri Sarawak sebelum ini iaitu membangunkan kawasan luar bandar sebab apa yang berlaku pada masa ini, pembangunan tidak seimbang di antara bandar dan luar bandar di mana di kawasan luar bandar banyak lagi komitmen, banyak lagi pembangunan yang perlu diurus bagi memastikan keselesaan keperihatinan rakyat kita ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan 11 kerusi DUN ini adalah selari dengan usaha Kerajaan Negeri Sarawak yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang komited untuk membawa pembangunan ke kawasan luar bandar.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengumumkan strategi baru untuk pembangunan luar bandar dengan mengumumkan Serian sebagai bahagian kedua belas di Sarawak. Sembilan daerah kecil di naik taraf menjadi daerah empat daerah kecil telah diwujudkan. Ini tujuannya untuk memastikan pentadbiran-pentadbiran di luar bandar lebih diperincikan, lebih mendekati rakyat. Sembilan daerah tersebut ialah Tebedu, Subis, Beluru, Sebauh, Tanjung Manis, Kabong, Pusa, Telang Usan, Bukit Mambong, manakala empat daerah kecil yang baru ialah Bario, Lapuk, Mulu dan Long Bagian.

Jadi perubahan dalam pentadbiran sempadan menerusi pembentukan bahagian baru daerah dan daerah kecil memenuhi jangkaan peningkatan penduduk bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan program dan projek berjalan dengan lebih efisien dan lancarnya. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua dengan adanya kesepakatan persempadanan semula dari sudut pentadbiran dan politik ini akan memastikan visi, misi Kerajaan Negeri Sarawak untuk menjadi sebuah negara yang maju, negara yang dominan, negara yang memenuhi keperluan rakyat akan tercapai tidak lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong cadangan usul persempadanan semula kerajaan Negeri Sarawak pada pagi ini. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Saya perlu adil di sini. Tadi suara wanita, jadi saya seimbangkan suara wanita juga, pembahasan yang berikutnya, Yang Berhormat Lembah Pantai. 15 minit.

#### 12.26 tgh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada KEADILAN untuk turut serta dalam perbahasan isu persempadanan semula yang hangat ini.

Saya fikir saya baru sahaja hendak umumkan, baru hendak umumkan. Apa yang penting di sini tak tunggu, bila saya dihadapkan tadi depan Jawatankuasa marahlah. Sekarang biar tumpu hal Sarawak. Kalau tidak hormat sangat isu Sarawak.

Saya hendak mulakan Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, inilah merupakan satu usul yang dibawa oleh Perdana Menteri yang sememangnya merupakan usaha untuk meneruskan talian hayat Barisan Nasional. Kalau kita lihat di peringkat Kerajaan Pusat, di peringkat Parlimen ini, Sarawaklah yang terpaksa menanggung bebanan bila masa Ahli Parlimen Pekan gagal dalam usaha untuk menambah kerusi dalam Dewan Rakyat.

Proses persempadanan semula pertambahan kerusi Negeri Sarawak ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan kali pertama dalam sejarah Malaysia di mana tidak ada sebarang penambahan kerusi Parlimen sebelum kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri bertambah di sesebuah negeri. Kalau kita lihat daripada sejarah, kalau tengok pada tahun 1986, 1966 dan 2005, kerusi Dewan Undangan Negeri meningkat tetapi juga memperlihatkan bilangan kerusi Parlimen yang bertambah. Untuk kerusi-kerusi Parlimen ditambah dalam Dewan Rakyat ini, Perdana Menteri memerlukan undi dua per tiga majoriti dan beliau tidak ada undi tersebut, *Insyallah*.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah bila masa sebelum kita pergi ke soal asas ataupun soal spesifik bab penambahan 11 kerusi dewan undangan negeri ini, saya ingin menyatakan, kita harus lihat kredibiliti SPR. Isu sejarah, isu kenapakah wujud begitu banyak, begitu keras

penolakan terhadap usul ini? Kita faham beberapa *argument* yang dilontarkan berkait keperluan untuk negeri Sarawak memperlihatkan khidmat yang lebih baik. Jadi persoalan saya kembali dan menjawab kepada desakan tersebut, kenapakah selama ini bila masa ada wakil-wakil Barisan Nasional di peringkat negeri, peringkat Parlimen dan juga peringkat dewan undangan negeri, khidmat tidak diberikan dengan baik kepada rakyat Sarawak? Apakah fungsi agensi-agensi kerajaan yang sedia ada daripada pegawai daerahnya, majlis-majlis daerahnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat? Sepatutnya daripada jumlah peruntukan yang diberikan untuk 11 ADUN, kalau dilihat setiap ADUN dari negeri Sarawak akan mendapat RM15,000 sebulan. Maka penambahan 11 orang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.98 juta.

Saya faham, kalauolah rasional untuk memastikan mereka rakyat bawahan rakyat miskin mendapat bantuan, mendapat pembelaan, perkhidmatan yang lebih baik, rasionalnya tidak mencukupi dengan penambahan Ahli Dewan Undangan Negeri. Itu pertama. Isu sejarah bila masa kita mengatakan kenapakah wujud penolakan. Kita bukan tidak mahu mengakui hak negeri Sarawak untuk mendapat perwakilan dan sebagainya.

#### ■1230

Akan tetapi seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi, tidak ada keadilan dan justifikasi di antara Kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri yang dirangka di peringkat DUN sekalipun. Maksudnya di peringkat DUN pun tidak menghormati berapa jumlah pengundi dan juga keluasan setiap kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Dewan ini, kalau tadi disebut apa yang kita bawakan hari ini adalah fitnah, saya merujuk kepada keputusan Mahkamah Tinggi pada 25 Mei tahun ini. Hakim Mahkamah Tinggi Yeo Jin Kee yang bersetuju dan membuat keputusan bahawa notis persempadanan semula yang dikeluarkan oleh SPR adalah terbatal. Ini bukan kata pembangkang tetapi kata-kata Mahkamah Tinggi ya. Terbatal kerana ia tidak mengikut Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Jadi ada rasional, ada justifikasi apabila kita bawakan bantahan.

Hakim Mahkamah Tinggi turut mengarahkan supaya SPR mengeluarkan semula notis cadangan Suruhanjaya tersebut dengan mematuhi segala syarat yang dikenakan oleh Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Tetapi SPR sebahagian daripada Barisan Nasional tidak langsung bersetuju, tidak mampu pun untuk mengikuti arahan Mahkamah Tinggi, tetapi terus mendesak dan meneruskan sehingga merayu keputusan Hakim Mahkamah Rayuan.

Jadi pada saya begini Tuan Yang di-Pertua, kita semua merupakan sebahagian daripada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengundi bersetuju dengan rekomendasi daripada Jawatankuasa Khas untuk mereformasi sistem pilihan raya tahun 2012. Maksudnya semua isu yang sebelumnya sudah dibangkitkan dan antara rekomendasi tersebut Tuan Yang di-Pertua yang diluluskan pada tahun 2012, termasuklah pelantikan penggerusi SPR dan keseluruhan pimpinan yang tidak sepatutnya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, tidak dipilih oleh Jabatan Perdana Menteri, tetapi mengikuti prosedur bagaimana hakim-hakim di peringkat Mahkamah Persekutuan dilantik. Ini rekomendasi dalam Dewan Rakyat ini. Ini juga melibatkan bagaimana...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sekejap, saya habiskan poin ini. Yang Berhormat Seremban ini anggota yang bersetuju dan bersama dengan Jawatankuasa Khas Reformasi Pilihan Raya Tuan Yang di-Pertua. Termasuk juga apa? Untuk memastikan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia distrukturkan semula dibahagikan kepada tiga badan yang *independent*. Satu, untuk menjaga urusan pilihan raya, satu untuk membersihkan daftar pemilih dan satu lagi untuk mengkaji semula persempadanan pilihan raya. Sekarang tidak ada satu pun yang dilaksanakan yang dibuat, dilunaskan. Kita ada badan yang sama dengan kehancuran kredibiliti dan arahan dari Dewan Rakyat, badan legislatif yang tertinggi di Malaysia tidak diendahkan. Silakan Yang Berhormat Seremban, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Dua syor yang kita buat dalam PAC pada tahun 2012 secara khusus berkenaan dengan persempadanan semula ialah yang pertamanya pengasingan fungsi SPR kepada tiga bahagian. Salah satu fungsi yang kita cadangkan ialah kita buat satu *boundary commissions* satu suruhanjaya khas untuk persempadanan semula di mana ketika itu PAC membuat satu lawatan kerja ke UK, kita pergi tengok UK Boundary Commission, satu badan khas dan keduanya persempadanan yang lebih seimbang. Pada ketika itu Yang Berhormat Kota Marudu merupakan pengurus kita dan kita sama-sama menyokong cadangan-cadangan syor-syor tersebut. Pada ketika itu, ini adalah langkah panjang yang dikatakan akan dilaksanakan mungkin selepas Pilihan Raya Ke-13.

Yang Berhormat Kota Marudu pada ketika itu beria-ria kata untuk meminta kita sokong dahulu. Ini langkah jangka panjang, kita buat selepas PRU Ke-13. Okey kita sokong dahulu. Ini langkah jangka panjang, kita buat selepas PRU Ke-13. Selepas PRU Ke-13, selepas Barisan Nasional hilang ataupun kalah undi popular, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Jun 2013 ketika ucapan di hadapan Yang di-Pertuan Agong semasa Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, beliau menjanjikan dalam laporan *Malaysian Insider* pada 1 Jun 2013, Najib umum SPR bakal diletakkan di bawah satu Jawatankuasa Khas Parlimen.

Saya hendak tumpang Yang Berhormat Lembah Pantai tanya kepada Yang Berhormat Pekan yang baru keluar tadi di manakah janji ini, Jawatankuasa Khas Parlimen untuk memantapkan SPR ini? Ini janji yang tidak ditepati selepas dua tahun. Mohon Yang Berhormat Lembah Pantai tanya, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seremban dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Kerana itu Tuan Yang di-Pertua bagaimana mahu mengharapkan sudahlah prosedurnya, prosesnya tidak mengikuti *precedent* sebelum. Tidak ada mana-mana usaha untuk menambah Kerusi Parlimen dibincangkan di peringkat Parlimen terlebih dahulu sebelum dibawa usul Dewan Undangan Negeri Sarawak. Saya faham dan saya hormati.

Akan tetapi pada masa yang sama kita juga harus faham kredibiliti SPR yang sangat tercaltar. Kalau dilihat isu utama juga yang dibangkitkan dalam *Select Committee*, jawatankuasa

khas, isu *malapportionment*. Saya boleh katakan kalau lihat di peringkat negeri Sarawak semua Kerusi, sekarang ini Kerusi yang dipegang oleh PBB Parti Pusaka Bumiputera Bersatu 35.

Tambahan Kerusi tentunya sekarang 11 menjadikan 82 semuanya. Tetapi kalau kita bahagikan nisbah dari segi jumlah pengundi yang diwakili oleh mana-mana parti yang menang, saya boleh katakan bagi PBB sendiri, mereka menang 35 Kerusi DUN. Akan tetapi ini menunjukkan lebih kurang kalau kiraan 5,508 pengundi bagi setiap Kerusi yang dimenangi. Banding dengan parti Keadilan Rakyat. kami menang memang hanya tiga Kerusi, tetapi jumlah pengundi adalah 39,033 orang bagi setiap kerusi. Ini isu *malapportionment*, bukan isu kiranya di Semenanjung merasakan Sarawak tidak patut diberikan haknya. Memang, tetapi kena dilihat bagi DAP pula dengan semua kerusi yang dimenangi 11,237 orang jauh melebihi daripada 5,000 yang dimenangi oleh PBB. SUPP 18,630 undi bagi setiap Kerusi yang mereka menangi.

Jadi tentunya Tuan Yang di-Pertua, isu nisbah dibangkitkan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas, isu reformasi pilihan raya. Ini bukan soal tentang bagaimana kita menolak kerana dilihat akan mementingkan Barisan Nasional tetapi proses itu tempang. Itu yang saya ingin maklum.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat yang berdiri di belakang, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Apabila saya membaca apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk persempadanan semula di Sarawak, saya nampak ada satu trend di mana 11 Kerusi yang ditambah ini, 10 daripada 11 itu adalah di kawasan kubu kuat PBB dan Barisan Nasional terutamanya PBB. Jadi saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, adakah ini satu *peaceful solution* untuk perpecahan dalaman dalam Barisan Nasional di Sarawak atau ini adalah satu *move*, Sarawak *move* yang ingin memperkuatkan PBB parti yang paling *dominant* dalam Barisan Nasional di negeri Sarawak. Minta komen Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya setuju, saya akan habiskan. Isunya Tuan Yang di-Pertua sememangnya kalau dilihat daripada 11 Kerusi baru yang telah dirangka, kemungkinan besar lima ada peratusan PBB akan menang kerana itulah banyak parti, akan dapat Kerusi tersebut. Kerana itu banyak dalam bantahan buat kali pertama, antara kali pertama dalam sejarah, banyak parti SUPP membangkitkan bantahan bukan sahaja parti-parti DAP dan juga Keadilan. Jadi pada saya apabila berlaku dalaman itu sendiri rasa cara dan prosesnya tidak menepati undang-undang dan juga peruntukan dalam Perlembagaan, inilah harus diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin maklumkan dalam kemelut ini juga kita harus faham kenapakah proses ini sepatutnya diperbaiki dan ditolak di peringkat ini. Saya ingin ingatkan balik daripada peringkat awal, isu atau masalah *fundamental* yang menghantui SPR dan sekarang ini kemarahan sebenarnya bertumpu kepada SPR walaupun dilihat proses ini membantu PBB Sarawak untuk menang dalam pilihan raya akan datang walaupun kita akan cuba sedaya-upaya untuk menentang habis-habisan.

Saya hendak rujuk satu berita yang dibawa oleh *Utusan Malaysia*. Ini sebagai penghabisan saya Tuan Yang di-Pertua kerana pada saya, saya hendak menunjukkan kolusi kerjasama erat daripada peringkat eksekutif, SPR untuk memastikan undang-undang di dalam negara ini tidak mengikuti sistem demokrasi yang sepatutnya. Saya merujuk berita yang dikeluarkan, diterbitkan oleh *Utusan Malaysia*.

#### ■1240

9 Jun 2001 di mana tajuknya dengan jelas menyatakan “*Keputusan Likas dibatal – Mahkamah Dapati Wujud Pengundi Hantu Pada Pemilihan 1999*”. Isunya Tuan Yang di-Pertua, bila masa kita bangkitkan bab ini maka Kerajaan Pusat bekerjasama erat untuk meminda dalam Akta Pilihan raya 1998 dan menambah seksyen 9A. Walaupun dalam pilihan raya di Likas dibuktikan lebih 4,000 bukan warganegara Malaysia telah mengundi memandangkan calon Barisan Nasional ketika itu Yong Teck Lee, tindakan kerajaan bukan untuk memperbaiki SPR, memastikan ianya *independent*, memastikan proses itu baik.

Akan tetapi yang mereka buat ialah memperkenalkan seksyen 9A maka tidak ada lagi cabaran, tidak ada lagi mana-mana usaha yang kita boleh buat, bantahan menerusi mahkamah kalau senarai daftar pemilih itu 100% warga asing. Ini saya hendak maklumkan, ini yang berlaku selagi atau selepas ianya digazet oleh Parlimen.

Jadi, manakah ruang kita hendak bersuara Tuan Yang di-Pertua? Jangan bawalah isu ini kami tidak bersetuju kerana parti lain. Isunya kami mohon agar jawatankuasa khas yang diluluskan oleh Parlimen mengambil masa hampir setahun Ahli-ahli Parlimen di sini merundingkan cara-cara terbaik untuk memperbaiki sistem pilihan raya. Akan tetapi akhirnya Perdana Menteri datang membentangkan keputusan DUN Sarawak membelakangi Dewan Rakyat, tidak mengikuti proses sebelumnya.

Akhirnya kita terpaksa menerima penambahan 11 kerusi di Sarawak. Percayalah Tuan Yang di-Pertua, bimbang saya di semua kawasan lain di peringkat Parlimen juga impaknya amat negatif. Akhirnya di manakah boleh kita pergi untuk mendapatkan secebis keadilan khusus bila bercakap tentang institusi *our Election Commission* (SPR) yang milik kita semua bukan milik UMNO, Barisan Nasional ataupun dalam kes ini khusus bagi PBB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Hulu Rajang.

**12.42 tgh.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewakili Ketua Kerajaan di atas pembentangan usul persempadanan semula negeri Sarawak ini.

**Beberapa Ahli:** Dia sudah balik, sudah balik sudah. Tidak payah hendak bodek lagi.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Jangan bunyilah, dengar dahulu. Ini sangat memperlihatkan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa bersungguh-sungguh mahu melihat negeri Sarawak menjadi salah sebuah negeri yang termaju dan termasyhur di Malaysia. Pemimpin pimpinan Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa mendukung moto kita "*Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan*".

Saya melihat ini merupakan satu usaha positif pihak kerajaan bagi mentransformasikan bilangan kerusi dewan undangan negeri yang sedia ada dengan penambahan sebanyak 11 lagi kerusi negeri Sarawak. Ini merupakan langkah paling tepat dan bijak khususnya bagi semua rakyat di negeri Sarawak. Ini secara langsung dan akan memberi satu peluang yang besar untuk pimpinan di kerajaan negeri mahupun Kerajaan Pusat bagi terus menabur bakti kepada semua rakyat di negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, bahagian Kapit mempunyai kawasan Parlimen P215 Kapit dan P2160 Rajang, Tuan Yang di-Pertua yang mana turut terlibat dalam proses persempadanan semula kawasan pilihan raya dan pertambahan kawasan DUN Negeri Sarawak. Bahagian Kapit merupakan bahagian terbesar di negeri Sarawak dengan keluasan 38,934 kilometer persegi Tuan Yang di-Pertua. Lebih besar daripada negeri Pahang yang hanya 35,934 kilometer persegi, Tuan Yang di-Pertua.

Bahagian Kapit dibahagikan kepada empat buah daerah iaitu daerah Kapit, daerah Song di bawah Parlimen P.215 dan Daerah Bukit Mabong dan Daerah Belaga di bawah kawasan Parlimen P.216 Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan persempadanan semula kawasan Parlimen dan penambahan kerusi, DUN P.215 mempunyai tiga kawasan DUN iaitu DUN 61 Pelagus, DUN 62 Katibas dan DUN 63 Bukit Goram, Tuan Yang di-Pertua. Manakala Parlimen P216 Hulu Rajang juga mempunyai tiga kawasan DUN iaitu DUN 64 Balih, DUN 65 Belaga dan DUN 66 Murum yang baru ini.

Saya sungguh sayang Tuan Yang di-Pertua, satu kawasan ialah pengundi di kawasan saya P216 Hulu Rajang iaitu Daerah *polling* Sut atau Sut *polling district* adalah kawasan yang tegar pengundi Barisan Nasional di mana saya telah berjaya memperoleh lebih 3,000 undi di kawasan tersebut pada pilihan raya umum yang lepas, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat keberatan hati kehilangan Sut *polling district* di bawah N.61 Pelagus. Demi pembangunan kawasan luar bandar dan keprihatinan terhadap rakyat yang saya tidak ketepikan, kepentingan peribadi diri dan politik maka akur dengan Sut *polling district* diserahkan kepada N.61 Pelagus, Tuan Yang di-Pertua.

Ingin saya menjelaskan di sini pendirian dan pandangan saya daripada perspektif sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional bahawa terdapat segelintir tohmahan yang dilemparkan oleh pihak pembangkang, Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan urusan persempadanan bahagian pilihan raya negeri Sarawak ini. Ditemui dengan *gerrymandering* iaitu dengan izin, ini memprovokasi persembahan-persembahan untuk kepentingan pada parti Barisan Nasional adalah sekadar tohmahan dan tidak berasas sekali Tuan Yang di-Pertua.

Jika SPR tidak relevan pada hari ini, pembangkang tidak menguasai Kelantan, pembangkang tidak menguasai Selangor, pembangkang tidak menguasai Pulau Pinang. Bermaknanya rakyat tahu, rakyat meneliti dan bijak memilih Barisan Nasional seperti kerajaan yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Kesemua kriteria urusan persempadanan telah melalui dan mengikut proses undang-undang yang telah dipenuhi oleh SPR dengan menjunjung amalan demokrasi yang memberi peluang kepada mana-mana pihak yang ingin mengutarakan bantahan dan sebagainya sebagai perkara di bawah usul yang dibawa ke Parlimen ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga sebilangan pihak pembangkang juga cuba menegakkan benang yang basah Tuan Yang di-Pertua dengan mempersoalkan kenapa kawasan pilihan raya tertentu tidak dibuat persempadanan semula dan dinyatakan hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja yang dibuat persempadanan semula untuk memihak kepada kepentingan parti Barisan Nasional di negeri Sarawak. Harus diingat bahawa salah satu asas ataupun sebab persempadanan semula ini dilakukan adalah berdasarkan keluasan sesebuah kawasan pilihan raya.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, kawasan P195 Bandar Kuching hanya mempunyai keluasan 35 kilometer. Tidak sampai setengah jam pun saya pergi klinik kawasan tersebut, habis. Akan tetapi jika dibandingkan dengan P216 kawasan saya Hulu Rajang Tuan Yang di-Pertua, 34,080 kilometer persegi Tuan Yang di-Pertua. Maka amat sesuailah untuk diwujudkan suatu kawasan pilihan raya baru melalui proses persempadanan semula di kawasan Hulu Rajang ialah N.66 Murut.

Begitu juga saya bandingkan kawasan P.196 Stampin yang hanya mempunyai keluasan 194 kilometer persegi Tuan Yang di-Pertua jika dibandingkan dengan P.215 Kapit yang mempunyai kawasan 6,331 kilometer persegi. Atas faktor keluasan ini, sudah tentu amatlah berpatutan untuk persempadanan semula dilakukan di P.215 Kapit. Dengan itu maka wujudkan kawasan pilihan raya DUN baru iaitu DUN 63 Bukit Guram, Tuan Yang di-Pertua.

Ternyata kalau dinilai daripada segi keluasan kilometer persegi kawasan pilihan raya ini, memanglah tidak berasas sama sekali untuk pihak pembangkang dan mempertikaikan urusan persempadanan semula kawasan pilihan raya di negeri Sarawak. Harus juga diingat bahawa tujuan persempadanan semula ini dilakukan atas dasar sekurang-kurangnya keperluan daripada segi pertama, daripada segi impak sosioekonomi. Pertambahan Kerusi DUN di kawasan luar bandar negeri Sarawak iaitu 10 daripada 11 Kerusi, keadaan ini akan memberi impak kepada pembangunan kemajuan fiskal iaitu menggalakkan proses urbanisasi di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Pertambahan kerusi di kawasan luar bandar tersebut akan menghasilkan peruntukan pembangunan yang lebih fokus kepada sesuatu kawasan luar bandar. Kawasan yang selama ini mengalami perkembangan kemajuan infrastruktur yang perlahan akan lebih cepat perkembangan dengan pembinaan kawasan perumahan baru, pekan, peluasan kawasan bandar dan kemudahan infrastruktur jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik, bandar raya dan sebagainya akan lebih rancak seiring dengan pertambahan penduduk kawasan pada masa akan datang Tuan Yang di-Pertua.

■1250

Daripada segi impak sosiopolitik juga Tuan Yang di-Pertua, pertama kerusi DUN Sarawak akan menggalakkan rakyat Sarawak yang lebih aktif dalam politik serta sedar akan hak mereka untuk bersuara melalui kuasa undi yang diberi kepada mereka pada setiap lima tahun sekali. Ini akan menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam proses demokrasi untuk memilih pemimpin kerajaan seperti Barisan Nasional yang berwibawa seperti yang kita ada pada hari ini. Terus kelangsungan memerintah negara kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya menyokong usul Tuan Yang di-Pertua, Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2015 dan Penamaan Kerusi DUN Negeri Sarawak perlu diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**12.51 tgh.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyampaikan pandangan saya. Kita telah bersetuju di dalam Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai penambahbaikan pilihan raya dahulu untuk mengambil kira urusan satu pengundi, *one person one vote* ini. Ertinya kita kena mesti mempunyai satu dasar dalam pewujudan kawasan-kawasan pilihan raya ini dengan mengambil kira taburan pengundi yang agak munasabah. Kita tidak boleh membandingkan sudah tentunya di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Jadi apa yang dibangkitkan oleh salah seorang pembahas tadi dengan membandingkan Semenanjung, Shah Alam, Sabak Bernam dengan Sarawak, itu saya rasa tidak tepat. Sememangnya kita bersetuju bahawa di sana kena ada perbezaan. Antara Sabah Sarawak dan Semenanjung.

Di samping itu juga kita bersetuju supaya ada *weightage* antara *urban* dan *rural* dengan izin supaya kita lihat keadilan di situ. Kita mengambil kira saiz kawasan-kawasan yang berbeza seperti yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang tadi tetapi kita tidak boleh berbeza terlalu besar. Kita boleh bersetuju kalau sebelum ini kita sudah mencadangkan supaya perbezaan antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain baik di Semenanjung maupun di Sabah Sarawak.

Di Sabah dan Sarawak di antara Kerusi-kerusi sesama mereka tidak melebihi 15% *either way* lebih dan kurangnya. Jadi itu akan memberikan keadilan. Kalau kita bercakap mengenai saiz kawasan jadi itu mungkin ada *rural urban weightage* nya. Namun kita mesti mengekalkan satu

perbezaan yang munasabah. Kalau terlalu besar ertinya kita sudah bagi satu kawasan meningkat *over representation*, kawasan yang lain *under representation*.

Tuan Yang di-Pertua kalau kita membandingkan antara satu kawasan urban Bandar Kuching, 80,000 sudah tentulah kawasannya kecil namanya lagi kawasan kota raya. Akan tetapi kita sebagai wakil rakyat ini antara tanggungjawab kita ialah menangani manusia ini, orang perorangan. Jadi menangani 80,000 dengan menangani 26,000 ataupun 18,000 orang pengundi bagi setengah kawasan pilihan raya tentulah ada perbezaannya. Walaupun kita jarak dekat, dekat dengan pengundi tetapi yang kita hendak jaga ialah kerena pengundi-pengundi, aduan-aduan, laporan-laporan yang mereka sampaikan.

Ertinya, menangani 80,000 orang pengundi jauh lebih berat daripada menangani 18,000 orang pengundi bagi setengah kawasan, itu juga yang berlaku di Semenanjung. Oleh sebab itu kita mesti mempunyai satu keberanian untuk memberikan perbezaan antara kerusi ini, satu perbezaan peratusan yang munasabah. Janganlah satu kawasan itu lebih kurang 18,000 berbanding dengan 80,000.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah Yang Berhormat Kuala Krai sebab saya merupakan Parlimen yang ramainya pengundi P109 paling ramai, P109 Parlimen Kapar di mana pengundinya adalah berjumlah 144,159 orang pengundi. Bila dibandingkan dengan Perlis tiga Parlimen iaitu Padang Besar, Kangar dan Arau hanya mempunyai pengundi 137,057 orang pengundi sahaja termasuk Parlimen Kapar ini lebih besar daripada satu negeri Perlis dengan tiga Parlimen. Bermaksud saya ini boleh dianggap sebagai Menteri Besar sekarang itu *proportion* dia. Keduanya Yang Berhormat Kuala Krai apabila dibandingkan dengan Putrajaya hanya 15,791 orang pengundi bermaksud sembilan Tengku Adnan sama dengan satu Ahli Parlimen Kapar. Inikah *proportion* yang telah dibawa oleh SPR, penjelasan Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya dalam belah bahagian nanti Yang Berhormat Kapar tiga kali pangkah berbanding dengan wakil-wakil dari Perlis. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sembilan kali.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Itu kalau banding dengan Perlis kalau banding dengan Putrajaya sembilan kali pangkah. *[Ketawa]* Kalau duduk dalam blok saya, saya tukang kira, saya akan buat macam itu Tuan Yang di-Pertua ya. Jadi itulah *point* besar kita. Kami tidak menafikan perlu ada perbezaan antara kawasan-kawasan ini tetapi biarlah mempunyai peratusan yang munasabah. Kita boleh pergi sampai 30% perbezaan kalaupun idealnya itu 15% telah diamalkan oleh banyak negara lain. Akan tetapi 30% boleh, tetapi janganlah sampai tiga kali ganda, sembilan kali ganda. Ini saya rasa tidak munasabah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi *point* Yang Berhormat Kuala Krai ialah semasa kita membincangkan dalam PSC ialah proses urbanisasi di Sarawak ialah di kawasan-kawasan luar bandar ini bilangan pertambahan penduduk itu agak perlahan. Ini kerana kebanyakan orang muda ini berpindah ke kawasan bandar dan menyebabkan bilangan pemilih di bandar ini, di kawasan-kawasan bandar ini jauh lebih besar daripada kawasan-kawasan luar bandar.

Akan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini ialah pertambahan 11 kerusi ini kebanyakannya di kawasan luar bandar. Ini akan menyebabkan lebar, jurang yang lebih besar, sekian membesar kerana pada ketika bahawa bilangan pemilih yang berkurangan di kawasan luar bandar ditambah pula dengan lebihan Kerusi di kawasan bandar yang lebih ramai pemilih tetapi tidak ditambah dengan bilangan Kerusi yang lebih banyak. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya sekali Tuan Yang di-Pertua ini adalah *fallacynya* ataupun perkara yang ironisnya dalam urusan persempadanan ini, sepatutnya kita kena ambil kira trend. Ada satu kawasan di Sarawak yang *confidenya* kepada saya yang memberikan maklumat kepada saya, saya tidak payah sebut. Dia kata sejak sebelum ini setiap kali pilihan raya pengundi kawasan itu makin berkurangan. Jadi ini memberikan gambaran yang tidak adil kepada pembahagian pengundi pada Kerusi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebelum itu, saya hendak sebut satu lagi perkara dalam laporan ini. Kalau kita katakan kawasan itu besar jadi pengundinya kecil, tidak apa. Kawasannya kecil sepatutnya kalau dia besar pun tidak apa pengundinya. Saya ada statistik di sini contohnya beberapa buah kawasan di Putrajaya contohnya. Kepong adalah kawasan yang paling besar antara tiga DUN dalam Putrajaya namun pengundinya juga paling besar. Jadi kalau kita hendak pakai rasionalnya dia besar maka pengundinya mungkin kecil tetapi dalam Putrajaya dia jadi begitu.

Begitu juga di Kota Samarahan, Muara Tuang adalah kawasan yang besar berbanding dengan Nusajaya dan juga Asajaya. Jadi sepatutnya oleh sebab Asajaya ini kecil pengundinya lebih besar tetapi sebaliknya Muara Tuang lebih besar dari Asajaya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baik.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Begitu juga di Miri. Sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Krai setuju tidak dengan saya nampaknya persempadanan semula ini dibuat dengan begitu tergesa-gesa dibentangkan di sini. Pertamanya,

kita lihat bahawa Mahkamah Tinggi telah membatalkan notis yang dikemukakan oleh SPR. Di mana notis Mahkamah Tinggi punya keputusan adalah secara *substancenya* adalah notis yang diberikan di bawah seksyen 4 Jadual Ketiga Belas itu tidak menyatakan kesan kepada persempadanan semula itu. Itulah dia punya *substance* yang jadi itu tetapi telah direverse oleh Mahkamah Rayuan.

Akan tetapi apabila pihak memohon supaya dibawa ke Mahkamah Persekutuan melibatkan isu Perlembagaan malangnya Mahkamah Persekutuan tidak memberikan kebenaran untuk kes ini dibicarakan ataupun dirayu. Jadi ini menyebabkan isu Perlembagaan, isu tentang sama ada notis ini perlu ada menyatakan kesan kepada persempadanan semula itu pada pengundi tidak dapat ditentukan oleh mahkamah paling tinggi.

Satu lagi saya hendak tanya, kalau kita lihat kelulusan, saya baca kelulusan Mahkamah Tinggi ini menyatakan bahawa, “*the inspection of exhibit, the notice it, together with the draft was would not assist the public and the judges to know if the boundary of any pooling district had been changed or how many pooling district had been moved before between state constituency and how many state constituency had been moved between Parliament Constituency.*”

Dalam satu contoh, Batu Kawah asalnya dalam datar pemilih itu ada 1,000 lebih pengundi berdasarkan daftar pemilih tahun 2014. Akan tetapi setelah dilihat dalam notis pemindahan semula dia hanya tinggal 200 lebih sahaja pengundi. Jadi ini sudah tentu memberi kesan kepada pengundi-pengundi tetapi pengundi tidak boleh membuat bantahan, notis itu tidak mempunyai *sufficient* maklumat, maklumat yang mencukupi untuk dia membuat bantahan. Apa komen daripada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai saya beri *option*, pilihan sama ada menggunakan ada empat minit lagi sehingga jam 1.05 minit ataupun memilih empat minit itu digunakan pada tengah hari nanti.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya pilih sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang diberi pandangan oleh Yang Berhormat Sepang itu agak relevan begitu juga disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Sepatutnya SPR berjiwa besar dengan keputusan Mahkamah Tinggi pun boleh kita membuat satu pemberian. Akan tetapi kalau hendak dilajakkan ke mahkamah lebih tinggi maka kita sudah hilang satu peluang kerana tidak dibawa ke Mahkamah Persekutuan. Jadi *precedent* ini tidak dapat dimasukkan ke dalam salah satu keputusan yang muktamad oleh sebuah Apex Corp. Jadi ini saya rasa satu *inopportunity* kita.

Jadi balik kepada *point* saya tadi Tuan Yang di-Pertua maka kita tengok di Miri. Senadin paling besar kawasannya maka pengundinya pun besar juga berbanding dengan pisau yang kecil tetapi pengundinya kecil. Jadi ada di sana ketidakseimbangan daripada hujah yang mengatakan bahawa kawasan kami besar pengundi kecil pun tidak apa. Jadi perlu diambil pertimbangan tersebut. Akhirnya saya hendak menyebut juga tentang beberapa keputusan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, Penambahbaikan Pilihan Raya 2012.

Saya menyokong hujah rakan tadi mengenai pemisahan tanggungjawab SPR dengan membentuk suruhanjaya persempadanan dan juga jawatankuasa ataupun suruhanjaya mengenal *electorate*. Ini penting kerana tugas ini adalah besar. Pengendalian pilihan raya itu sendiri walaupun lima tahun sekali berselang dengan pilihan raya negeri dan juga pilihan raya kecil. Itu sahaja sudah merupakan satu tanggungjawab yang besar bagi sebuah Suruhanjaya SPR ini.

Kita hendak mencadangkan supaya keputusan ataupun resolusi yang kita putuskan bersama ini diambil segera tindakan supaya kita dapat melaksanakan persempadanan dgn lebih baik. Cuba tengok sekarang ini soalan saya keluar dua hari lepas mengenai proses persempadanan pilihan raya seluruh negara apakah peringkatnya. Sarawak kita sudah tahu sudah. Jawapan menteri ialah masih lagi mengumpul data daripada majlis-majlis tempatan.

Jadi saya rasa macam tidak ada *progress* sedangkan penumpuan harus diberikan kepada proses ini. Ini kerana negara berkembang, penduduk berkembang sudah tentu kita bersetuju kalau jumlah kerusi pun ditambah. Akan tetapi oleh sebab beban pilihan raya, beban pilihan raya kecil dan urusan berterusan penambahan pendaftaran pemilih maka urusan persempadanan jadi tertangguh dan terlambat.

Jadi saya rasa cadangan supaya kita pisahkan tugas dan tanggungjawab ini mesti dilaksanakan segera. Begitu juga dengan cadangan oleh jawatankuasa ini iaitu dikaji semula sistem pilihan raya kita *first-past-the-post*. Ini ada dalam keputusan kita walaupun tidak diminta disegerakan sebelum Pilihan Raya Ke-13 tetapi inilah masanya untuk kita melihat. Ini kerana amat janggal RMKe-11 ini didukung oleh 52% pengundi tetapi hanya lebih kurang tidak sampai 40% kerusi. Jadi benda ini mesti *directive* mesti diperbetulkan. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan mengambil berat tentang urusan mengkaji semula sistem pilihan raya kita. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah petang nanti ada lagi tiga nama yang akan turut berbahas selepas 2.30 petang Yang Berhormat Julau bersedia, selepas Yang Berhormat Julai Yang Berhormat Temerloh, pembahas terakhir Yang Berhormat Mukah. Jadi saya agar seorang...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua saya minta boleh bagi satu lagi Yang Berhormat dari Sarawak, Yang Berhormat Lanang sebab ada cukup masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sudah kita, Yang Berhormat sudah kita persetujui bahawa empat, empat tetapi kalau saya tambah di sini terpaksa juga saya tambah sebelah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua kata 3.30 tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak yang itu sudah saya buat keputusan. Ahli Yang Berhormat kita tangguhkan mesyuarat ini sehingga 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**  
**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Kita sambung ya. Tadi Tuan Yang di-Pertua telah putuskan sehingga jam 3.30 petang. Bermakna kita ada satu jam lagi. 15 minit seorang. Ya, Yang Berhormat Julau sudah mula berucap belum? Yang Berhormat Hulu Rajang? Okey, sila.

### **2.32 ptg.**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama menyokong pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pagi tadi. Selepas melihat syor-syor yang dikemukakan oleh SPR, lebih-lebih lagi berkenaan dengan lampiran lima dan lampiran enam, saya terpanggil untuk mengutarakan beberapa *observation* ataupun pemerhatian iaitu memang betul bahawa oleh kerana Sarawak adalah negeri yang besar dan kita memerlukan pengurusan negeri kita dengan lebih lancar lagi, oleh yang demikian, maka persempadanan semula kawasan perlulah dibuat. Ini mengikut lunas-lunas yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Rajang sudah berucap ya?

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sudah, sudah, sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Lunas-lunas yang tertera dalam Perlembagaan kita. Seperti mana yang telah dikatakan oleh rakan-rakan kita dari sebelah sini dan juga dari sebelah sana iaitu kita mengambil kira muka bumi, mengambil kira geografi dan demografi yang sedia ada di negeri Sarawak. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan beberapa cadangan supaya pada masa yang akan datang tidak ada mana-mana pihak merasa terpinggir dalam persempadanan semula kawasan Dewan Undangan Negeri di Sarawak dan begitu juga sekiranya kita membuat persempadanan semula kawasan Parlimen pada masa yang akan datang.

Pada tahun 1963, di Sarawak kita ada 48 Kerusi DUN dan sekarang kita menambah supaya ia menjadi 81. Namun apa yang nampak sangat iaitu ramai rakan kita, penduduk kita yang berketurunan Iban di Sarawak mengatakan bahawa setiap kali kita membuat persempadanan semula kawasan Dewan Undangan Negeri kita di Sarawak, maka dari segi percentagenya kawasan yang di mana majoritinya orang Iban ada berkurangan. Oleh yang demikian, saya merasa terpanggil untuk mengutarakan ini supaya pada masa-masa akan datang perkara ini mestilah diambil kira.

Saya berani berkata demikian di sini oleh kerana bukannya orang Iban duduk di bandar. Mereka pun duduk di kawasan pedalaman dan mereka juga tidak ada *percentage* dari segi jumlah Kerusi di mana majoritinya penduduk Iban. Sekiranya kita mengambil kira tempat tinggal mereka, sepatutnya orang Iban tidak kurang dari 28.9% dari semua Kerusi yang 81 ini. Akan tetapi pada pembentangan ini, nampak sangat iaitu Kerusi ini tidak menggambarkan populasi ataupun *percentage* populasi kita di Sarawak.

Mengambil contoh, sekiranya betul iaitu syor dari SPR iaitu kita mengambil kira lokasi, mengambil kira berapa besarnya kawasan, cuba kita bandingkan kawasan DUN Tamin iaitu DUN pedalaman. Walaupun tidak berapa jauh dari Bandar Sibu, bandingkan dengan beberapa kawasan yang disediakan. Kawasan-kawasan baru yang ada dalam pembentangan tadi. Ini adalah menunjukkan ketidakseimbangan representasi kita di Sarawak.

Sekiranya SPR menjalankan tugas begitu bersungguh-sungguh, sudah tentu SPR boleh nampak bahawa misalnya di kawasan saya, kawasan Julau yang terdiri dari DUN Meluan dan DUN Pakan dan ramai pengundi di DUN Meluan adalah dalam Daerah Pakan namun jumlah pengundi Pakan kurang lagi dari pengundi di DUN Meluan. Sekiranya mereka memang betul-betul menjalankan tugas dan jangan melihat peta sahaja, sudah tentu misalnya Batang Sadong yang tidak sampai 20,000 pun pengundi di Parlimen dibahagikan jadi tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Sekiranya ini dibandingkan dengan Mulu misalnya. Mulu lebih ramai lagi pengundi di Mulu yang lebih susah hendak dihubungi dari mana-mana satu dari tiga kawasan DUN di kawasan Batang Sadong. Begitu juga kalau kita bandingkan kawasan-kawasan DUN di Batang Sadong dengan kawasan-kawasan DUN di Batang Luper.

#### **■1440**

Sudah nampak sangat bahawa lebih ramai pengundi di setiap DUN Batang Luper berbanding dengan DUN di kawasan iaitu kawasan Batang Sadong. Ini adalah yang kita nampak sangat dalam pembentangan dan saya berharap pada masa-masa yang akan datang bahawa SPR menjalankan tugas dengan mengira kesaksamaan cara kita mengurus masyarakat kita di setiap negeri supaya tidak ada kelompok-kelompok yang merasa mereka tertindas daripada tugas yang dijalankan oleh SPR. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh.

#### **2.40 ptg.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Auzubillahi minash syaitonir Rojim, Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian membahaskan usul ini. Sebagaimana kita juga telah mendengar sebentar tadi pandangan-pandangan daripada pihak pembangkang dan juga pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah persempadanan semula ini memang selamanya menimbulkan rasa yang sangat tidak puas hati di kalangan kami khasnya pembangkang kerana apa yang berlaku ialah sering dilihat persempadanan itu memberikan keuntungan kepada pihak pemerintah. Ia tidak adil kepada pembangkang. Selayaknya kerajaan dan juga agensi yang terlibat yang terbabit yang bertanggungjawab SPR berlaku jujur dan telus sewaktu membentuk persempadanan baru pilihan raya ini setelah ia dikaji setiap lapan tahun sekali.

Kami daripada PAS sebenarnya sejak dahulu telah menuarakan isu keseimbangan dan juga keadilan untuk persempadanan pilihan raya ini yang mana kawasan-kawasan dan juga negeri-negeri yang tertentu yang memang kita minta supaya berlakunya pertambahan kerusi sama ada di peringkat kerusi DUN ataupun di peringkat Parlimen. Ini adalah kerana mengambil kira yang pertama ialah pertambahan kapasiti penduduk dan juga pemilih di sebuah tempat. Kemudian yang kedua ialah keperluan keberkesanan khidmat kepada rakyat dan juga negeri daripada aspek pembangunan, kemajuan dan seumpamanya. Ketiga mengambil kira soal bentuk muka bumi, soal jarak keluasan, sempadan geografi. Keempat ialah soal komposisi etnik di sesuatu tempat.

Sebagai contoh saya ambil sempadan Parlimen dan juga DUN di Semenanjung ini yang sememangnya sudah lama kita tuntut dan kita minta ia dilakukan. Di Kelantan sebagai contoh, di Terengganu, di negeri Kedah. Tuan Yang di-Pertua, sejak sekian lama tidak ada persempadanan baru di negeri-negeri yang saya sebutkan ini. Di DUN Terengganu sebagai contoh sejak tahun 2002.

Sepatutnya pada tahun 2010 sudah ada pertambahan DUN di negeri Terengganu tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang pertambahan. Ini contoh yang saya hendak tunjuk sebagai ketidakseimbangan yang dilakukan dalam tindakan perubahan persempadanan ini. Masih ada lagi di kawasan-kawasan Parlimen yang lebih daripada 70,000 orang pengundi dalam negara kita dengan begitu ramai pengundi yang tidak dipecahkan atau tidak diubah sempadan pilihan rayanya. Malah ada juga sempadan DUN yang dalam satu DUN itu boleh jamak qasar sembahyang kerana jarak yang begitu jauh dan begitu luas sempadannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dan selayaknyalah pada negeri-negeri dan juga kawasan-kawasan tertentu pada pandangan kami demi kebaikan rakyat ia perlu kepada pertambahan DUN mahupun Parlimen tetapi mesti dibuat dengan adil, mesti dilakukan secara seimbang dan bijak. Bukan hanya untuk kepentingan satu pihak, kepentingan parti pemerintah semata-mata tetapi mestilah dilakukan secara bijak dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua oleh sebab kita kena akuilah bahawa pengecilan kawasan pengurusan dan pentadbiran yang berfokus itu akan meningkatkan lagi capaian perkhidmatan kepada penduduk setempat. Sementelah kalau kita lihat jika tumpuan itu lebih kepada kawasan pedalaman dan juga kawasan luar bandar di mana penempatan Bumiputera dilihat lebih bertumpu di kawasan seperti itu.

Akan tetapi asasnya ialah mesti berlaku adil dalam tindakan dan keputusan yang dibuat. Kita lihat sebagai contoh bagaimana pertambahan bilangan kerusi DUN di Sarawak. Tahun 1968

ada 48 DUN, tahun 1977 berikutnya masih kekal tidak ada pertambahan dengan 48 DUN. Akan tetapi sembilan tahun kemudian tahun 1986 ditambah lapan buah kerusi, lapan buah kawasan DUN menjadikan 56 DUN. Tahun 1996 62 DUN, tambah lagi enam buah kawasan. Tahun 2005 jadi 71 DUN dengan pertambahan sembilan buah kawasan. Kemudian ini tahun 2015 tambah 11 lagi menjadi 82 buah kawasan DUN.

Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua kalau begini *trendnya* negeri-negeri lain juga perlu ditambah kerusi DUN terutamanya setelah melalui proses lapan tahun ke-10 tahun kajian semula dilakukan. Akan tetapi malang kalau kita lihat sebagai contoh saya sebutkan di Terengganu bila kali terakhir, bilakah tahun terakhir berlakunya persempadan semula di negeri itu?

Jadi apa yang berlaku sekarang ini ialah saya lihat pembahagian itu masih tidak seimbang dan tidak adil antara jumlah pengundi dan juga kerusi-kerusi DUN. Kalau kita tengok di sini Sarawak sebagai contoh ada 1,063,740 orang pengundi dapatlah 82 kerusi DUN. Akan tetapi Kedah ada 1,022,136 orang pengundi hanya ada 36 kawasan DUN. Perak ada 1,395,492 orang pengundi hanya ada 59 DUN. Jadi ini contoh yang saya hendak tunjukkan ialah bagaimana tidak adanya keseimbangan, keadilan dan kewajaran dalam membuat persempadan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan saya ialah sikap yang diambil oleh Parti Islam Se-Malaysia di sini ialah persempadan mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia ini perlu diperbaiki daripada tiga sudut. Pertama ialah bentuk persempadan. Kedua ialah kaedah persempadan yang dibuat dan ketiga ialah kuasa pihak yang terlibat dalam urusan persempadan.

Tujuannya ialah untuk mencapai tiga perkara. Pertama ialah supaya ia lebih adil kepada rakyat yang memerlukan khidmat dalam pentadbiran dan juga pemerintahan negara kita. Tidak kiralah yang menang itu daripada pihak mana asalnya ia menjadi wakil rakyat sudah tentu sifatnya ialah akan memberi khidmat kepada rakyat. Kedua ialah mematuhi prinsip Perlembagaan Persekutuan dan ketiga supaya ia boleh akhirnya dipercayai oleh semua pihak secara adil sama ada pihak pembangkang ataupun pihak kerajaan.

Jadi justeru itu Tuan Yang di-Pertua kami mahu memberikan peringatan kepada pihak kerajaan dan juga agensi-agensi yang terlibat seperti SPR dan lainnya supaya dalam melaksanakan tanggungjawab ini tidak melampirkan satu niat yang terselindung apabila meluluskan persempadan semula ini hanya semata-mata untuk *maslahah* ataupun kepentingan pemerintah semata-mata kerana akhirnya nanti kita akan lihat keputusan pilihan raya ia akan kembali kepada rakyat.

Saya ambil contoh dalam persempadan tahun 2003, kerajaan ubah sempadan di DUN Kajang yang dimenangi oleh PAS pada tahun 1999. Akhirnya jadi dua DUN, jadi DUN Kajang dan juga DUN Bangi. Kesannya pada tahun 2004 UMNO boleh menang di kawasan tersebut. Akan tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi akhirnya ia akan kepada rakyat atas kesedaran dan juga kemahuan politik rakyat maka ia akan boleh berubah. Contohnya tahun 2008, tahun 2013 DUN ini kembali semula kepada PAS dan juga PKR.

**■1450**

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan sekali lagi ialah supaya dalam apa juar tindakan yang diambil, meletakkan keseimbangan dan juga keadilan yang mesti kepada semua. Bukan hanya pada Sarawak tetapi bagaimana dengan negeri-negeri yang saya sebutkan sebentar tadi. Jadi ini adalah penegasan yang saya ingin kemukakan dalam ruang yang diberikan kepada saya pada petang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Mukah.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Lanang.

**2.50 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Oh, Yang Berhormat Lanang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Mukah.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya yang jadi Tuan Yang di-Pertua, jangan dengar cakap orang lain. Yang Berhormat Mukah duduk balik kenapa?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak nampak dia berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Lanang kacau sikit sudah duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong yang kacau. Bukan Yang Berhormat Lanang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga bersama dengan rakan-rakan saya untuk memberi sokongan kepada usul yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai persempadan baru, kajian persempadan di negeri Sarawak pada tahun 2015 dan ini adalah saya ingin juga menyatakan rasa syukur terhadap Allah SWT kerana berjaya juga negeri Sarawak dapat meluluskan ini dan terus menyampaikan kepada Dewan Rakyat.

Saya ingin menyeru di sini bahawa tujuan kita mengkaji sempadan adalah dengan niat untuk terus membangunkan kawasan negeri Sarawak yang lebihnya di pendalaman di mana asasnya ialah kita melihatkan komunikasi di mana kampung-kampung boleh dikatakan dengan izin *spread over the place* dan susah hendak dihubungi dan ini adalah satu kawasan yang begitu besar dan inilah tujuan kita untuk mengkaji semula supaya wakil-wakil rakyat dapat berhubung

dengan mereka, meletakkan mereka dan seterusnya membawakan suara mereka ke Dewan Negeri dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kalau saya ambil kesimpulan saya, kawasan saya dulu Mukah dalam tahun 1990 sebelum dikaji semula adalah termasuk, kalau di Sarawak kita katakan 5 orang Tuan Residen menjaga kawasan *legislative* dan 5 pegawai daerah dari Kuala Tatau sampai ke - boleh dikatakan Bawang Asan dan juga Pasai Besai di kawasan Sibu dan Kampung Tekuk. Itulah kawasan saya dulu. Lepas itu mula disempadankan, kita melihat kawasan itu bertambah dengan masuk dalam kawasan Bintulu, kawasan Selangau dan kawasan Igan. Jadi pentadbiran pun bertambah baik dan hubungan saya dan untuk mencari bagaimana kita membangunkan kawasan itu, bertambahlah peluang untuk saya mencari di tempat yang mana perlu pembangunan dan boleh dikunjungi.

Di kawasan itu dulu saya ada lebih dari 80 buah rumah panjang dan lebih dari 50 buah kampung dan sekarang boleh dikatakan kurang dari setengah itu. Ini lah sebab di kawasan Sarawak ini kita perlukan, kalau kita tengok banyaknya kawasan-kawasan yang besar itu telah dikaji semula dengan kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang terasa tersinggung bila mendengarkan bahawa SPR ini cuma memihakkan kepada kerajaan. Kalau kita lihat Barisan Nasional telah menang berapa lama di negeri Sarawak, bukannya sempadan, bukan kerana hanya kawasan-kawasan tetapi kerana kita adalah satu parti di dalam kerajaan yang telah memberikan khidmat kepada rakyat dan menyampaikan utusan-utusan kepada rakyat. Tidak kita...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]**

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Yang Berhormat Bintulu, silakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Mukah. Kita kerajaan Sarawak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri hendak cadang buat ini sempadan yang baru. Yang Berhormat Mukah setujukah tidak pasal kita Yang Amat Berhormat Ketua Menteri lihat sedalam-dalamnya kawasan luar bandar begitu luas. Kalau rakyat hendak datang cari wakil rakyat, mahu ambil hari ataupun mahu ambil berjam-jam. Mungkin 8 jam, 9 jam baru boleh sampai bandar jumpa sama kita di pusat perkhidmatan. Kalau di bandar Kuching, mungkin paling jauh setengah jam sudah sampai. So, perbezaan begitu besar.

Inilah kita kerajaan negeri Sarawak ambil rancangan pecah belah lagi sempadan yang baru. Jadi Yang Berhormat Mukah setuju tidak, kita mencadangkan ini daripada kita Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, dia punya tujuan mahu membantu rakyat di kawasan pedalaman tidak payah turun sampai begitu jauh jumpa wakil rakyat dan juga bolehlah minta wakil rakyat- wakil rakyat itu di kawasan masing-masing lagi lebih boleh *concentrate* membangunkan kawasan pedalaman dan juga Yang Berhormat Mukah setujukah tidak sepatutnya kita di Sarawak, kawasan Parlimen pun boleh lagi pecah belah. Setuju atau tidak?

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Bintulu kerana kawasan kita Parlimen lagi masih besar lagi. Macam Hulu Rajang, macam Baram tapi kalau untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua kita sebagai kerajaan di Sarawak di bawah Ketua Menteri kita melihat rancangan ini jangka panjang untuk kita membangun kawasan-kawasan ini. Memang ada dalam *blue print* di mana kawasan di Malaysia baru ini akan menjadi satu kawasan yang baru yang diwakili oleh seorang wakil rakyat DUN dan juga dengan menjadi satu *legislative center* yang baru.

Tapi kita lihat dan kalau kita lihat, sebentar dulu Yang Berhormat Limbang. Kalau kita lihat yang sibuk seperti teman-teman kita pembangkang dari negeri Sarawak ini, di kira berapa undi, berapa itu, sampai saya ingin memperingatkan kawan kita dari Sarawak itu tadi menyebutkan *they have popular vote in Sarawak, Barisan Nasional got a bigger popular vote in the last election. 61% if I'm not mistaken. So, remember that.* Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mukah. Saya ingin hendak, apakah pendapat Yang Berhormat Mukah sebagai contoh dulu di Parlimen Limbang sebelum ianya dipecah dua, ianya adalah di bawah Bukit Mas, 193 di mana 2 daerah, daerah Lawas dan daerah Limbang dan bersempadan negara Brunei lagi. Apakah tindakan kerajaan memecah dua Parlimen Limbang, Parlimen Lawas. Itu suatu tindakan yang betul sebab apabila ianya dipecah, maka pentadbiran, saya sekarang menjadi Ahli Parlimen Limbang dan Yang Berhormat Lawas di sini dulu dia pegang dua daerah di sempadan negara asing, begitu susah tapi sekarang alhamdulillah dia punya urusan pentadbiran dan sebagainya begitu. Apakah Yang Berhormat Mukah bersetuju tentang apa yang dibuat kerajaan pada masa ini adalah demi untuk kepentingan pentadbiran urusan rakyat.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Memang setuju dengan Limbang. Saya ingat dulu Yang Berhormat Limbang belum ada, dibahagikan, sekarang kita ada dua Ahli Parlimen dan kawasan saya dulu menjadi 3 Ahli Parlimen, Selangau dan Igan. Jadi cantumkan jadi 3 Parlimen. Ini adalah satu pentadbiran yang boleh katakan kita melihat kan masa depan. Kerajaan kita di negeri Sarawak, Kerajaan Barisan Nasional di sini juga, kita mengambil alih kuasa, memulangkan kerusi kerajaan supaya kita dapat membangunkan negara kita ini. *[Tepuk]*

Bukan seperti yang biasanya pihak pembangkang katakan menang, menang, menang lepas itu bising dalam Parlimen. Habis kempen di luar, kempen lagi dalam Dewan lagi. Tidak habis-habis kempen.

#### ■1500

Inilah isu, kalau saya lihat kawasan-kawasan yang saya tengok di Sarawak semasa *election*, banyak isu kalau tidak silap saya, tidak payah sebut nama, '*siapa yang makan cili, dia yang rasa pedas'*

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Tunggu sebentar ya. Kita tengok bahawa sampai membawa isu bercakap *English* dalam Dewan. *They are digging the bottom of the barrel for issues. We can start that one, these are issues in understanding and the way that ... [Dewan riuh].* Bila isu-isu tanah, *right is a right whether there is an understanding when you work together*, dengan izin. *[Disampuk]* But anyway yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, isu NCR dibawa, sekarang kerajaan dah buat. Isu api, isu elektrik, isu jalan apa lagi, Pan Borneo sudah ada.

Kalau orang dari Sibu ke Mukah atau Sibu ke Bintulu akan dapat jalan yang baik lagi. Jadi inilah usaha-usaha kita dalam membangunkan kawasan-kawasan luar bandar supaya walaupun hari ini kita lihat kawasan itu ada 7,000 orang pengundi. Dalam sepuluh tahun akan datang, kalau saya lihat di kawasan Mukah saya sahaja, dulu 20 orang pengundi, sekarang dah jadi 27. Orang masuk membuat pembangunan kita lihat dari 50,000 naik menjadi 100,000 penduduk. Tuan Yang di-Pertua, itulah cara-cara kita merancang pembangunan. Ya Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Mukah, kita dengar apabila perkataan ‘ubah’, perkataan yang dibawa oleh pembangkang ‘ubah’. Kemudian, dan sekarang mereka tak sokong apa yang kita bahas tetapi mereka nak pergi *rural* sekarang, *go to rural, rural* itu mana, inilah kawasan-kawasan baru ini. *[Tepuk]*. Mengapa mereka berminat sedangkan yang dicadangkan ini kawasan-kawasan sebelah ini adalah banyak di luar bandar. Mengapa mereka berminat. Inilah politik...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minat kerana kawasan ini diabaikan oleh Barisan Nasional sekian lama, itulah mengapa kita berminat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberesar suara]*

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Barisan Nasional tidak pernah mengabaikan mana-mana tempat di luar bandar.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tadi yang bahas kata tidak ada jalan nak masuk, nak masuk pun susah. Itu bukan mengabaikan?

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Tidak ada.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tadi yang kata ...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat, itu adalah perasaan cemburu terhadap Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Okey Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ini cemburu, apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena faham *floor* siapa ya.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Ada suara di sebelah sana. Yang Berhormat Sibuti memang betul, *we are opening* dengan izin kita membukaan...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** So I said dengan izin, what is wrong with it? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Mukah, sila teruskan. Tidak perlu layan mereka Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti point kita tidak sempat Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Sibuti. Kalau kita buka kawasan-kawasan luar bandar, kalau orang nak pergi *rural*, silalah datang *rural* juga. Biar kita bertanding sana lah, pergi *rural*, dipersilakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa di sini tujuan kita ialah murni sekali kerana dalam kita membangunkan kawasan-kawasan luar bandar seperti di kawasan-kawasan Murum ada pembangunan ekonomi yang akan datang dimulai dengan penjanaan kuasa dan kawasan-kawasan di Hulu Rajang ditambahkan kerusi. Kita akan menambahkan supaya mereka ini dapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan juga yang dikatakan dituduh kita mengabaikan tidak sekali cuma kita adalah membuat rancangan dengan teratur dan mengikut cara-cara kita yang menghasilkan dengan baik untuk rakyat dan kongkalikung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Mukah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tertarik, Yang Berhormat Bukit Mertajam ada kata kita mengabaikan kawasan-kawasan luar bandar. Saya minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Mukah, bolehkah beri sedikit pandangan di bandar Pulau Pinang ataupun di Selangor, kawasan bandar dan kampung-kampung jalan rayanya macam mana.

Ada baik daripada kita punya kawasan luar bandar sekarang kita sudah membangunkan begitu banyak jalan di kawasan luar bandar. Jadi saya rasa Yang Berhormat Bukit Mertajam kalau sampai Sarawak, kalau dia perintah Sarawak, rakyat Sarawak luar bandar hanya tunggu lagi 100 tahun pun belum ada jalan. Dia belum faham lagi. Satu rumah panjang ke satu rumah panjang berapa puluh kilometer.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sekarang pun tidak ada jalan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Berapa puluh kilometer baru ada satu rumah panjang, dia tidak faham. Satu rumah panjang masuk, macam contoh saya punya kawasan...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sekarang pakai sampan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...70 kilometer baru ada satu rumah panjang. Saya mahu tanya, 1 kilometer pula berapa anggarannya, 70 kilometer berapa. Cakap banyak besar Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia belum sampai lagi. Mari ke kawasan saya, saya bawa dia jalan satu kali tengok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Mukah, sila gulung.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bintulu. Kalau kita lihat, itulah yang saya sebut di awal tadi di mana kawasan-kawasan yang seperti tempat pembangkang yang menang sekarang semuanya, dulu kita...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tadi tanya tentang Pulau Pinang?

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** ...Telah bangunkan dan sekarang dia cuma bising ambil alih...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** ...Kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Kalau dia pergi luar kawasan, dibuat satu dua jambatan, riuh rendah seperti ayam, '*telur sebiji, riuh sekampung*'.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ni tadi dia kata tentang Pulau Pinang, minta laluan.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Minat Yang Berhormat Lanang? Sila, sila, sepuluh minit Yang Berhormat. *[Tepuk]*

### 3.07 ptg.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya negeri Sarawak 2015.

Tuan Yang di-Pertua, persempadanan kawasan pilihan raya telah lama diangkat sebagai tidak adil kerana dua amalan SPR iaitu *malapportionment* dan *gerrymandering*. Prinsip satu orang, satu undi, satu nilai, *one man, one vote, one value* telah perlakan-lahan terhakis melalui pilihan raya *malapportionment* iaitu pembahagian tidak sekata dan *gerrymandering* yang telah lama dikritik kerana tidak adil dan tidak demokratik.

SPR Malaysia telah terkenal dengan *gerrymandering* dan *malapportionment* apabila Barisan Nasional memenangi 133 Kerusi Parlimen dengan hanya 47 peratus undi popular berbanding dengan pembangkang sebanyak 89 Kerusi walaupun mendapat 51 peratus undi popular pada PRU Ke-13 pada tahun 2013. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, SPR telah mengkaji semula pembahagian negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian Pilihan raya Persekutuan dan negeri pada awal tahun 2015 dan telah menampilkan syor-syor berikut. Tiada perubahan dengan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan bagi negeri Sarawak. Jumlah bahagian-bahagian pilihan raya negeri bagi Sarawak ditambah sebanyak 11 bahagian yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 82 bahagian. Pindaan kepada nama bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan yang melibatkan satu

bahagian negeri Sarawak dan pindaan kepada nama empat bahagian-bahagian pilihan raya negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kita perlukan kualiti dan bukan kuantiti. Mengapakah persempadanan semula negeri Sarawak 2015 merupakan proses penambahan Kerusi pertama di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak yang dilaksanakan tanpa penambahan Kerusi Parliment. Memandangkan tiada Kerusi Parliment yang ditambah, adakah ini bermaksud penambahan Kerusi DUN Sarawak adalah tidak diperlukan dengan segera. Implikasi ini tidak menambah sebarang Kerusi Parliment di Sarawak adalah kemungkinan bahawa Sarawak akan kurang diwakili jika Kerusi Parliment baru ditambah di Sabah dan Semenanjung Malaysia dalam persempadanan semula bagi Sabah dan Semenanjung Malaysia selepas selesai persempadanan semula Sarawak.

#### ■1510

Adakah semua Ahli Parliment BN Sarawak bersetuju dengan penambahan Kerusi DUN tanpa penambahan Kerusi Parliment Sarawak? Ini tidak akan membantu dalam memastikan Sabah dan Sarawak bersama-sama memegang sekurang-kurangnya 1/3 jumlah bilangan Kerusi Parliment. Buat masa ini jumlahnya lebih hampir kepada 25%. Peratus ini akan berkurangan jika lebih banyak Kerusi Parliment ditambah ke Semenanjung Malaysia berbanding dengan Sabah dan jika tidak ada Kerusi Parliment ditambah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengundi telah meningkat daripada 905,722 daripada persempadanan semula Sarawak pada tahun 2005 Sarawak kepada 1,109,134 pada 2015 persempadanan semula Sarawak. Ini merupakan peningkatan sebanyak 203,412 pengundi atau 22.5%. Memandangkan peningkatan ini, mengapa hanya jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri meningkat tetapi tiada Kerusi Parliment.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan penambahan Kerusi Dewan Undangan Negeri, prinsip digunakan adalah tidak adil. Seperti yang diketahui, prinsip-prinsip yang dijadikan asas dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan raya Persekutuan dan Negeri bagi negeri Sarawak adalah berdasarkan Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Dari segi penentuan bilangan pemilih bagi satu-satu bahagian pilihan raya, kita semua tahu adalah sukar untuk menentukan perbezaan bilangan pemilih di antara kawasan yang maju dan kawasan yang belum maju atau di kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Sehingga kini, tiada formula khusus yang boleh dijadikan panduan bagi menentukan keseimbangan jumlah pemilih antara satu bahagian dengan satu bahagian pilihan raya yang lain. Adakah ia bermaksud konsep, '*one man, one vote, one value*' tidak mungkin atau tidak dapat dicapai di Sarawak? Jangan kata di Malaysia.

Justeru, prinsip-prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dijadikan asas utama dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya ini. Prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira

dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan Perkara 106 dan 107.

Dalam Jadual Ketiga Belas ini, dengan jelas menyatakan bahawa salah satu prinsip dalam membahagikan kawasan pilihan raya adalah bilangan pemilih. Jumlah pemilih dalam setiap kawasan pilihan raya mestilah lebih kurang sama kecuali kawasan adalah terlalu besar menyebabkan kesukaran dalam mencapai pemilih.

Selalunya alasan yang diberikan oleh SPR mengapa jumlah pengundi di kawasan luar bandar adalah kurang daripada yang di bandar, adalah disebabkan oleh kawasan yang lebih besar, yang rakyat perlu meliputi di Kerusi luar bandar. Akan tetapi ada beberapa Kerusi di kawasan bandar yang lebih kurang sama saiz tetapi mempunyai perbezaan yang besar dalam jumlah pengundi. Sebagai contoh, N.081 yang terletak di Kerusi Parlimen P.194 Petrajaya meliputi 10 kilometer persegi, mempunyai 13,580 pengundi manakala N.10 Pending yang di Kerusi Parlimen P.195 Bandar Kuching mempunyai 30,881 pengundi dan meliputi 14 kilometer persegi.

Sedangkan N.09 Padungan di Kerusi Bandar Kuching juga mempunyai 22,873 pengundi dengan kawasan 6 kilometer persegi. Selain itu, kawasan yang lebih kecil daripada kawasan ADUN saya iaitu N.52 Dudong tetapi hanya 1/3 bilangan pengundi Dudong seperti Dudong mempunyai 632 kilometer persegi dengan 6,712 pengundi sahaja di mana Dudong yang mempunyai keluasan 669 kilometer persegi mempunyai 28,569 pengundi.

Yang lain seperti Sadong Jaya yang mempunyai 6,752 pengundi, Simunjang 7,513 pengundi, Saribas 9,296 pengundi, Layar 8,835, Bukit Saban 8,676, Kalaka 7,324 dan Tabun 9,157. Kawasan yang lebih kecil daripada kawasan N.52 Dudong, tetapi hanya mendapat setengah bilangan pengundi Dudong iaitu Demak Laut yang mempunyai keluasan 223 kilometer persegi tetapi hanya mempunyai 12,365 pengundi dan Bukit Sari 11,051 pengundi.

Jika dibandingkan dengan Satok yang mempunyai kawasan yang lebih besar daripada Satok tetapi bilangan pengundi adalah *double* atau *more than double*, dengan izin daripada Satok iaitu Pending 30,881, Batu Lintang, Kota Sentosa, Pelawan, Bukit Asek, Bujuk dan Senadin. Kita mahu tahu mengapakah ia mempunyai perbezaan jumlah pengundi yang begitu besar? Ini adalah jelas menunjukkan ketidakadilan jika mengikut prinsip atau standard yang SPR telah tetapkan untuk dirinya sendiri dalam proses persempadanannya semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa penambahan Kerusi DUN di setiap kawasan Parlimen adalah kesan penambahan pengundi di kawasan tersebut. Sebagai contoh P.197 Kota Samarahan pada Jun 2011, jumlah pengundi adalah 32,619 dan selepas persempadanannya semula, jumlah pengundi adalah 39,029 orang. Manakala di P.199 Serian dari 29,963 kepada 34,602.

Amat hairan apabila didapati jumlah pengundi di kawasan Stampin P.196 adalah satu Kerusi Parlimen yang pengundinya kurang selepas persempadanannya semula iaitu dari 75,798 pengundi kepada 58,111 pengundi sahaja. Selepas persempadanannya semula ini, Bandar Kuching

akan mempunyai 81,992 pengundi manakala P.194 Petrajaya akan mempunyai 51,987 pengundi.

Mengapa tidak SPR menambah satu lagi Kerusi Parlimen di Kuching dengan mengambil bahagian daripada Stampin dan Bandar Kuching untuk mewujudkan satu Kerusi Parlimen yang baru? Perkara yang sama boleh dikatakan dalam kes kawasan saya iaitu Lanang dan Sibu. Kedua-duanya adalah agak besar dari segi kawasan liputan iaitu Lanang mempunyai 722 kilometer persegi, manakala Sibu meliputi 1,399 kilometer persegi.

Sebenarnya Lanang dan Sibu berada di bahagian Sibu di Sarawak. Jumlah keluasan kedua-dua kawasan Parlimen ini adalah sebanyak 2,121 kilometer persegi dan jumlah pengundi bagi kedua-dua bahagian Kerusi Parlimen adalah sebanyak 123,852 pengundi. Adakah SPR berhasrat untuk mewujudkan Kerusi baru, Parlimen baru di kawasan Sibu dengan mengambil bahagian dari P.211 Lanang dan P.212 Sibu.

Tuan Yang di-Pertua....

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Lanang, Bagan Serai.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Tidak ada masa, sorry ya. Nanti, nanti.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seminit sahaja.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Jangan kacau.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit sahaja.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ini, ini Sarawak, jangan kacau.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit lah, Yang Berhormat Lanang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. *[Dewan riuh]*

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Tuan Yang di-Pertua, ianya amat mengecewakan apabila prinsip ‘one man, one vote, one value’ boleh dikatakan tidak wujud di Sarawak apabila jurang jumlah pengundi adalah begitu besar jika dibandingkan dengan Kerusi jumlah pengundi yang terbanyak dan terendah selepas persempadanan semula Sarawak iaitu Kerusi N.54 Pelawan di bawah P.212 Sibu dengan 31,388 pengundi dan N.26 Gedong di bawah P.200 Batang Sadong dengan 6,712 pengundi. Bezanya adalah sebanyak 24,665 pengundi yang boleh membentuk lebih kurang tiga lagi Kerusi N.26 Gedong.

Selanjutnya jumlah pengundi di Kerusi Parlimen P.195 Bandar Kuching yang mempunyai jumlah pengundi yang terbanyak iaitu 81,992 berbanding dengan P.207 Igang yang mempunyai jumlah pengundi yang terendah iaitu 18,082 pengundi. Bezanya adalah sebanyak 63,910 orang yang boleh membentuk lebih kurang tiga lagi Kerusi P.207 Igang.

■1520

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Dari Sarawak, bolehkan? Sedikit, minta sedikit.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya masih ada, sorry ya. Pembahagian sekata (*equal apportionment*) kebiasaan dan kekecualian untuk kawasan yang kurang pengundi tetapi luas kawasannya. Punca masalah ini adalah apabila had yang ditetapkan berdasarkan dalam Perlembagaan Persekutuan telah dipinda daripada +15% daripada saiz purata di peringkat negeri dari tahun 1957 hingga tahun 1962 kepada +33.33% pada tahun 1962 hingga tahun 1973. Akhirnya dihapuskan pada tahun 1973 oleh Parlimen. Apakah perbezaan luas antara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lanang.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Sekejap lagi – antara saiz kawasan yang dibenarkan kepada kita, kini mempunyai masalah *out of control among apportionment*. Tuan Yang di-Pertua, dengan pembangunan yang mundur di Sarawak walaupun pertambahan 11 buah Kerusi, tiada penambahan Kerusi Parlimen. Jika tiada penambahan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, apakah gunanya penambahan Kerusi DUN dengan 82 buah Kerusi DUN, adakah masa persidangan akan dipanjangkan daripada lapan hari kepada satu minggu atau lebih lama lagi? Seperti di Dewan yang mulia ini, kita mempunyai 222 buah kerusi tetapi masa persidangan hanya lebih kurang 50 hingga 60 lebih hari setahun dan ia tidak cukup untuk memberikan peluang kepada setiap Ahli Parlimen untuk berbahas dan membawa isu rakyat ke Parlimen.

Selain daripada itu, rakyat Sarawak ingin tahu adakah penambahan sebanyak 11 buah Kerusi DUN ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah dalaman Barisan Nasional Sarawak yang disebutkan penubuhan dua buah parti baru iaitu Teras dan UPP di Sarawak? Saya berharap ini bukanlah tujuan sebenar atau agenda di sebalik penambahan 11 buah Kerusi DUN kerana ia adalah tidak bertanggungjawab dan tidak adil kepada rakyat Sarawak dan juga Malaysia.

Walau bagaimanapun, ia memberikan petanda jelas bahawa Pilihan Raya Negeri Sarawak akan diadakan dalam masa terdekat bagi mengesahkan kedudukan dan mengukuhkan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang kini juga terlibat dalam skandal seperti derma RM2.6 bilion dan juga hutang 1MDB. Oleh itu, saya membantah persempadanan semula negeri Sarawak ini, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila diam Yang Berhormat. Oleh sebab saya memberikan satu tambahan kepada pihak pembangkang dan saya membenarkan Yang Berhormat Tanjong Karang, 10 minit.

### **3.22 ptg.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita membentangkan usul penambahan Kerusi DUN Negeri Sarawak. Saya ingat ini satu sejarah yang pertama, saya ingat ini pertama kali lah. Cadangan ini datang daripada DUN. Kedua, saya ingat ini pertama kali juga apabila cadangan penambahan Kerusi ini dicabar di

mahkamah. Jadi di sebelah sana, saya mendengar ucapan dan nampaknya dia agak keliru antara penambahan Kerusi Dewan Undangan Negeri dengan penambahan Kerusi Parlimen.

Kalau hendak menambahkan Kerusi Parlimen, mesti dibuat di Parlimen perlukan *two-third majority*. Akan tetapi kalau kita hendak tambah, kita hendak pinda kawasan pilihan raya sahaja, tidak perlu *two-third*. Jadi, yang saya hendak bangkitkan yang pertama ialah mengenai cadangan – saya terdengar di sebelah sana cuba hendak ‘tegakkan’ keputusan Mahkamah Tinggi dan mengatakan keputusan Mahkamah Tinggi mengenai notis mengapa diabaikan.

Sekali lagi saya nampak bahawa pembangkang ini tidak menghormati kedaulatan undang-undang. Ini bermakna kalau keputusan Mahkamah Tinggi, *you* sudah membuat keputusan, bukannya *final*. Dia merayu kepada Mahkamah Rayuan. Keputusan ini sampai ke Mahkamah Persekutuan. Bagaimanakah sebelah pihak di sana hendak mempertikaikan keputusan mahkamah? Segala apa yang dihujahkan di sebelah sana telah ada dalam kes tersebut. Jadi saya belum habis lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sampai Mahkamah Rayuan sahaja bukan Persekutuan. Itu pembetulan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya betul, terima kasih. Ya lah, apa juga keputusan mahkamah yang lebih tinggi bermakna kita kena terima, jadi janganlah kita hendak membesar-besarkan keputusan Mahkamah Tinggi sebagai contoh.

Kedua, saya tengok isu yang dia bangkit ini tidak habis, habis ialah *popular vote*. Kalau hendak *popular vote*, kita kena ubah sistem. Kita mengamalkan sistem *Westminster*. Saya hendak beritahu kepada sebelah sana, 2015 pilihan raya di UK, Parti Konservatif hanya mendapat 36.9%, kita 48%.

Soalnya hari ini mengapa di United Kingdom mereka tidak bising pun *popular vote*, kerana Ahli Parlimen mereka beradab, tahu undang-undang. Tidak habis, habis. Kita ini '*first-past-the-post*' ini kena faham. Ini kita kena faham sistem kita, yang kita warisi daripada *Westminster*. Kalau kita, memang ada dalam Perlembagaan kita, mengapa kita hendak mengagung-agungkan sesuatu perkara yang di luar Perlembagaan kita, yang di luar peraturan kita. Tidak habis, habis *popular vote*.

Saya ingatlah Tuan Yang di-Pertua, kalau agaknya Barisan Nasional ini menang macam Parti Konservatif, 36.9% sahaja menang, saya ingat pecah Malaysia ini. Tidak habis, habis akan mengadakan demonstrasi. Ini pun dahulu selepas pilihan raya, 'Black 505'. 505, apa hendak buat pilihan raya? Dia tidak berpuas hati lagi, buat pula demonstrasi 505. Kata ada api padam dan sebagainya. Apabila membuat petisyen di mahkamah, apa yang dikatakan waktu 'Black 505', tidak pula ditimbulkan. Ini yang menunjukkan bahawa mereka lebih hendak menghasut rakyat, hendak menunjukkan kita ini tidak adil. Jadi *popular vote* lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh bagi laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, term *popular vote* tidak terpakai sebab *popular vote*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan kita kata *popular vote* itu hanya rujukan yang tunggal. Kalau tadi Yang Berhormat menyebut tentang United Kingdom. *Popular vote* untuk Parti Konservatif 36.9%, *popular vote* untuk Parti Labour, 30.4%. *Labour Party* concede sebab dia pun kurang *popular vote* dibandingkan dengan Parti Konservatif. Parti Konservatif memang di antara semua parti yang bertanding, mereka mempunyai *popular vote* yang paling tinggi, itulah sebabnya mereka bersetuju.

Saya tidak pernah lihat di mana-mana negara demokrasi yang *popular votenya* kurang tetapi dia menjadi parti pemerintah selain daripada dia bergabung dengan parti yang lain untuk mendapatkan *popular vote* yang cukup.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak berckap pasal penggabungan parti, Yang Berhormat kata pasal penggabungan parti. Yang Berhormat kata penggabungan parti?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau tidak cukup.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, saya faham.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Seperti di Turki, boleh sedikit? Seperti di Turki, dia ambil *first round popular vote* dia sungguhpun tinggi tetapi dia tidak cukup, dia membuat pilihan raya semula...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baik.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Untuk mendapatkan *popular vote* yang paling tinggi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baik.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu namanya demokrasi sungguhpun Turki pun mengikut '*first-past-the-post*' seperti kita.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham di UK sistemnya seperti Malaysia, mengikut kawasan pilihan raya. Di Singapura ada dua sistem. Satu sistem yang kawasan pilihan raya, satu lagi dipanggil satu kumpulan itu, *group GRC*. Sama juga. Di Turki pun sama.

Saya sudah pergi ke Turki. Saya tanya bagaimana sistem pilihan raya mereka. Sistem pilihan raya mereka, dia punya kira undi dia dalam kawasan macam *group* juga, dia tengok macam kumpulan. Jadi kita jangan membandingkan dengan negara lain kerana sistem pemilihan mereka walaupun '*first-past-the-post*' vote tetapi cara dia memilih ahli-ahli, wakil rakyat dia...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Tidak sama.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** ...Turki menggunakan *proportional representation* bukan GRC.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]:** Boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuhulah.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Boleh? Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya? Saya confused. Boleh tanya sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sat, sat, sat. Saya habiskan. Tidak, bukan.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Boleh saya bertanya sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** ...Saya tidak berapa faham. Boleh saya bantu? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tadi Yang Berhormat Batu, saya minta penjelasan sebab saya tidak boleh bertanya soalan. Tadi Yang Berhormat Batu kata kalau di UK itu, parti-parti itu semua hanya 30 lebih, 30 lebih. Paling besar daripada yang kecil itu, yang terbesar akan menjadi kerajaan. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Tanjung Karang, dalam pilihan raya 2015, parti mana yang paling besar majoritinya? Tentunya Barisan Nasional. Mereka tidak bertanding atas kapasiti Pakatan Rakyat. Satu, satu, satu, bagaimanakah mereka hendak *combine* undi mereka? Sekadar ikut kalau Yang Berhormat, kalau mengikut apa Yang Berhormat Batu kata bahawa Barisan Nasional yang terbesar, 48%.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jawapannya, jawapannya, ‘cakap tidak serupa bikin’! Inilah dia pembangkang. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab saya hendak balik kepada isu yang kita *popular vote*. Kita tidak pakai *popular vote*, saya cakap tadi siapa yang kata tadi? Turki dan Singapura menggunakan sistem yang sama seperti kita. PR system lain. PR system, kalau misal kata hendak pakai *popular* betul tetapi kena pakai PR system lah. Akan tetapi PR system, kita tahu dia tidak ada pilihan raya kecil. Akan tetapi sistem seperti kita, kalau terdapat kekosongan Kerusi akan ada pilihan raya kecil sebagai contoh.

■1530

Ertinya sistem yang kita pakai ini jangan hanya hendak guna apabila ada kebaikan kepada kita. Macam mana Yang Berhormat Menteri kata tadi kalau hendak kira wujud kerajaan,

di Selangor lagi kerajaan cacamerba. Di Pulau Pinang pun sama. Kalau kita hendak tengok dia punya susunan dia PAS dekat Pulau Pinang pembangkang sebagai contoh, di Selangor pula dia kata kerajaan.[*Disampuk*] Kalau hendak kira, kalau hendak main politik – saya tidak mahu cakap politik, kalau sebut pasal politik, status kerajaan pun kita boleh pertikai.

Akan tetapi kita kata *popular vote*, kalau kita pakai sistem *Westminster* bermakna kita kena akur. Walaupun kita hanya bergantung pada bilangan kerusi, itu yang pertama. Kedua, dia cakap lagi isu *one man, one word*. Adil bukan. Ini kerana kita tahu dalam bandar pengundinya ramai tetapi dalam sistem kita juga ada kuasa kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Kalau dalam bandar dia ada Majlis Bandar raya. Dia ada perbandaran. Manakala di luar bandar paling kuat pun ada Majlis Daerah.

Peruntukan-peruntukan yang seperti mana Yang Berhormat Kuala Krai kata tadi, apakah tugas wakil rakyat? Hendak mendekati rakyat, hendak menyelesaikan masalah rakyat. Kalau dalam bandar ada dua agensi boleh menyelesaikan masalah rakyat. Akan tetapi, agensi paling besar ialah agensi daripada kerajaan negeri.

Jadi kerana itu, masalah-masalah dalam bandar walaupun pengundinya banyak tetapi dia tidak perlu – ramai tetapi kita cukup ada satu wakil rakyat kerana mereka ada Ahli-ahli Majlis mereka. Mereka ada pegawai-pegawai khusus untuk menguruskan kawasan-kawasan dalam bandar. Berbeza di luar bandar, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi, dia cakap pasal jalan. Kalau hendak ikut dari satu kampung ke satu kampung, peruntukannya cukup besar untuk membuat jalan. Dalam bandar walaupun pengundinya ramai tetapi dari segi prasarannya, kita boleh lihat tidak perlukan peruntukan yang besar sebab dia sudah ada di dalam bandar dan berbagai-bagai agensi Majlis Perbandaran juga membantu untuk membuat pembangunan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang sila gulung. Yang lain diam Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi sebab itu, gulung. – ya jadi masih lagi unkit pasal pengundi hantu. Kalau kita tahu kita ada peraturan. Dulu sampai kata Bangladesh 40,000 orang. Ini fitnah, tidak adupun, tidak ada bukti. Ini yang menunjukkan bahawa mereka cuba mencari isu. Mana ada istilah pengundi hantu. Sekarang ini, minggu depan sudah mula musim bantahan. Kalau ada pengundi-pengundi baru maka bantah, bayar RM10 satu pengundi kalau kita hendak bantah.

Kalau kita kalah bantahan kita kena bagi RM100 kepada SPR. Kenapa bantahan tidak dibuat? Mengapa bantahan tidak dibuat? Apabila telah diwartakan hendak ditimbulkan, oh, ini pengundi tidak betul dan sebagainya. Jadi erti mereka sendiri yang tidak mahu mengikut dan mematuhi undang-undang peraturan pilihan raya. Kemudian hari ini hendak menyalahkan SPR yang katakan SPR ini jentera kerajaan, jentera Barisan Nasional.

Kalau pilihan raya kita tidak adil masakan bilangan pembangkang bertambah dalam Dewan Rakyat. Masakan Selangor boleh kalah, Pulau Pinang boleh kalah, Kelantan kita tidak

pernah menang sudah lama. Jadi ini menunjukkan bahawa jangan salahkan SPR. SPR ialah Suruhanjaya yang telus menjalankan tugas.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlam]:** Boleh satu lagi?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih kepada SPR.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman Dahlam:** Saya hendak tahu penjelasan sahaja. Yang Berhormat Tanjung Karang ini soal tentang 40,000 orang pengundi Bangladesh yang dituduh oleh pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman Dahlam:** Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjung Karang, apakah ini.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini Menteri atau *backbencher* Tuan Yang di-Pertua. Jika hendak jadi *backbencher* Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak *jadi backbencher* jangan jadi Menteri.

**Datuk Abdul Rahman Dahlam:** Apakah ini strategi pembangkang untuk memecahkan isu 40,000 orang Bangladesh cerita ini pada pukul 11.00 pagi untuk mempengaruhi faktor undi sebelah petang pada hari mengundi. Ini sebab kalau 40,000 orang pengundi yang dikatakan Bangladesh ini dipecahkan, dikeluarkan pada pukul 11.00 pagi sudah tentu orang akan marah. Ini akan mempengaruhi faktor undi sebelah petang.

Apakah ini strategi pembangkang untuk memenangi pilihan raya dengan cara kotor ini, Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tepat sekali. Saya hendak mengatakan bahawa apa yang .... tepat sekali.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjung Karang. Yang Berhormat Tanjung Karang sekejap. Hendak minta tukar tempat dengan dia. *[Ketawa]*

**Seseorang ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, baik. Saya pun – bukan, Tuan Yang di-Pertua ini kadang-kadang kita bercakap tidak mengikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat ,Yang Berhormat sila gulung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak gulung ini. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Indera Mahkota tolong tengok dalam Peraturan Mesyuarat yang Menteri tidak boleh mencela. Adakah di dalam peraturan mesyuarat? Jadi kalau kita ada peraturan betul. Akan tetapi kita kalau misal kata untuk pencelahan biasa apa salahnya. Melainkan peraturan kita kata tidak boleh, barulah tidak boleh.

Jadi masalah kita kalau kita buat semuanya tidak betul. Kalau mereka buat, mereka tabur fitnah. Wah, mereka konon jadi hero kepada rakyat. Jadi saya bersetuju yang Menteri kata. Apabila pukul 11.00 pagi, tengok 40,000 orang Bangladesh keluar mengundi, pengundi pun marah. Ini apa ini Barisan Nasional. Ini kerajaan hendak menipu kah? Tidak ada cara lain kah hendak menang.

Jadi elok rakyat hendak undi Barisan Nasional dia marah sebab Bangladesh pun boleh mengundi. Itu banyak menang pembangkang ini. Jadi dengan itu saya minta bahawa dalam kita hendak menegakkan keadilan di dalam negara kita, supaya ada satu sistem pilihan raya kita yang adil, kita jangan mencari jalan SPR. Kita lupa salah kita dan hentikanlah tabur fitnah kepada SPR yang banyak menjalankan tugas. Sepatutnya pembangkang berterima kasih kepada SPR kerana adanya SPRIlah Ahli-ahli Berhormat berada dalam Dewan pada hari ini. saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

### **3.37ptg**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun Dewan yang mulia ini adalah untuk menggulung perbahasan mengenai usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia pada hari ini berkaitan dengan laporan kajian semula persempadanan mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi bahagian-bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri di dalam negeri Sarawak kali ke enam tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pada hari ini. Lebih-lebih lagi kepada pihak-pihak yang telah memberi sokongan kepada usul yang telah dibentangkan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak adalah urusan dan syor Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sepenuhnya. SPR telah melaksanakan tugas secara bebas tanpa diganggu oleh mana-mana pihak. SPR telah menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugas kajian semula itu tanpa memikirkan soal-soal kepentingan politik mana-mana pihak.

Urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak ini telah dijalankan semata-mata berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Setiap keputusan yang dibuat oleh SPR adalah untuk kepentingan rakyat Sarawak keseluruhannya dan demi kelancaran proses demokrasi amnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa amat kesal kerana wujud pihak-pihak yang sanggup menuduh dan menyalahkan SPR serta melabelkan SPR sebagai tidak bebas dan tidak adil. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Betul? Kalau betul macam mana Yang Berhormat duduk dalam di Dewan ini, boleh menang pilihan raya. *[Dewan riuh]* Ini sudah membuktikan bahawa SPR adil. SPR adil.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]**

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Ada yang sanggup menuduh SPR menjalankan tugas-tugas semata-mata untuk memberi kemenangan kepada sesuatu pihak tertentu sahaja.

Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat, SPR telah melaksanakan tugas dengan bebas dan telus serta tidak mengikut telunjuk mana-mana pihak sebagaimana tohmahan yang telah dilemparkan itu. Sebaliknya, kita di Dewan yang mulia ini sepatutnya berterima kasih kepada SPR yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan begitu telus dan rapi.

#### ■1540

Ini kerana setiap urusan kajian semula persempadanan yang dilaksanakan oleh SPR adalah berlandaskan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan pindaan undang-undang ke atas fasil 2 Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak berhubung komposisi keanggotaan DUN daripada 71 Kerusi kepada 82 Kerusi yang telah berkuat kuasa pada 5 Disember 2014. Ingin kita maklumkan di sini juga ada di kalangan mereka ini ataupun saya— satu sekurang-kurangnya seorang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri Sarawak.

Sekiranya dikaji dengan teliti syor-syor yang telah dibuat oleh SPR, kita dapat bahawa syor bagi 82 bahagian pilihan raya yang disediakan oleh SPR telah memberi peluang seluas-luasnya kepada semua pihak dan rakyat Sarawak yang tergolong daripada pelbagai kaum untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya yang akan diadakan pada masa hadapan.

Bahagian-bahagian pilihan raya yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini tidak diwujudkan semata-mata untuk kepentingan sesuatu pihak tertentu sahaja tetapi untuk semua pihak dan seluruh rakyat negeri Sarawak sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun pedalaman. Seandainya pihak kerajaan yang memerintah pada masa ini mahukan bahagian-bahagian pilihan raya dalam negeri Sarawak dipersempadankan mengikut kehendak kerajaan, sudah tentu berlaku campur tangan bagi membolehkan pihak kerajaan untuk terus memenangi pilihan raya pada masa akan datang.

Kajian tersebut tidak akan dibuat mengikut apa yang telah dikemukakan oleh SPR seperti yang terkandung dalam laporannya. Akan tetapi sebaliknya apa yang dibentangkan kepada kita kali ini adalah jelas menunjukkan bahawa SPR bertindak, sekali lagi saya ulangka secara bebas dan tidak ada sebarang campur tangan dari pihak kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pameran syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak yang telah diadakan pada 5 Januari 2015 sehingga 4 Februari 2015 dan pada 30 Mac 2015 sehingga 29 April 2015, SPR telah menerima bantahan dan ini juga satu proses demokrasi Yang Berhormat.

SPR telah menerima bantahan daripada kategori kumpulan 100 orang atau lebih pemilih berdaftar dan juga pihak berkuasa tempatan bagi kawasan bahagian pilihan raya yang terbabit. Bukan setakat itu sahaja, pihak SPR juga telah turun padang hatta sehingga ke kawasan pedalaman untuk mendapatkan penjelasan daripada pembantah-pembantah. Ini jelas membuktikan bahawa SPR membuka peluang seluas-luasnya kepada penduduk negeri Sarawak untuk mengambil bahagian dalam proses kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak dan bagi memastikan...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin bangun.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...Syor-syor yang dikemukakan turut mengambil kira keperluan penduduk negeri Sarawak. *[Disampuk]* Saya sendiri tahu bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...terdapat syor-syor yang dicadangkan oleh SPR tidak dipersetujui oleh beberapa pihak dalam kerajaan sendiri. Sungguhpun begitu kerajaan tidak menganggu mahupun mempengaruhi pihak SPR dalam melaksanakan tugas-tugas mereka...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri minta penjelasan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat Stampin ya. Ini kerana pihak kerajaan akur akan kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang yang tertinggi di Malaysia kepada pihak SPR untuk melaksanakan tugas-tugas mereka bagi menjamin keharmonian sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia. Malah tadi kita dengar Yang Berhormat Stampin pun mengatakan ada juga bantahan daripada parti kerajaan. Jadi itu menunjukkan parti kerajaan tidak mencampur tangan dalam hal bantahan. Ya, Yang Berhormat Stampin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik apa yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi, ada juga bantahan daripada parti kerajaan. Akan tetapi saya hendak minta pengesahan dari kerajaan, dari kawasan saya Parlimen Stampin, ini kawasan bandar raya terdapat empat bantahan dan tiga daripada pihak kerajaan iaitu Barisan Nasional. Kenapakah tiga bantahan daripada pihak kerajaan disetujui oleh SPR? Ini jelas menunjukkan bahawa bantahan berkenaan adalah mengukuhkan tempat mereka *by the expiring candidates* dan SPR setuju.

Akan tetapi bantahan daripada pihak lain SPR tidak setuju, itu saya hairan. Jadi kalau ini di kawasan perkampungan, saya, *I understand*. Akan tetapi ini di kawasan perbandaran dan juga saya tidak faham. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kawasan Bandar Kuching daripada 50,000 orang pengundi naik *surge up* 80,000 orang pengundi kawasan Parlimen *for 86,000* pengundi, *surge down – go down to 50,000 plus* pengundi perbandaran.

Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri, daripada kajian mendalam daripada NGO, daripada syor-syor pembahagian ini didapati bahawa 30 peratus – hanya perlukan 30 peratus pengundi boleh mengundi 50 peratus wakil rakyat DUN di Sarawak. Hanya perlukan *one-third*, pengundi boleh memilih 52 orang wakil rakyat di Dewan Rakyat. Adakah, *is this fair?* Minta penjelasan, terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya saya akan sampai ke situ sebab saya ingat Yang Berhormat ada membawa perkara ini tadi. Jadi saya akan sampai ke situ nanti ya, sabar ya Yang Berhormat. Jadi tidak perlu kita berucap dahulu ya, urusan kita baru hendak mula. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan isu yang dinyatakan tadi mengenai, “*one man, one vote, one value*” iaitu daripada segi ketidakseimbangan bilangan pemilih ataupun kita mengamalkan *gerrymandering* semuanya *malapportionment actually*. Jadi saya akan menjawab semua isu ini yang mana ia telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti bilangan pemilih berdaftar antara bahagian-bahagian pilihan raya yang tidak sama rata serta konsep, “*one man, one vote, one value*”. Bahawa pembahagian bilangan pemilih berdaftar yang sama rata bagi setiap bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri dalam negeri Sarawak adalah sukar untuk dicapai kerana setiap bahagian adalah unik dan berbeza daripada segi demografi, keluasan kawasan dan bentuk geografinya.

Kalau tadi ramai di kalangan Ahli Parlimen dari negeri Sarawak telah membahaskan dan telah memberi sedikit pandangan dan juga pendidikan kepada mereka yang tidak pernah pergi ke kawasan-kawasan pedalaman ini untuk mengetahui besar saiz kawasan, cara-cara untuk sampai ke satu-satu kawasan. Jadi sebab itu kita menyatakan di sini ia sukar untuk dicapai. Selain itu, wujud keadaan di mana terdapat kawasan-kawasan luar bandar yang keadaan topografi dan demografinya yang sangat berbeza antara satu sama lain.

Secara tidak langsung Tuan Yang di-Pertua, wujud kekangan-kekangan seperti daripada segi lokasi yang terpencil. Jarak antara lokasi-lokasi di kawasan pedalaman yang amat jauh serta jalan-jalan perhubungan, pengangkutan dan komunikasi yang terhad. Ini perlu kita ambil kira. Sebagai ahli-ahli wakil rakyat ini yang penting adalah komunikasi. Kalau kita tidak dapat berkomunikasi agak sukar untuk kita memberi khidmat yang baik kepada masyarakat.

Jadi sungguhpun demikian, SPR bertindak adil dengan mengeluarkan satu syor yang memberi peluang bukan sahaja kepada rakyat yang tinggal di bandar bahkan kepada rakyat yang tinggal di luar bandar untuk mendapatkan hak memilih wakil rakyat masing-masing. Saya sedar bahawa mungkin terdapat kawasan-kawasan pedalaman atau luar bandar yang begitu luas kawasannya dan ini menyukarkan wakil rakyat berkenaan untuk menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan.

#### ■1550

Akan tetapi, keadaan ini yang telah wujud sejak beberapa pilihan raya yang lepas dan tidak menghalang wakil rakyat terutama sekali daripada Barisan Nasional berkenaan untuk

memberikan khidmat yang baik. Wakil-wakil rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman ini telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik mengikut cara yang bersesuaian dengan keadaan kawasan masing-masing. Ini membuktikan bahawa wakil-wakil rakyat yang dipilih adalah seorang yang serba boleh dan mampu untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mendarat bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik. Ingin saya kongsikan juga di sini kalau beberapa penggal yang dulu terutama sekali sebelum penggal 2008, tidak ramai pembangkang pergi ke kawasan-kawasan luar bandar kerana mereka tidak mengenali sangat kawasan luar bandar terutama sekali di kawasan seperti di pedalaman di Sarawak dan juga di Sabah.

Selepas itu makin ramai mereka datang pergi ke kawasan-kawasan luar bandar ini. Kerana apa? Kerana *accessibility* daripada segi jalan raya, banyak sudah dibekalkan atau dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ini membolehkan mereka untuk pergi dan kita merasa bangga kerana ramai daripada Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat daripada pembangkang boleh pergi ke kawasan-kawasan luar bandar dan melihat sendiri. Jadi kita mengharapkan ahli-ahli ataupun wakil rakyat dari sebelah sana menyokong kerana kita tahu, kita sedar bahawa kita lihat sendiri di kalangan DAP misalnya, *DAP Go Rural*. Tadi ada di kalangan kawan kita menyebut *DAP Go Rural*. Jadi secara tersurat dan tersirat, mereka juga menyetujui cara kita sebab mereka tahu bahawa dengan cara itu mereka dapat menambat hati pengundi-pengundi di kawasan luar bandar. Cuma satulah saya terkilan sedikit, ada kawasan itu oh *DAP Go Rural*, projek buka pusat khidmat, ambil gambar, *viral* masuk dalam sosial media tak sampai sebulan sudah tutup. Sudah jadi kedai *hairdresser* pula, jadi salon. Saya pun tak tahu kenapa tetapi sudah jadi *hairdresser* punya kedai, jadi tak tahu kenapa.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang bangun.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Adakah itu cara pihak pembangkang hendak *confuse* kan dengan izin, orang-orang di luar bandar ini? Tolonglah jangan mainkan perasaan orang-orang di luar bandar.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri, sedikit sahaja. Menteri, sedikit sahaja.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap, saya belum habis. Akan tetapi *you* tak payah pergi salon, tak apa.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri, sedikit sahaja. Dua tiga minit, dua tiga minit.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Biar saya habis yang ini *you* boleh tanya, okey?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, okey.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey. Saya bagi *chance* nanti. Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan yang kita lihat. Saya percaya, saya hendak ulang lagi saya percaya pihak sebelah sana tersurat tersirat memang pun menyetujui cara kita. Memang dia tahu kita tidak dapat mengikut cara yang mereka kata *one man one vote one value*. Tidak dapat praktik kalau di negeri Sarawak.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Gulung, gulung tikar.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Jadi sejak pilihan raya diperkenalkan di Malaysia ini, rakyat negeri Sarawak telah berpeluang untuk memilih wakil rakyat dan wakil-wakil rakyat juga mendapat peluang yang sama rata untuk memimpin dan membangunkan negara sama ada di kawasan luar bandar ataupun di kawasan bandar. Saya percaya satu masa nanti apabila pembangunan negara bertambah pesat dan terlaksana sepenuhnya, maka unsur-unsur perbezaan yang wujud antara bahagian-bahagian pilihan raya pada masa ini akan dapat diatasi. Pembangunan yang sedang dijalankan khususnya pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pembangunan kawasan-kawasan industri dan pelbagai bentuk pembangunan sosio ekonomi yang pesat pada masa ini akan secara beransur-ansur merapatkan jurang-jurang perbezaan yang terdapat di antara satu bahagian pilihan raya dengan bahagian pilihan raya yang lain. Saya berhenti sekejap, saya hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Serdang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri, tadi menteri kata memang ada banyak pembangkang pihak sini yang pergi ke kawasan *rural*, saya setuju tetapi saya hendak beritahu menteri, saya pun pernah masuk ke kawasan Mambong di Sarawak. Guna jalan kerajaan tetapi apabila hendak sampai ke satu kampung yang dipanggil Kampung Kiding, hendak jalan lebih kurang 3 kilometer masuk ke dalam kampung kerana tak ada jalan lepas itu pihak DAP telah membuka jalan dekat sana, sekarang *four wheel drive* boleh masuk sudah [*Dewan riuh*]. Saya hendak beritahu menteri ini adalah satu contoh ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri, ini sudah fahamkah? Ini impian Sarawak. Menteri tak hendak faham, inilah dia antara impian Sarawak untuk Sarawak oleh DAP. Faham kah? Tak faham lah menteri, menteri tak faham gulung tikar baliklah.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** .... kena tunggu pilihan raya, menipu rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya minta Yang Berhormat Kapar tarik balik itu. Tarik balik Yang Berhormat kata tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya hendak beritahu ....

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Kapar tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang. Sekali lagi mana-mana Yang Berhormat mengganggu, tak ikut peraturan, sila keluar. Yang Berhormat Kapar, saya ingatkan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Kapar tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang, saya belum habis lagi. Kalau hendak rehat, silakan. Sila.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Kapar tarik balik mengatakan menipu rakyat dahulu.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Subang, tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain sila diam. Yang Berhormat Kapar, apa maksudnya Yang Berhormat? Saya tidak dengar tadi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya mengatakan bahawa di sini ada penerangan daripada Yang Berhormat Serdang bahawa jalan itu dibuat dengan duit DAP sendiri. Bermaksud apa yang diterangkan tadi seolah-olah tak ada apa-apa yang dibuat oleh DAP, tidak benar. So saya kata jangan memberi alasan menipu rakyat. Itu memang betul, itu penjelasan saya.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tadi Yang Berhormat kata menipu rakyat. Saya minta Yang Berhormat Kapar tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat. Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya minta Yang Berhormat Kapar menarik balik itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu bukan keputusan menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu adalah keputusan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat-Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Menteri, ya Yang Berhormat Menteri.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya dengar, tarik balik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan hasut menteri lain, jangan hasut menteri lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu keputusan Speaker bukan keputusan menteri. Speaker tak arahkan, *come on* lah.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya bukan cakap benda yang mengarut.

**Seorang Ahli:** Menteri jangan sensitif sangat.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. Duduk. Ya Yang Berhormat Menteri, sila teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Itu tanda pengecut, tak berani tarik balik.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya pengecut apa? Hormat, hormat lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Menteri patut tarik balik usul bukan Yang Berhormat Kapar tarik balik kenyataan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu kena tarik balik itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar duduk Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Kapar, duduk. Sebab itu berapa kali Speaker telah menasihatkan jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati seorang ahli yang lain ya Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri yang salah.

**Seorang Ahli:** *Steady, steady* Yang Berhormat Batang Sadong.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Satu sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tengok Speaker, dia yang tak hormat Speaker. Saya duduk. Kalau saya diminta duduk, saya duduk. Menteri ini apa standard?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hormat Speaker, saya duduk. Tak payah hendak ayatlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila menteri, sila menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekarang baru tahu ya? Selalu main-mainkan menteri, selalu buli menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri pun harus bersabar ya. Sila, sila.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey Yang Berhormat, tadi saya dengar Yang Berhormat Serdang mengatakan jalan yang dibina. Saya tak ada mengatakan DAP tak buat apa-apa, itu saya cakap jangan cakap sebarang. Saya tak mengatakan DAP tak buat apa-apa, saya mengatakan kami buatkan jalan lepas itu Yang Berhormat di sebelah sana pergi ke kawasan luar

bandar ini. Kami bangga kerana dapat membuatkan, membenarkan mereka ini menggunakan jalan yang kita bina. Yang dikatakan di kawasan Mambong tadi, kita sedar bahawa ada juga kawasan-kawasan dibuat jalan tetapi jalan itu standardnya tak sama dengan JKR standard. Okey, terima kasih.

[Dewan riuh]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya ingin menegaskan di sini bahawa peruntukan Seksyen 2C yang dirujuk oleh Yang Berhormat Stampin tidak dibaca secara keseluruhan. Seksyen 2C di dalam Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan adalah, saya quote di sini “*bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar. Ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya itu*”.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]**

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat kesukaran yang dihadapi oleh SPR.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Stampin bangun lagi. Yang Berhormat, Yang Berhormat Stampin bangun lagi.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap, saya habiskan *paragraph* ini.

[Dewan riuh]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Oleh yang demikian, walaupun terdapat kesukaran yang dihadapi oleh SPR, saya mendapati bahawa SPR telah dapat mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya yang adil dan memberi peluang kepada semua rakyat untuk mendapat perwakilan.

## ■1600

Saya mengucapkan tahniah kepada SPR kerana telah dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. [Tepuk]

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]**

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat Stampinkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Stampin ringkaskan ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa memang susah hendak tercapai dalam pembahagian ini kerana di Sarawak kita lebih *special*, ada *special case* dengan izin. Akan tetapi apa yang saya tujukan ialah kawasan di bandar. Kawasan di bandar, *how can*

*we explain for Bandar Kuching? From fifty thousand up to eighty thousand, dengan izin dan kerana dia susah kita capai, we don't must be a balance.*

Kita mesti ada, *we must try the balance* dan tidak dapat membuat pengesahan kenapa apabila pembantahan kepada daripada pihak kerajaan, dia dipersetujui dan bantahan ini adalah di *urban area, in my own sit. Shifting off* daerah mengundi supaya memperkuatkan kawasan dia sendiri kerana *he said inspiring candidate. It doesn't make sense*, dengan izin.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat, biar saya ambil *detail* perkara itu. Mengenai apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya teruskan dulu Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai isu keputusan Mahkamah Tinggi Kuching mengenai notis persempadanan oleh SPR. Terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kuching yang memutuskan bahawa notis persempadanan yang dikeluarkan oleh SPR adalah tidak lengkap dan kekurangan maklumat dan diputuskan sebagai dengan izin *null and void*.

Notis berkenaan juga dikatakan tidak memenuhi peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Mereka mendakwa bahawa notis tersebut tidak lengkap kerana tidak mengandungi maklumat terperinci khususnya senarai nama pemilih, saiz pengundian, keluasan kawasan kepada syor bahagian pilihan raya dan kesan syor berkenaan kepada pengundi dan pusat mengundi sedia ada.

Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut gagal menerangkan di dalam Dewan ini bahawa Mahkamah Rayuan telah dengan izin *over rule* keputusan Mahkamah Tinggi Kuching tersebut dan memutuskan bahawa notis persempadanan yang dikeluarkan adalah lengkap dan mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan. [Tepuk] Sehubungan dengan itu, isu bahawa notis SPR ini tidak lengkap tidak lagi relevan. Tambahan pula Mahkamah Persekutuan juga telah menolak permohonan untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan mengenai isu ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Notis kajian semula persempadanan bagi negeri Sarawak telah disediakan oleh SPR berdasarkan peruntukan seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Adalah disebutkan dengan jelas di dalam peruntukan tersebut bahawa notis yang diwartakan hendaklah mengandungi kesan-kesan syor kajian semula persempadanan yang disediakan oleh SPR. Sekiranya Ahli Yang Berhormat Menteri meneliti...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat..

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Semula notis yang telah disiarkan oleh SPR di akhbar-akhbar pada 5 Januari 2015 dan 30 Mac 2015, jelas dinyatakan di dalam Jadual Pertama, notis tersebut akan kesan-kesan syor iaitu bahagian-bahagian pilihan raya yang baru. Pindaan nama sedia ada bagi bahagian-bahagian pilihan raya serta bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan yang disemak semula dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini. Selain itu, jadual kedua notis tersebut mengandungi maklumat-maklumat mengenai bilangan pemilih berdaftar bagi bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan dan negeri bagi negeri Sarawak. Okey...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, memang benar apa yang dikata Yang Berhormat Menteri tadi. Ada dua keputusan iaitu keputusan Mahkamah Tinggi yang memihak kepada pihak pemohon dan Mahkamah Rayuan yang mereverse balik keputusan itu.

Cumanya Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya begini, Yang Berhormat Menteri bersetuju tak dengan saya bahawa isu ini berkaitan dengan interpretasi seksyen 4, Jadual Ketiga Belas sebab menurut Mahkamah Tinggi mestilah *sufficient particulars* sebab dia kata, pihak-pihak yang hendak bantah ini mesti mengetahui. Dia bagi contoh, bagi contoh di kawasan mengundi PR Batu Kawa, ada terdapat 1,675 pengundi dalam data pemilih yang telah diwartakan 30 April 2004.

Akan tetapi setelah ada notis ini dikeluarkan, pengundi tinggal hanya 204 orang sahaja. Jadi dia mengatakan sudah tentulah mereka yang *affected* dengan *result* ini, benda itu mesti dinyatakan notis. Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan tidak bersetuju.

Saya bacakan keputusan Mahkamah Rayuan. “*There was no requirement that a person wishing to object the purpose recommendation must know that he was adversely affected before he could make a presentation.*”

Jadi sekarang ini, yang saya persoalkan, setuju tak, begitu juga dalam kes Harold dulu, isu yang melibatkan taksiran Perlembagaan yang penting, isu *public interest*. Isu ini juga melibatkan penaksiran Perlembagaan. Isu ini penting, ada *noble point of law*. Kenapakah kalau isu seperti ini tidak ada satu *guidance* daripada mahkamah yang *Apex Court*, Mahkamah Persekutuan. Ini yang kita bimbang persepsinya seolah-olah Mahkamah Persekutuan ini sengaja tidak mahu mendengar kes ini sedangkan apabila ada dua *deal of conflicting decision* ini, *the best to resolve is to go the federal court, I let the federal court...*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menjangkaui batas mahkamah itu. Jadi itu adalah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan, bukan, saya hendak berucap setuju tak dengan saya...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sebab Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai mahkamah tadi. Itu tak..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, tak...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya rasa sebagai peguam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan, *I know, I know. You a lawyer okey, is okey.*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Kena tarik baliklah, kena tarik baliklah itu. Tak betul cara Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No, my question is perception, perception. [Dewan riuh]*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Itu keputusan mahkamah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *My question is setuju tak dengan saya...*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Keputusan mahkamah itu Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No, sekejap, sekejap menteri, sekejap menteri.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I am not saying that Mahkamah Persekutuan tidak ada kuasa untuk tolak leave. My question is setuju dengan saya isu seperti ini adalah lebih baik kalau Mahkamah Persekutuan resolve to conflicting decision ini, setuju atau tidak sebab ini melibatkan interpretation of constitution.* Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Itu interpretasi Yang Berhormat. Jadi kalau adapun, dirasakan perlu diperbaiki, kita pertimbangkan. Kita lihat Yang Berhormat.

Tadi, saya rasa ini Yang Berhormat Stampin tadi bertanya mengenai kawasan Menteri Besar. Kalau saya tak silap Yang Berhormat Stampin, kita persempadanan semula ini adalah untuk kebaikan, kebaikan kawasan pilihan raya negeri Sarawak. Jadi kita mahukan untuk memudahkan dari segi komunikasi. Kalau kawasan besar, kawasan bandar itu tidak menjadi masalah. Apa yang menjadi masalah ialah kawasan luar bandar Yang Berhormat.

Jadi, sebab itu saya rasa itu tidak lagi menjadi isu kerana sudah ada peluang untuk membantah. Akan tetapi ada saya akan pergi ke bahagian untuk membantah nanti. Jadi biarlah saya teruskan ini sebab saya tidak banyak masa. Jadi Yang Berhormat saya teruskan di sini Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya ini masih tidak mencukupi, tadi berhubung dengan bantahan dari segi, sekejap ya saya balik, dari segi isu Mahkamah Tinggi tadi, sekiranya apa yang dinyatakan itu masih tidak mencukupi, SPR juga telah mempamerkan syor kajian semula. Ini saya rasa Yang Berhormat Sepang tadi sentuhkan. SPR juga telah mempamerkan syor kajian semula persempadanan berserta rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak selama tempoh satu bulan.

Syor tersebut mengandungi maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di dalam notis, malah ia adalah lebih terperinci lagi. Ini kerana maklumat mengenai jumlah pemilih bagi setiap daerah mengundi di dalam setiap bahagian pilihan raya turut dinyatakan di dalam syor tersebut.

Orang ramai boleh memeriksa syor dan rang pelan tersebut di tempat-tempat seperti yang dinyatakan di dalam notis yang disiarkan oleh akhbar-akhbar.

Selain itu, SPR turut memuat naik syor dan rang pelan tersebut ke laman web rasmi SPR sebagai satu inisiatif bagi memastikan maklumat-maklumat tersebut boleh diperolehi oleh semua rakyat Sarawak. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada sesi pembentangan pagi tadi, sebanyak 64 bantahan telah diterima.

Semasa pameran pertama dan 22 bantahan telah diterima semasa pameran kedua syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak. Secara keseluruhannya, sebanyak 86 bantahan yang telah diterima sepanjang pelaksanaan kajian semula persempadanan negeri Sarawak pada kali ini. Angka ini adalah jauh lebih banyak berbanding dengan bantahan yang diterima semasa pelaksanaan kajian semula persempadanan negeri Sarawak pada tahun 2005 iaitu secara keseluruhannya sebanyak 36 bantahan sahaja.

#### ■1610

Ini membuktikan bahawa notis dan syor kajian semula persempadanan serta rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya yang disediakan oleh SPR mampu difahami oleh orang ramai. Andai ianya sukar untuk difahami, sudah tentu jumlah bantahan yang diterima tidak sebegini banyak jumlahnya.

Tambahan pula hampir keseluruhan bantahan-bantahan yang diterima adalah dari kategori 100 orang atau lebih pemilih yang berdaftar bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan. Bantahan-bantahan yang diterima bukan sahaja dari kalangan penduduk negeri Sarawak di kawasan bandar seperti di Bandar Kuching, malah bantahan turut diterima daripada penduduk di kawasan pedalaman. Contohnya di Baram. Terbuktilah di sini bahawa motif dan syor yang disediakan oleh SPR adalah mampu untuk difahami oleh orang ramai termasuklah rakyat yang berada di kawasan pedalaman. Sesungguhnya SPR telah menjalankan tugas yang cukup baik demi memastikan kesejahteraan rakyat negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, isu bantahan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Stampin dikatakan tidak didengar semasa siasatan tempatan berhubung dengan bantahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Stampin ianya tidak dimasukkan dalam senarai untuk didengar semasa siasatan tempatan kerana bantahan tersebut tidak memenuhi peruntukan seksyen 5 bahagian II jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan kerana membuat bantahan terhadap keseluruhan persempadanan negeri Sarawak. Sedangkan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bantahan hanya boleh dibuat terhadap kawasan bahagian pilihan raya di mana beliau berdaftar, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Yang di-Pertua, pemisahan tanggungjawab SPR kepada tiga jawatankuasa bebas iaitu pendaftaran pemilih, perjalanan pilihan raya dan persempadanan....

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, pembetulan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak cukup lagi ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Bukan saya yang bantah, pengundi yang bantah. Pengundi kawasan tersebut.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Maksud saya Yang Berhormat pun ada, Yang Berhormat ada membantah. Tetapi ditolak.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya tidak membantah, pengundi kawasan tersebut yang membantah. Nama saya tidak terletak dalam buku ini.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey, saya faham. Pembantahan perlulah menepati seksyen 5 bahagian II Jadual Ketiga Belas. Saya balik kepada isu pemisahan tanggungjawab SPR kepada tiga jawatankuasa bebas iaitu pendaftaran pemilih, perjalanan pilihan raya dan persempadanan. Terdapat Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu mengenai pemisahan tanggungjawab dan fungsi SPR kepada tiga jawatankuasa bebas iaitu pendaftaran pemilih, perjalanan pilihan raya dan persempadanan.

Untuk makluman, bidang kuasa dan tanggungjawab suruhanjaya pilihan raya SPR seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan perjalanan pilihan raya, pendaftaran pemilih dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya. Sehingga kini kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan apa-apa jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli Parlimen pembangkang bagi melaksanakan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Boleh bagi saya habiskan ini? Terima kasih. Kerajaan berpandangan bahawa SPR adalah mampu dan berupaya serta telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah fasal 1 dan 2 Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna. Okey Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi semasa saya mencelah ketika perbahasan Yang Berhormat Lembah Pantai saya ada mengatakan bahawa pada 1 Jun 2013 sejurus selepas PRU Ke-13 apabila SPR telah hilang kredibiliti dan Barisan Nasional kalah teruk, pada ketika itu Yang Amat Berhormat Pekan ada memberikan satu janji di hadapan Yang di-Pertuan Agong semasa Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong iaitu bahawa Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan bahawa SPR bakal diletakkan di bawah satu Jawatankuasa Khas Parlimen. Selepas dua setengah tahun, janji ini belum lagi ditepati. Saya hendak tanya mungkin Yang Amat Berhormat Pekan boleh memberikan satu jawapan di sini. Apakah status Jawatankuasa Khas Parlimen?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, saya faham.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sebab ini janji di hadapan Yang di-Pertua Agong. Sudah janji kena bikin, sudah cakap kena bikin. Ini janji belum ditepati.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya sudah faham, saya ingat Select Committee itu, sudah-sudah saya faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya cukup.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya minta status itu diberikan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, memang *Select Committee* telah mencadangkan penambahbaikan dalam *I think about 22* dengan izin dan lapan telah dilaksanakan. Jadi....

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** ...Saya minta maaf. Ini Yang Berhormat Pekan yang janji...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Seremban tidak faham bahasa kah?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** ...selepas PRU Ke-13.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Seremban, duduklah Yang Berhormat Seremban. Yang Berhormat tidak faham bahasa kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat duduk Yang Berhormat Seremban.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini wakil rakyat apa ni cap ayam...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat mengenai apa yang dinyatakan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sepatutnya memuji kerana Yang Amat Berhormat sendiri inginkan perubahan ini, tetapi ianya...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tetapi tidak buat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...Masih dalam itu bukan dibuatkan oleh Yang Amat Berhormat sendiri, tetapi hasratnya itu merupakan satu hasrat yang perlu kita puji kerana ingin membawa perubahan kepada negara kita.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ada hasrat tidak ada *delivery*, ada hasrat tidak ada pelaksanaan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Jadi biarlah itu menjadi tugas pihak-pihak yang bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ini dikatakan demokrasi palsu. *Best world democracy, best democracy in the world.* Janji Yang Berhormat Pekan janji palsu, janji palsu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seremban...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak payah jawab. Yang Berhormat ini bukan masa untuk berpolitik ya.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Apa ni samseng Kampung Pandan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat Seremban.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya sudah jawab. Saya dimintakan untuk menggulung. Jadi ingin saya rumuskan di sini sebenarnya kenapa kita memerlukan persempadanan semula ini? Kenapa kita mengatakan ini adalah cara untuk kita memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk orang kita sebab dari dahulu lagi pemimpin-pemimpin yang mempunyai kuasa untuk membantu orang Sarawak beri jalan berit itu, tetapi tidak disampaikan untuk kita. Cuma pemimpin yang ada pada hari ini hanya mahu memberi kepada kita. Jadi maka dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, minta pengesahan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ... kerana sanggup membantu memberi kebaikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin, itu bukan caranya Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ada soalan yang belum dijawab lagi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tadi Yang Berhormat Lanang pun bangkitkan isu ini, jawablah...

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan....

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat ada satu isu yang saya bangkitkan belum ada jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin, duduk Yang Berhormat Stampin.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Last one, last one from Sarawak...*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan.

*[Dewan riuh]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri tadi Yang Berhormat Lanang bangkitkan banyak isu kenapa tidak jawab?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Isu yang saya bangkitkan masih belum jawab...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Mana isu yang saya bangkitkan? Mana jawatankuasa khas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat....

*[Dewan riuh]*

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Tidak ada jawapan bagi soalan saya. Langsung tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Oleh kerana usul ini dikehendaki dipersetujui dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli-ahli Majlis ini sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal 10 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dan mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5) maka dengan ini saya memerintahkan satu belah bahagi diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

■1620

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan belah bahagian yang kita kendalikan sebentar tadi.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 72 orang. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang bersetuju 130 orang. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, bermakna ini lebih daripada 112. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak kurang setengah daripada jumlah bilangan ahli Majlis ini mengundi, bersetuju dengan usul no.1, maka usul ini disetujukan.

*[Usul disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 3 Disember 2015.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.30 petang]*